

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI KHAMIS : 27 JUN 2024

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.5, 7 HINGGA NO. 103)

**[SOALAN NO.7 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 25,
39]**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA
BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN
ABDULLAH
PAYA BESAR**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**YB DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR]
minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan:**

- (a) adakah Kerajaan akan melaksanakan cadangan UNICEF tentang elaun penjagaan kanak-kanak sejagat bagi menyokong perkembangan mereka; dan
- (b) apakah strategi Kerajaan untuk memperkasakan wanita dalam peluang ekonomi masa hadapan yang berpotensi tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, bagi memastikan keluarga di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) mendapat perlindungan keselamatan sosial yang sewajarnya, Kerajaan telah melaksanakan skim Bantuan Kanak-kanak (BKK) secara bersasar berdasarkan saringan dan syarat-syarat (*means tests*) yang ditetapkan. Ini bagi memastikan bantuan yang disampaikan adalah kepada golongan yang benar-benar memerlukan.
2. Mulai tahun 2021, Kerajaan telah menaikkan kadar bantuan bulanan skim BKK daripada RM100 kepada RM150 seorang bagi kanak-kanak yang layak berusia 7 tahun dan ke atas serta RM200 bagi kanak-kanak yang layak berusia bawah 7 tahun. Mulai tahun 2021 juga, kadar bantuan maksimum kanak-kanak turut telah dinaikkan daripada RM450 sekeluarga kepada RM1,000 sekeluarga sebagai usaha untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Untuk makluman, pada tahun 2023, sebanyak RM318,285,884 telah diagihkan di bawah Skim BKK dan memanfaatkan seramai 62,066 kanak-kanak.
3. Cadangan UNICEF berkenaan pelaksanaan elaun penjagaan kanak-kanak sejangat ini memerlukan penelitian yang rapi bagi melihat kesesuaian dengan kedudukan fiskal Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan menyambut baik akan cadangan ini dan akan terus meneliti kesesuaian pelaksanaannya seiring dengan program-program sedia ada.
4. Sementara itu, bagi memperkasakan wanita dalam peluang ekonomi masa hadapan yang berpotensi tinggi, Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) yang dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) merupakan strategi jangka panjang negara dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan menjelang tahun 2030. Susulan itu, pada tahun 2023, Jawatankuasa Keusahawanan Wanita telah ditubuhkan bertujuan untuk menyokong pembangunan keusahawanan wanita dalam pelbagai kategori perniagaan termasuk sektor tidak formal. Jawatankuasa ini

SOALAN NO. : 5

dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta terdiri daripada wakil-wakil daripada kementerian yang berkaitan, agensi, koperasi dan juga NGO wanita.

5. Di samping itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) secara khusus turut melaksanakan usaha pemerkasaan ekonomi wanita sepertimana yang digariskan di bawah Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) iaitu meningkatkan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi termasuk dalam industri kemahiran tinggi seperti Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta bidang baharu seperti teknologi hijau dan tenaga.

6. KPWKM melalui agensinya Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melaksanakan Program Pembangunan Kapasiti dan latihan keusahawanan di mana ia merangkumi program-program Advokasi Penjanaaan Pendapatan, Ekonomi dan Kemahiran serta Literasi Kewangan bagi membantu golongan wanita. Program-program tersebut dilaksanakan dalam kumpulan yang kecil dan berbentuk kursus / bengkel seperti kursus-kursus kemahiran, pengurusan kewangan, kursus-kursus digital yang bersesuaian dengan kehendak kumpulan sasaran setempat.

7. Inisiatif lain yang turut dilaksanakan termasuklah program di bawah iaitu Program MyKasih Kapital, bantuan asas modal perniagaan yang diberikan secara *one-off* sebanyak RM500 bagi menggalakkan wanita berniaga.

8. Usaha berterusan akan terus dilaksanakan oleh KPWKM bersama pelbagai pihak berkepentingan dalam menyokong penglibatan wanita secara produktif dalam ekonomi yang seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) data insiden kecederaan dan kemalangan maut serta kos yang terlibat disebabkan pokok tumbang di Kuala Lumpur dalam tempoh tujuh tahun lepas; dan
- (b) tindakan untuk memastikan pokok di bawah seliaan DBKL dan premis persendirian mematuhi garis panduan untuk mengelakkan ancaman bahaya kepada orang awam

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta PERDANA MENTERI menyatakan keberkesanan langkah-langkah pencegahan yang lebih holistik telah diambil oleh pihak berkuasa tempatan mengenai pokok-pokok yang berisiko tinggi atas tanah persendirian.

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan ketidakmampuan Jabatan Landskap dan Rekreasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menguruskan banyaknya pokok-pokok besar dan tua mengakibatkan pokok-pokok tumbang sekitar Bandaraya sewaktu musim hujan selama ini. Apakah tindakan susulan mengatasi masalah ini.

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pokok-pokok yang telah diinsuranskan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan jumlah pampasan yang telah disalurkan akibat kemalangan.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon supaya pertanyaan daripada YB Wangsa Maju dijawab bersekali dengan pertanyaan bernombor 25 dan 39 daripada YB Bukit Bintang dan YB Bandar Tun Razak pada tarikh hari ini, beserta dengan pertanyaan bernombor 85 daripada YB Batu Pahat bertarikh 3 Julai 2024, kerana menyentuh isu yang hampir sama.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan pembangunan fizikal berjalan sejajar dengan perlindungan alam sekitar, di samping memberikan nilai estetik melalui kehijauan pokok, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menitikberatkan tanggungjawab pengurusan pokok rendah di Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini dan mudarat berlaku kepada orang awam.

3. Menjawab isu pertama, mengenai kemampuan DBKL dalam menguruskan pokok – pokok besar dan tua, sebenarnya, dalam hal ini, pihak DBKL sudah pun menjalankan penilaian pokok-pokok berusia bermula pada 1 Januari 2019 dengan melantik kontraktor penilaian pokok berisiko (*Tree Risk Assessment*) dan penilaian ekonomi pokok di sekitar Kuala Lumpur. Sebanyak 1,488 batang pokok telah diperiksa dan dikenal pasti iaitu 173 daripadanya dikategorikan sebagai berisiko tinggi dan telah selesai ditebang.

4. Dalam masa yang sama, DBKL meneruskan pemeriksaan pokok-pokok berusia, dan bagi tujuan ini, arahan kerja kepada kontraktor untuk membuat pemeriksaan ke atas 240 batang pokok telah dikeluarkan dan dijangka akan selesai pada Ogos 2024.

5. Bagi isu kedua, mengenai pokok berisiko tinggi di atas tanah persendirian, perlu difahami bahawa pengurusan dan penyelenggaraan pokok adalah di bawah tanggungjawab dan kewajipan pemilik tanah

SOALAN NO : 7

persendirian atau pihak pengurusan skim pemajuan berstrata (seperti pemaju / *Joint Management Body* / *Management Company* / *Sub-Management Company*) bagi mengelakkan dari berlakunya risiko kemalangan pokok tumbang. Perkara ini jelas diperincikan di bawah Seksyen 101(cc)(i) Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) dan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

6. Hasil daripada aduan yang disalurkan oleh orang awam mengenai pokok-pokok berisiko di kawasan persendirian sejak tahun 2021 sehingga Mei 2024, DBKL telah mengeluarkan sebanyak 65 surat pemberitahuan mengenai pokok-pokok berisiko di kawasan persendirian dan 2,807 surat peringatan (notis) telah dikeluarkan kepada pihak pengurusan yang aktif bagi skim pemajuan berstrata berkenaan tanggungjawab dan peranan mereka termasuklah isu pengurusan dan penyenggaraan pokok pada bulan April 2024.

7. Isu ketiga, adalah dijelaskan bahawa DBKL tidak menginsuranskan pokok-pokok di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kemalangan ke atas orang awam yang disebabkan oleh pokok di bawah seliaan DBKL, orang awam adalah dilindungi di bawah Polisi Tanggungan Awam (*Public Liability Policy*).

8. Semenjak tahun 2017 sehingga 2024, terdapat 14 kes kemalangan yang disebabkan oleh pokok tumbang di Kuala Lumpur, melibatkan 9 kes kecederaan dan 5 kes kematian. Daripada jumlah ini, sebanyak 3 kes masih dalam siasatan dan prosiding mahkamah, manakala 6 kes ditolak kerana kes kemalangan berlaku di luar kawasan seliaan DBKL, dan baki 5 kes lagi telah selesai dibayar oleh pihak insurans.

9. Sebagai maklum balas keseluruhan bagi ketiga-tiga isu yang berkaitan dengan pokok berisiko tinggi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, saya ingin kongsi hasil Mesyuarat Jawatankuasa Pandu *Task Force* Pengurusan Pokok Berisiko di Kuala Lumpur pada 25 Jun 2024 yang lalu, melibatkan beberapa kluster keanggotaan iaitu, kluster akademik, kluster badan profesional, dan wakil agensi Kerajaan. Keanggotaan *task force* ini akan diperluaskan kepada NGO berkaitan alam sekitar.

10. *Task force* ini juga akan meneroka potensi penubuhan 'Tabung Dana Amanah Kawasan Hijau' bagi menggalakkan kerjasama awam-swasta, termasuk sumbangan orang ramai, melalui pendekatan *whole-of-*

SOALAN NO : 7

nation dalam meningkatkan kompetensi landskap hijau di samping mengekalkan peratusan kawasan hijau Kuala Lumpur sebagaimana sasaran Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040.

11. Akhir sekali, bagi mencerminkan komitmen DBKL, seramai 21 kontraktor telah dilantik bermula 15 Jun 2024 bagi penyelenggaraan pokok rendah secara berkala. Setiap kontraktor perlu menyediakan seorang *Arborist*, iaitu individu yang pakar dalam pemeriksaan pokok, untuk menilai tahap kesihatan dan tindakan mitigasi ke atas pokok.

12. Menurut rekod DBKL, bagi tahun 2024 sehingga bulan Jun sahaja, kerja-kerja penyelenggaraan telahpun dijalankan ke atas 22,283 batang pokok.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sasaran Malaysia untuk menjadi salah satu negara ekonomi hidrogen terkemuka dunia menjelang tahun 2050 melalui Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR). Apakah nilai kompetitif Malaysia dalam aspek ini.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan telah melancarkan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (*Hydrogen Economy and Technology Roadmap* - HETR) bagi menyokong agenda peralihan tenaga ke arah ekonomi berasaskan hidrogen serta mencapai sasaran penyahkarbonan negara menjelang tahun 2050. HETR meletakkan pembangunan teknologi di sepanjang nilai dan ekosistem yang meliputi penjanaan, penyimpanan, dan mobiliti hidrogen.

Malaysia dirahmati dengan topografi bagi membolehkan pembinaan empangan jana kuasa hidro yang mampu membekalkan tenaga elektrik untuk penghasilan hidrogen hijau. Kapasiti kuasa hidro di Sarawak pada masa ini sebanyak 3.5 gigawatt dengan jangkaan peningkatan 1.3 gigawatt pada tahun hadapan, telah menarik minat syarikat-syarikat dari luar negara untuk melabur dalam penghasilan hidrogen hijau. Melalui projek H2ornbill, SEDC Energy bekerjasama dengan Sumitomo Corporation dan ENEOS dari Jepun bagi membangunkan infrastruktur penghasilan hidrogen hijau pada skala besar. Bagi projek H2biscus pula, kerjasama dijalin dengan tiga syarikat dari Korea Selatan, iaitu Samsung Engineering, LOTTE Chemicals dan Korean National Oil Corporation (KNOC). Menjelang tahun 2028, Sarawak mensasar akan mengeksport sejumlah 240,000 tan hidrogen hijau ke dua negara tersebut.

Malaysia menghasilkan lebih daripada 90 juta tan biojisim daripada sisa industri kelapa sawit. Sumber bahan mentah biojisim ini berpotensi diproses dengan kaedah *pyrolysis* bagi menghasilkan hidrogen pirus atau *turquoise* dengan karbon pepejal sebagai hasil sampingan. Karbon ini kemudiannya dapat diolah kepada bahan termaju seperti graphene dan *carbon nanotube* (CNT) yang semakin mendapat perhatian di peringkat global. MOSTI melalui NanoMalaysia Berhad sedang menjalankan kajian bagi penghasilan hidrogen pirus menggunakan teknologi plasma gelombang mikro termaju (*advanced microwave plasma*).

Selain pasaran eksport, Malaysia juga akan membangunkan permintaan domestik bagi hidrogen dalam sektor mobiliti menggunakan kenderaan

sel bahan api (*fuel-cell*) dan pembakaran-bersama hidrogen dalam janakuasa gas yang disasarkan dapat menawarkan 30.5 TWh dan 68.2 TWh keperluan tahunan antara tahun 2041-2050.

Inisiatif di bawah sektor mobiliti melibatkan projek penukaran bas yang menggunakan hidrogen bersama organisasi tempatan seperti DreamEdge dan UniKL, dan projek stesen pengisian semula hidrogen mudah alih (*mobile hydrogen refueling station* - MHRS) dengan kerjasama Petronas, UMW dan MGTC.

MOSTI juga sedang menggerakkan penubuhan Malaysian Hydrogen Industrial Alliance (MHIA), yang merupakan konsortium organisasi tempatan bertujuan untuk mengalihkan ekonomi hidrogen daripada pengguna kepada pengeluar teknologi yang sejajar dengan konsep '*Build Some Buy Some*'.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah pencapaian dan kemajuan Pelan JENDELA Fasa 2 (2023-2025) kerana perkhidmatan syarikat telco adalah tidak memuaskan bukan sahaja isu jalur lebar, kualiti talian mudah alih juga semakin menurun tidak kira di kawasan bandar atau luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu capaian internet di kawasan bandar dan luar bandar, Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menetapkan sasaran untuk menyediakan liputan 100% liputan internet di kawasan berpenduduk menjelang tahun 2025, di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA). Kerajaan melalui MCMC juga akan menyediakan infrastruktur serta perkhidmatan komunikasi asas melalui Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat [*Universal Service Provision Fund (USP Fund)*] bagi kawasan luar bandar serta pedalaman.

Setakat suku pertama 2024, di bawah Pelan JENDELA, 8.54 juta premis telah tersedia dengan capaian gentian optik, kelajuan jalur lebar mudah alih (median) telah mencapai 91.15Mbps dan kadar liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk kini ialah 97.08%.

Disamping itu, melalui JENDELA Fasa 2, MCMC sedang merangka solusi penyediaan perkhidmatan internet bagi baki 3% di kawasan berpenduduk. Faktor bentuk muka bumi dan kedudukan geografi seperti di kawasan berbukit-bukau juga menjadi cabaran bagi mendapatkan, dengan izin, *Line of Sight (LOS)* selain daripada taburan penduduk yang berselerak dengan kepadatan yang rendah, tiadanya infrastruktur asas seperti jalan yang berturap dan punca bekalan elektrik yang stabil dalam pembangunan infrastruktur di sesuatu kawasan.

Perancangan JENDELA Fasa 2 sedang diteliti oleh MCMC kerana ia memerlukan penilaian dan pertimbangan kaedah pemberian perkhidmatan yang sesuai (*fit-for-purpose*) serta keupayaan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat untuk membiayai perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi projek ini. Penyelesaian pemberian perkhidmatan yang sedang dipertimbangkan pada peringkat perancangan ini mungkin melibatkan pembinaan menara baharu dan penyediaan jalur lebar menggunakan teknologi satelit.

SOALAN NO: 10

Berhubung isu kualiti perkhidmatan, MCMC sentiasa memantau dan akan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan rakyat di kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman mendapat perkhidmatan internet yang berkualiti. Setakat suku pertama 2024, sebanyak 971 lokasi telah dipantau dan diaudit untuk memastikan pematuhan kepada Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan (MSQoS) bagi kualiti perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar. Kesemua lokasi yang telah diaudit ini dikenal pasti berdasarkan aduan yang diterima dan keputusan ujian muat turun di bawah Standard Mandatori.

Bagi tempoh yang sama, sebanyak enam lokasi telah direkodkan dengan keputusan pelanggaran Standard Mandatori yang ditetapkan. MCMC telah mengeluarkan surat amaran dan notis pematuhan di bawah Seksyen 51, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, agar pemberi perkhidmatan mengenal pasti perancangan penambahbaikan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan. Pemberi perkhidmatan telah berjaya mengoptimumkan pemancar untuk dua lokasi di Johor, manakala baki empat lokasi di Sarawak memerlukan pemberi perkhidmatan mendirikan menara baharu yang dijangka siap dalam suku pertama 2025.

Para pengguna adalah digalakkan untuk membuat aduan secara terus kepada pihak pemberi perkhidmatan sekiranya perkhidmatan yang disediakan adalah tidak memuaskan agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Sekiranya aduan tersebut tidak dapat diselesaikan, aduan kepada MCMC juga boleh dilakukan di laman portal aduan MCMC di <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah anggota Angkatan Tentera Malaysia mengikut pecahan kaum terkini dan sama ada kekuatan anggota yang diperlukan mematuhi garis panduan Kertas Putih Pertahanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan keanggotaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terdiri daripada pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang berkhidmat di dalam Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), merupakan satu bentuk maklumat kerahsiaan di dalam strategik pertahanan negara. Walau bagaimanapun, suka dijelaskan, pada masa kini jumlah keanggotaan ATM adalah mencukupi dan berada di tahap kesiapsiagaan yang tinggi.

Sehingga Mei 2024, keanggotaan ATM mengikut pecahan kaum utama adalah sebanyak 85.81% merupakan kaum Melayu. Penyertaan kaum Bumiputera Sarawak dan Sabah masing-masing adalah sebanyak 8.0% dan 6.9%. Penyertaan dari kaum India sebanyak 1.5%, kaum Cina sebanyak 0.5%, Orang Asal sebanyak 0.8% dan kaum-kaum lain sebanyak 0.6%.

Kekuatan anggota ATM pada masa ini juga adalah mematuhi dasar sedia ada seperti yang termaktub dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP), di mana KPP menekankan pengambilan calon yang berkelayakan dan kompeten terutamanya dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, pengurusan dan kemahiran-kemahiran lain yang berkaitan bagi memastikan ATM dapat berfungsi secara mampan dalam melaksanakan objektif pertahanan negara yang digariskan dalam KPP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK
BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 27 JUN 2024 | KHAMIS

SOALAN :

**DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN
CHEPA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) berapa jumlah kuota haji yang diperoleh Kerajaan pada tahun ini dan nyatakan kos perbelanjaan urusan haji pihak Tabung Haji pada tahun ini; dan
- (b) berapa jumlah yang tidak diguna pakai daripada jumlah kuota tersebut, serta sebab-sebabnya.

JAWAPAN :

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM
BIN HAJI MOKHTAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada setiap tahun kuota rakyat Malaysia adalah tertakluk kepada kuota rasmi yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi berdasarkan keputusan Mesyuarat Pertubuhan Negara-negara Islam Sedunia (OIC) pada tahun 1988 di Amman Jordan yang menetapkan kuota haji setiap negara pada kadar 0.1% daripada jumlah penduduk sesebuah negara Islam.
2. Justeru, kuota rasmi negara pada musim haji 1445H/2024M adalah seramai 31,600 orang jemaah.
3. Jumlah kuota rasmi tersebut telah dipenuhi dan selain dari itu Tabung Haji juga sentiasa mempertimbangkan rayuan dari bakal jemaah diluar giliran tahun semasa.
4. Sejak dari dahulu juga, Tabung Haji sentiasa menggunakan kuota rasmi negara sepenuhnya dan sehingga kini lebih dari 1.5 juta jemaah telah dapat mengerjakan ibadat haji semenjak penubuhan Tabung Haji pada tahun 1963.
5. Untuk makluman, pada tahun ini sejumlah 80,000 pendeposit telah membuat rayuan dan mereka juga sanggup membuat bayaran penuh tanpa mengambil Bantuan Kewangan Haji.

NO. SOALAN : 12

6. Alhamdulillah, seramai 43 orang jemaah haji dari kumpulan B40 (6) dan M40 (37) telah menolak sepenuhnya Bantuan Kewangan Haji dan 220 orang jemaah pula menolak sebahagian Bantuan Kewangan Haji pada musim haji 2024 selari dengan konsep istito'ah yang menekankan kemampuan bagi mengerjakan ibadat haji.

6. Setelah mengambil kira jumlah jemaah yang menolak Bantuan Kewangan Haji dan memilih untuk membayar penuh atau lebih dari jumlah bayaran yang ditetapkan, jumlah keseluruhan kos operasi haji pada musim haji 1445H/2024M adalah RM340 juta.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]
TARIKH : 27JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang status pelaksanaan polisi penghapusan monopoli PUSPAKOM ke atas pemeriksaan kenderaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Konsesi sedia ada dengan PUSPAKOM akan tamat pada 31 Ogos 2024. Bermula pada 1 September 2024, pengoperasian PUSPAKOM selepas tamatnya konsesi adalah melalui pemberian Lesen Operasi oleh Kementerian Pengangkutan seperti mana peruntukan kuasa di bawah Seksyen 126(1), Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333].

2. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 17 Mac 2023 yang lalu, penyambungan perjanjian melalui pemberian Lesen Operasi ini adalah bersifat tidak eksklusif. Kementerian Pengangkutan telahpun mempelawa syarikat-syarikat lain yang berminat dan berkelayakan untuk memohon kelulusan bagi mendapatkan Lesen Operasi dengan mematuhi Garis Panduan Bagi Syarat-Syarat Kelayakan/Perkhidmatan, Prosedur, Peraturan, Standard Dan Tatacara Kawalselia Pemberian Lesen Melaksanakan Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Motor Dan Mengoperasikan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) bagi Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

3. Garis panduan tersebut boleh dimuat turun melalui laman sesawang Kementerian dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Permohonan ini telahpun dibuka mulai 1 Jun 2024 sehingga 31 Oktober 2024 bagi lokasi-lokasi yang telah ditetapkan untuk pembukaan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) bagi JPJ.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM (KUALA TERENGGANU)**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**YB DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA
TERENGGANU] minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN
INOVASI menyatakan**

- (a) pelan khusus Kementerian untuk mewujudkan garis panduan dan kerangka kod etika berkaitan penggunaan serta penyelidikan teknologi kecerdasan buatan (AI); dan
- (b) sejauh mana tahap keberhasilan program Academy in Industry (Aii) untuk membantu pembangunan bakat tempatan termasuk golongan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

MOSTI telah membangunkan dokumen Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan (*AI Governance and Ethics (AIGE)*). Kandungan dokumen ini berdasarkan tujuh prinsip AI yang bertanggungjawab dan memfokuskan kepada tiga golongan sasaran iaitu pengguna teknologi, penggubal polisi dan penyedia teknologi.

Dokumen AIGE ini adalah garis panduan umum dan boleh dijadikan sebagai panduan kepada wakil-wakil *quadruple helix* untuk membangunkan garis panduan AIGE yang spesifik kepada sektor dan bidang industri tertentu seperti kewangan, pertanian, perubatan dan sebagainya.

MOSTI telah mula melaksanakan program-program untuk meningkatkan kesedaran orang awam khususnya berkenaan garis panduan AIGE ini. Mekanisma penyampaian adalah melalui program-program jerayawara dan juga sesi temu bual di stesen radio dan televisyen, program-program berkaitan AI anjuran pemain industri, akademia, laman web dan *podcast*.

Untuk makluman Yang Berhormat, berkaitan dengan Program *Academy in Industry (Aii)* ialah inisiatif bekerja sambil belajar kelolaan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di bawah MITI yang dianjurkan secara kerjasama bersepadu antara pihak Kerajaan, industri dan akademia. Tumpuan program **Aii** adalah untuk membolehkan golongan muda dan rentan daripada semua latar belakang pendapatan menyertai sektor pekerjaan teknikal tanpa perlu mempunyai kelayakan TVET terlebih dahulu kerana mereka akan dilatih dan disijilkan semasa bekerja melalui konsep *place and train*.

SOALAN NO : 14

Melalui program ini, anak-anak muda seawal 18 tahun boleh mula bekerja dan mempunyai prospek kerjaya teknikal kerana mereka akan mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) selepas 9 hingga 18 bulan bekerja, berbanding pendekatan sedia ada. Bagi menggalakan lagi penyertaan bakat dan syarikat dalam program Ail, Kerajaan juga menyediakan pemberian insentif dalam bentuk elaun kepada peserta program ini.

Penjenamaan semula Ail ini secara rasminya telah dilancarkan pada 1 Ogos 2023 dan telah disebar luas kepada umum menerusi pelbagai saluran untuk menarik lebih ramai belia Malaysia yang mencari peluang kerjaya untuk menyertai inisiatif ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA
BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN
(BAYAN BARU)**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** nyatakan kadar *birthrate* di kalangan pelbagai kaum dalam Malaysia. Apakah penyelesaian kerajaan terhadap penurunan kadar kelahiran terutamanya di kalangan kaum Cina yang turun mendadak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa kini, isu penurunan kadar kesuburan menjadi satu isu global terutamanya dalam kalangan negara maju dan membangun. Mengikut unjuran United Nations (*Population Data Sheet*, ESCAP, 2022), beberapa negara di Asia dan Pasifik telah mencatatkan kadar kesuburan yang amat rendah iaitu berada di bawah paras penggantian seperti Hong Kong (0.8), Jepun (1.3), Republic of Korea (0.9) dan Australia (1.6).

2. Kadar kesuburan jumlah (*total fertility rate, TFR*) di Malaysia juga menunjukkan penurunan yang semakin ketara. Berdasarkan laporan Perangkaan Penting 2023 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), TFR di Malaysia secara keseluruhan menunjukkan penurunan daripada 2.1 orang anak pada tahun 2010 kepada 1.6 orang anak pada tahun 2022.

SOALAN NO.: 15

Situasi ini menunjukkan TFR di Malaysia telah berada di bawah paras penggantian iaitu 2.1 orang anak.

3. TFR bagi semua kumpulan kaum utama di Malaysia turut menunjukkan trend penurunan. TFR di antara tahun 2010 dan 2022 bagi Bumiputera mencatatkan penurunan daripada 2.6 anak kepada 2.0 anak, kaum Cina (1.5 anak kepada 0.8 anak) dan India (1.7 anak kepada 1.1 anak). Untuk makluman, TFR bagi etnik Cina dan India mula mencatatkan TFR di bawah paras penggantian masing-masing bermula pada 2003 dan 2005 lagi.

4. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada penurunan TFR. Ini termasuklah faktor ekonomi serta cara gaya hidup yang antaranya boleh mempengaruhi keputusan pilihan umur untuk berkahwin, bilangan anak dan sebagainya. Pada masa yang sama, masalah ketidaksuburan turut boleh mempengaruhi kadar TFR.

5. Bagi memberi respon terhadap masalah ketidaksuburan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui agensinya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuklah:

- (i) Menawarkan perkhidmatan rawatan kesuburan/ subfertiiliti sejak tahun 1979 pada kos yang berpatutan. Semua pasangan berkahwin layak mendapatkan rawatan dan sehingga tahun 2023, lebih 6,000 kehamilan telah berjaya direkodkan;
- (ii) Klinik kesejahteraan lelaki yang menawarkan ujian saringan kesihatan lelaki, khidmat nasihat masalah seksual dan amalan gaya hidup sihat serta rawatan ubat untuk membantu meningkatkan kesuburan lelaki bagi mengatasi masalah ketidaksuburan dalam kalangan lelaki yang semakin meningkat;
- (iii) Mengadakan aktiviti advokasi dan promosi dalam memberi kesedaran kepada masyarakat, khususnya kepada pasangan yang mengalami masalah kesuburan untuk tampil

SOALAN NO.: 15

mendapatkan khidmat nasihat dan rawatan kesuburan seawal mungkin tanpa rasa segan;

- (iv) Memberi inisiatif kepada pasangan dalam mendapatkan rawatan kesuburan dengan pengecualian cukai bagi rawatan kesuburan sehingga RM8,000; dan
- (v) Pengeluaran wang caruman Akaun 2 KWSP untuk tujuan rawatan kesuburan bermula 1 September 2020.

6. Terkini, KPWKM melalui LPPKN telah diberi mandat untuk menubuhkan Pusat Subfertiliti Negara yang dilengkapi dengan segala kemudahan rawatan kesuburan di bawah satu bumbung bagi memberi perkhidmatan kesuburan yang serba moden dengan kos yang berpatutan. Pusat Subfertiliti Negara ini akan dibangunkan di Shah Alam, Selangor dan akan menjadi pusat rujukan perkhidmatan kesuburan di Malaysia.

7. Untuk makluman, dari segi pecahan klien mengikut kaum yang hadir mendapatkan perkhidmatan rawatan kesuburan di Klinik Subfertiliti LPPKN, kaum Cina berada di kedudukan ketiga selepas kaum Melayu dan India. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan jumlah klien dari kaum Cina iaitu sekali ganda peningkatan tempoh masa 3 tahun. Sebagai perbandingan, jumlah klien kaum Cina yang mendapatkan rawatan pada tahun 2020 adalah sebanyak 404 individu, telah meningkat kepada 836 individu pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB
AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta MENTERI KOMUNIKASI menyatakan:

- (a) pendirian Kerajaan terhadap amalan kebebasan media di negara ini sehingga Malaysia menjunam ke tangga 107 dalam Indeks Kebebasan Media tahun ini berbanding tangga 73 tahun lalu; dan
- (b) apakah inisiatif yang dilakukan Kerajaan untuk memulihkan semula kedudukan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menyokong prinsip kebebasan media serta menjamin hak kebebasan bersuara rakyat menurut Fasal 1(a), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara bukan bersifat mutlak, sebaliknya harus dilaksanakan secara bertanggungjawab, beretika, dan mengambil kira kepelbagaian budaya dan agama yang mencorakkan masyarakat Malaysia. Kebebasan media hendaklah didokong dengan kod etika bagi memastikan ia tidak disalah guna oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dalam usaha untuk meningkatkan kedudukan ini, Kementerian Komunikasi melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) telah membangunkan Kod Etika Wartawan Malaysia yang bertujuan untuk mengangkat martabat media dengan memastikan maklumat yang disampaikan adalah bersandarkan Etika Kewartawanan Malaysia (EKM) 1989 seperti yang telah digariskan sebelum ini.

Selain itu, dalam memperkasa media di negara ini termasuk memberikan lebih kebebasan dalam melaksanakan tugas, Kementerian Komunikasi sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan kandungan Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia bersama Jawatankuasa Protem Majlis Media Malaysia yang terdiri daripada wakil industri media, ahli akademik dan pihak awam. MMM bertanggungjawab untuk membangunkan dan melaksanakan kod etika pelaporan yang memperkasakan profesion kewartawanan negara dan memastikan pelaporan berita yang dilakukan oleh media dilakukan secara bertanggungjawab.

Fungsi MMM juga termasuklah menggalakkan komunikasi antara pengamal media, kerajaan dan orang awam secara amnya serta menyokong pembangunan profesional wartawan dan organisasi media. Dari segi kuasa pula, MMM akan mewujudkan piawaian kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab termasuk tatakelakuan untuk industri media. Di samping itu, MMM juga akan mewujudkan mekanisme

SOALAN NO: 16

penyelesaian pertikaian yang cekap dalam mempertimbangkan serta menyiasat aduan berhubung dengan industri media untuk memastikan keyakinan orang ramai terhadap pengamal media.

Untuk memperbaiki kedudukan Malaysia dalam indeks global, Kerajaan akan mengkaji keperluan reformasi undang-undang media dan memastikan hak asasi manusia, termasuk kebebasan media diberikan keutamaan dalam dasar serta amalan negara. Industri media tempatan juga diberi peranan sebagai pemangkin kepada kebebasan bersuara. Selain itu, Kerajaan bersedia bekerjasama dengan agensi berkepentingan dalam usaha untuk meningkatkan aspek kebebasan media, memastikan integriti dan kebebasan media sejati serta mempertahankan keharmonian dan keseimbangan dalam masyarakat berbilang kaum.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan selepas menggantikan dasar kabotaj Kerajaan lama dengan mengecualikan syarikat memasang kabel fiber dasar laut apakah kesan ke atas pelaburan oleh syarikat digital antarabangsa dan manfaat kepada negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar kabotaj adalah antara satu daripada banyak faktor melibatkan pelbagai kementerian yang mempengaruhi keputusan pelaburan oleh syarikat digital antarabangsa. Selari dengan pendekatan keseluruhan kerajaan (*whole of government approach*), Kementerian Pengangkutan turut memainkan peranan untuk membina keyakinan pelabur.
2. Kementerian Pengangkutan telah mengadakan sesi libat urus bersama syarikat digital tempatan dan antarabangsa dan menerima maklum balas bahawa pengecualian dasar kabotaj untuk kapal yang terlibat dalam aktiviti pemasangan dan pembaikan kabel fiber dasar laut adalah antara perkara yang diambil berat. Kementerian Pengangkutan telah menyampaikan kepastian berkenaan haluan dasar Kementerian berkenaan dasar kabotaj.

3. Sebagai tindakan susulan, pada 29 Mei 2024, warta mengecualikan kapal-kapal daripada pemakaian subseksyen 65KA(1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 berkenaan dengan kapal pemasangan kabel bagi perkhidmatan pemasangan, penyelenggaraan dan pembaikan kabel telekomunikasi dasar laut yang mendarat di mana-mana pusat pendaratan kabel dasar laut di dalam perairan Malaysia telah ditandatangani dan berkuat kuasa mulai 1 Jun 2024.

4. Baru-baru ini beberapa syarikat teknologi gergasi global telah memberikan komitmen pelaburan dalam projek pusat data di Malaysia. Syarikat Microsoft misalnya telah mengumumkan komitmen pelaburan berjumlah AS\$2.2 bilion (bersamaan RM10.5 bilion) dalam tempoh empat tahun yang merangkumi infrastruktur awan dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence* – AI) di samping mewujudkan peluang pekerjaan dalam menguasai kemahiran AI bagi 200,000 rakyat Malaysia. Selain ini, syarikat Google turut mengumumkan komitmen pelaburan sebanyak AS\$2 billion (bersamaan RM9.4 bilion) bagi menempatkan Pusat Data Google dan Wilayah Awan Google (*Google Cloud Region*) yang pertama di Malaysia yang akan menyokong 26,500 pekerjaan merentas pelbagai sektor termasuk penjagaan kesihatan, pendidikan dan kewangan di dalam negara dengan impak ekonomi bernilai AS\$3.2 bilion (bersamaan RM15.04 bilion).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme pemilihan peneroka FELDA bagi generasi kedua dan seterusnya dalam mendapat tempat di dalam Skim Tanah Rakyat (STR).

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 (Akta 474) untuk pembangunan tanah dan penempatan semula (dibawah GSA-*Group Settlement Areas* - Akta 530). Tujuan penubuhan FELDA adalah untuk membasmi kemiskinan melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan tanah dan aktiviti pertanian, perindustrian dan komersial sosioekonomi.

Pada tahun 1990, FELDA tidak lagi membuat pengambilan peneroka baru setelah berjaya menempatkan seramai 112,638 orang peneroka di 317 buah rancangan di seluruh negara.

Buat masa ini objektif pindaan Akta GSA 1960 lebih terarah kepada usaha menyeragamkan semula sistem pengurusan FELDA khasnya dalam aspek pertukaran hak milik peneroka, disusuli dengan langkah mewujudkan beberapa peruntukan baharu yang mesra peneroka FELDA, setelah kesemua proses hak milik tanah rumah dan ladang mereka berjaya diselesaikan sepenuhnya.

Pada masa ini Akta GSA 1960 masih lagi diguna pakai khasnya dalam menyelesaikan isu-isu peneroka yang ketika ini masih berdaftar di bawah Daftar Pemegang (*Register of Holdings*) di bawah Seksyen 7 Akta GSA 1960.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA
BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN EDWIN ANAK BANTA
(SELANGAU)**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai sokongan yang diberikan kepada peserta Program Wanita Bangkit dalam memulakan dan mengurus perniagaan baharu, termasuk latihan, bantuan kewangan dan sokongan pemasaran serta langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kejayaan jangka panjang perniagaan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) telah melaksanakan Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM – MyKasih Kapital dalam usaha kementerian membantu golongan sasaran khususnya wanita yang terdiri daripada suri rumah dan ibu tunggal. Program ini memberi fokus untuk memperkasa wanita dengan melatih dan memberi sokongan dalam memulakan perniagaan secara kecil-kecilan melalui bantuan modal perniagaan sebanyak RM500 seorang bagi menjana pendapatan ekonomi keluarga. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2021, sejumlah 18,664 wanita di seluruh negara telah menerima manfaat dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9.33 juta.

2. Program ini menerapkan elemen bimbingan dan kaunseling serta *psychoeducation* yang dijalankan oleh Kaunselor Berdaftar Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) YKN kepada peserta bagi meningkatkan jati diri wanita, memberi kesedaran dan penerokaan ilmu baharu melalui sokongan emosi. Peserta juga diberi pendedahan mengenai Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) dan Skim Keselamatan Pekerjaan Sendiri (SKPS) daripada rakan strategik KPWKM iaitu PERKESO selain perkongsian daripada usahawan-usahawan yang berjaya.

3. Dalam aspek sokongan pemasaran produk peserta pula, KPWKM telah memulakan projek rintis Kiosk KASIH YKN di Kuala Lumpur dan Putrajaya sebagai platform pemasaran yang dilaksanakan melalui kerjasama syarikat dari sektor swasta di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Sehingga Jun 2024, seramai 40 orang peserta terpilih telah memasarkan produk mereka melalui Kiosk KASIH YKN yang disediakan di Stesen LRT Dang Wangi, Stesen LRT Ampang Park, Stesen LRT Seri Rampai dan Mayang Place @ Presint 4 Putrajaya.

4. Daripada aspek latihan dan bimbingan berterusan kepada peserta yang memasarkan produk di Kiosk KASIH YKN, KPWKM turut mengadakan kerjasama dengan institusi latihan seperti GIATMARA Kuala Lumpur untuk menyediakan kursus dan latihan jangka pendek bagi meningkatkan kemahiran peserta dalam perusahaan masing-masing.

5. Selain daripada itu, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) turut melaksanakan Program Penjana Pendapatan iaitu merupakan program bimbingan kepada wanita yang ingin menjana pendapatan melalui keusahawanan serta meningkatkan pengetahuan dalam perniagaan. Program ini merangkumi empat (4) aspek utama iaitu pengurusan kewangan, jualan dan pemasaran, penjenamaan perniagaan dan perkhidmatan pelanggan. Pada tahun 2023, sejumlah 210 orang peserta Wanita Bangkit @ KPWKM – MyKasih Kapital telah dipadankan kepada Program Penjana Pendapatan ini.

6. Bagi perancangan jangka panjang, KPWKM telah memperkenalkan Program Wanita Dinamik yang menggabungkan inisiatif memperkasa wanita untuk bangkit daripada kesukaran hidup, meningkatkan kekuatan dan kemandiran diri serta jati diri wanita yang merangkumi elemen ekonomi, keselamatan dan kesihatan. Ketiga-tiga elemen ini amat penting dalam usaha Kementerian memperkasa golongan wanita secara holistik melalui penjana pendapatan berdasarkan bidang kemahiran mereka agar tidak terus bergantung kepada bantuan kerajaan sepenuhnya.

Sekian terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 27 JUN2024 (KHAMIS)

SOALAN :

DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk membawa masuk lebih pelancong ke Sarawak dan berapa peruntukan yang telah disalurkan bagi tahun 2023 dan 2024 bagi sektor pelancongan di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Tourism Malaysia sememangnya berusaha mempromosikan Malaysia di serata dunia melalui program-program peringkat antarabangsa yang disertai dengan menggunakan slogan *Malaysia Truly Asia* manakala bagi peringkat domestik dengan menggunakan slogan Cuti-Cuti Malaysia. Antara program-program promosi antarabangsa yang disertai termasuklah *International Tourisme Borse* (ITB) di Berlin, ITB di Shanghai, *Arabian Travel Mart* (ATM) di Dubai dan ASEAN Tourism Forum (ATF) di negara-negara ASEAN
2. Tourism Malaysia termasuk pejabat-pejabatnya di luar negeri juga menjalankan promosi bersama syarikat penerbangan dan operator pelancongan dalam menghasilkan pakej-pakej pelancongan.

3. Antara program yang telah dirancang dan dilaksanakan adalah lawatan media ke Sarawak di mana melalui lawatan ini, pelbagai produk pelancongan boleh diketengahkan melalui medium media cetak dan media eletronik termasuk di platform sosial media. Penyertaan peserta bagi program ini terdiri daripada media massa dan pengengaruh atau *Key Opinion Leaders* (KOL).

4. Tourism Malaysia juga giat membangunkan pakej-pakej pelancongan yang terkini dan kompetitif di pasaran semasa seperti Pakej Pelancongan Sarawak Delta Geopark dan Gawai 2024 yang telah dilancarkan pada April 2024.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) (RP1 sehingga RP4), Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menyalurkan sebanyak 44 projek dengan jumlah peruntukan sebanyak RM37,288,000 kepada Sarawak. Pada tahun 2023, sebanyak RM6,549,000 telah diluluskan bagi membiayai lapan (8) projek masing-masing satu (1) projek di bawah *Rolling Plan* Ketiga (RP3) dan tujuh (7) projek di bawah program Pemerkasaan Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan atau juga dikenali sebagai Kerja-Kerja Pemuliharaan, Pemeliharaan, Ubah suai dan Naik taraf (PPUN). Manakala pada tahun 2024, sebanyak RM16,406,000 telah diluluskan bagi membiayai 11 projek masing-masing empat (4) projek di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) dan tujuh (7) projek di bawah PPUN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA
BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU
HASSAN
(KUALA PILAH)**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan Sama ada Kementerian ada melaksanakan kajian semula berkenaan jumlah bantuan bulanan kepada penerima melalui JKM memandangkan kos sara hidup semakin meningkat dan membebankan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk membantu kelangsungan hidup dan meringankan beban kumpulan sasaran yang layak dan memerlukan. Bantuan ini bersifat sementara waktu sehingga mereka keluar daripada kemiskinan dan hidup berdikari.

2. Penilaian atau semakan semula mengenai kadar bantuan-bantuan ini dilaksanakan dari semasa ke semasa agar kadar tersebut kekal relevan. Terkini, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) telah disemak semula dan dikemaskini serentak bersama dengan survei pendapatan, perbelanjaan isi rumah (HIES) dan Kemudahan Asas (BA) 2022 yang dilaksanakan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DSOM). PGK baharu telah dibentangkan dalam Belanjawan 2024 dan digunapakai mulai tahun 2024. Ini telah menjadi syarat asas kelayakan permohonan bantuan JKM yang baharu iaitu PGK 2022 RM1,198.

3. Sementara itu, Kerajaan juga telah mula menyalurkan skim bantuan-bantuan lain di bawah JKM dengan kadar baharu bermula tahun 2021 seperti berikut:

- i. Bantuan Kanak-Kanak (BKK) dinaikkan daripada RM100 kepada RM150/RM200 bagi seorang kanak-kanak, mengikut umur, dengan kadar maksimum RM1,000.00 sebulan satu (1) keluarga;
- ii. Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dinaikkan daripada RM350 kepada maksimum RM500 mengikut keperluan kes;
- iii. Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dinaikkan daripada RM250 kepada RM300;

SOALAN NO. : 21

- iv. Elaun Pekerja OKU (EPOKU) dinaikkan daripada RM400 kepada RM450; dan
- v. Bantuan Warga Emas (BWE) dinaikkan daripada RM350 kepada RM 500.

4. Pada tahun 2023, seramai 438,517 penerima skim bantuan kewangan persekutuan yang terdiri daripada warga emas, keluarga miskin, OKU dan pesakit terlantar yang layak dan memerlukan menerima manfaat daripada kenaikan kadar berkenaan. Jumlah ini belum mengambil kira skim di bawah Bantuan Am Negeri.

5. Di samping itu, KPWKM juga telah menilai semula kadar kelayakan permohonan bantuan. Pada tahun 2021, penetapan had kelayakan pendapatan baharu bagi pemberian Bantuan Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU) telah dinaikkan daripada RM1,200 kepada pendapatan bulanan maksimum RM1,500. Kenaikan syarat ini telah memberi galakan kepada OKU untuk terus bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.

6. Secara amnya juga, penyelarasan bantuan turut dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui pemberian bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang berkelayakan bagi mendepani cabaran kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Helikopter Leonardo dari jenis AW139 yang disewakan kepada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mampu melaksanakan aktiviti terbang *underslung* membawa aset-aset tentera lain seperti bot atau meriam mahupun bekalan makanan ke pos-pos operasi sebagaimana keupayaan pesawat helikopter Sikorsky S-61 Nuri sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan melalui Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sentiasa berusaha memastikan ketumbukannya berada pada tahap kesiagaan dan keupayaan tertinggi, terutamanya dalam aspek kebolehpenerbangan pesawat-pesawat sedia ada termasuk penggunaan helikopter sewaan AW139 secara *Government Operate, Company Own and Maintain* (GOCOM).

Tujuan sewaan helikopter AW139 secara GOCOM oleh TUDM adalah untuk penggantian sementara (*Gap Filler*) bagi helikopter S61A-4 Nuri yang telah ditamatkan pengoperasian, sementara menunggu perolehan helikopter baharu TUDM. Ianya juga bagi tujuan latihan dan pengekalan tahap kompetensi juruterbang helikopter TUDM sedia ada.

Helikopter sewaan AW139 GOCOM mempunyai keupayaan yang terhad iaitu keupayaan bagi penugasan utiliti sahaja. Oleh itu, helikopter yang telah ditawarkan tidak dilengkapi dengan peralatan misi *underslung* (*Underslung Gear*). Spesifikasi helikopter ini juga tidak berkeupayaan untuk melaksanakan operasi *underslung* yang melibatkan muatan aset-aset tentera berat seperti bot dan meriam untuk jarak yang optimum dan selamat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menggalakkan penggunaan teknologi yang meningkatkan kecekapan bahan api dan mengurangkan pelepasan, seperti enjin hibrid dan sistem pengurusan tenaga pintar dalam kenderaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan melalui komitmen di bawah Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 (DPN 2030) telah memberi penekanan terhadap usaha bagi melangkah maju ke arah ekosistem pengangkutan hijau. Antara tindakan berterusan yang dilaksanakan oleh MOT adalah mengkaji Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan peraturan-peraturan di bawahnya bagi menggalakkan pertumbuhan industri dan peralihan kepada kenderaan berteraskan teknologi hijau seperti kenderaan elektrik (*Electric Vehicles* - EV) dan kenderaan cekap tenaga (*Energy Efficient Vehicles* - EEV). Salah satu hasil daripada kajian berkenaan adalah dengan menetapkan kadar baharu fi LKM bagi kenderaan *Zero Emission Vehicles* (ZEVs) pada kadar yang lebih rendah berbanding kenderaan internal combustion engine (ICE) dalam lingkungan jenis badan kenderaan yang sama seperti yang telah diumumkan pada 4 Jun 2024.

2. Bagi penggunaan sistem pengurusan tenaga pintar seperti Kenderaan Pemanduan Autonomi (*Autonomous Vehicles*, AV), MOT sedang meneliti semua skop peraturan teknikal pembinaan dan penggunaan melibatkan Kenderaan Pemanduan Autonomi (*Autonomous Vehicles*, AV) di bawah ruang lingkup perundangan dan skop kawal selia Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]. Salah satu inisiatif yang dilaksanakan adalah mengkaji skop peraturan terlibat melalui pelaksanaan siri-siri pengujian kenderaan AV berpanduan kepada Garis Panduan Pengujian Kenderaan Pemanduan Autonomi (*Autonomous Vehicles*, AV) di Jalan Raya yang telah dikeluarkan oleh MOT dan Futurise. Melalui pelaksanaan ujian terbabit, semua penemuan, hasil ujian, pandangan pemegang taruh dan perkembangan pembangunan teknologi AV akan dapat diteliti dan diambil kira dalam pembangunan peraturan yang akan mengawal selia kenderaan terbabit di masa hadapan.

3. Garis panduan ini juga akan memastikan pelaksanaan pengujian kenderaan autonomi (AV) di Malaysia adalah lebih selamat, mematuhi

NO. SOALAN: 23

keperluan perundangan sedia ada, jelas dalam aspek pelaporan dan kawalan, serta menggariskan dengan terperinci keperluan yang perlu dipatuhi dalam aspek komponen teknikal kenderaan, sistem dan komponen AV yang akan digunakan dalam pengujian.

4. Selain itu, MOT juga terlibat di dalam kumpulan kerja pakar di peringkat WP.29 bagi menyemak, meminda dan mengemaskini *United Nations Regulations* (UNR) berkaitan kenderaan EV, Cekap tenaga dan AV yang mana apabila telah dimuktamadkan akan dijadikan sebagai asas menambahbaik skop peraturan dan perundangan domestik di bawah Akta 333 melibatkan kenderaan terbabit.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana hasil kajian dan sasaran yang telah ditetapkan untuk melancarkan sistem MyCINTA bagi menangani isu tertinggal anak di dalam kereta atau dikenali sebagai *Forgotten Syndrome*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, model pertama (atau prototaip) sistem pengesanan dan amaran kanak-kanak terperangkap di dalam kenderaan yang dinamakan 'MyCINTA' atau *MIROS Children in Vehicle Tracking and Alerting System* telah dibangunkan oleh Kementerian Pengangkutan melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) pada tahun 2023.
2. Sistem ini dibangunkan dengan keupayaan untuk mengesan kehadiran kanak-kanak di dalam kenderaan yang dimatikan enjin dan membuat pemberitahuan secara automatik kepada pemandu atau orang hubungan kecemasan melalui panggilan telefon, dan penghantaran koordinat lokasi kenderaan yang dihubungkan terus kepada aplikasi pemanduan arah.
3. Sekiranya diaktifkan, sistem MyCINTA juga berupaya untuk menurunkan tingkap kenderaan secara automatik ke suatu aras tertentu untuk memastikan pengaliran udara berlaku.
4. Sasaran untuk tempoh 2024-2025 bagi pembangunan sistem MyCINTA ialah untuk melengkapkan proses penyempurnaan rekabentuk (*design refinement*) untuk meningkatkan keupayaan sistem dari segi perkakasan dan pengaturcaraan. Ini termasuk pelaksanaan pemasangan rintis sistem tersebut dalam persekitaran sebenar.
5. Antara proses lain yang menjadi satu kemestian sebelum sistem ini boleh digunapakai secara meluas ialah proses ujian pematuhan piawai dan kawal selia, jaminan kualiti dan pensijilan tertentu yang berkaitan. Perkara ini juga termasuk dalam sasaran semasa untuk melancarkan sistem MyCINTA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR
[KETEREH]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah terdapat perancangan daripada Kementerian untuk mengadakan sambutan Hari Veteran sebagaimana yang dilakukan oleh Amerika Syarikat. Di sini saya mencadangkan 2 Disember setiap tahun sempena tarikh Perjanjian Damai di antara Kerajaan Malaysia dengan Parti Komunis Malaysia pada 2 Disember 1989.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan buat masa ini masih belum ada perancangan untuk mengadakan sambutan Hari Veteran memandangkan telah ada Sambutan Hari Pahlawan pada setiap 31 Julai bagi mengenang dan memperingati jasa-jasa semua pasukan keselamatan (termasuklah tentera dan polis) sebelum dan selepas Malaysia merdeka.

Antara aktiviti utama Sambutan Hari Pahlawan ini adalah Istiadat Perbarisan yang turut melibatkan kontinjen veteran ATM. Sambutan ini akan diteruskan oleh Kementerian dengan pelancaran Kempen Tabung Pahlawan (KTP) dan penganjuran aktiviti-aktiviti di bawah KTP bertujuan untuk mendapatkan dana tambahan bagi program kebajikan komuniti veteran di samping meningkatkan penghargaan, semangat patriotisme dan budaya cintakan Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Bas Rapid Penang akan menggunakan cara pembayaran selain daripada tunai, seperti Touch N Go, kad debit atau kredit. Keadaan sekarang yang hanya menggunakan tunai sangat outdated dan menyusahkan pelancong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Prasarana dalam perancangan pelaksanaan *open payment system* bagi seluruh rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam rel dan bas termasuk di bawah kendalian Rapid Bus di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kuantan. Pembangunan sistem ini dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun 2024 sehingga 2026. Apabila selesai dilaksanakan, bayaran melalui Touch N Go, kad debit atau kredit akan dapat digunakan.

2. Sementara itu, pada masa kini warganegara Malaysia yang merupakan pengguna pengangkutan awam di Pulau Pinang digalakkan untuk melanggan Pas Mutiara My50. Pas Mutiara My50 ini diberi subsidi sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pengguna hanya dikenakan bayaran RM10 untuk penggunaan kali pertama dan menikmati perjalanan tanpa had di kesemua laluan bas Rapid Penang selama 30 hari berturut-turut secara percuma.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
(SIK)**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan cabaran untuk mengaplikasi teknologi AI dalam kerangka pengurusan undang-undang negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Secara ringkasnya, berikut adalah antara cabaran-cabaran umum yang dihadapi dalam mengintegrasikan pembangunan atau aplikasi teknologi dalam pengurusan undang-undang:

1. Jurang yang besar di mana akta-akta sedia ada tidak dapat menampung keperluan berikutan kepesatan perkembangan AI.
2. Keperluan mekanisma akauntabiliti yang jelas dan telus memandangkan terdapat kebarangkalian sistem AI memberikan keputusan yang berat sebelah.
3. Sistem AI mesti direka bentuk untuk menghormati dan menampung kepelbagaian norma budaya dan masyarakat Malaysia, yang boleh menjadi kompleks dan pelbagai rupa.
4. Kepercayaan daripada masyarakat termasuk golongan profesional berhubung sistem AI yang digunakan dalam konteks undang-undang memerlukan bukti sokongan penggunaan prinsip-prinsip AI yang bertanggungjawab tidak terhad kepada keadilan, kebolehpercayaan dan privasi dan keselamatan.

Walaupun demikian, MOSTI telah membangunkan garis panduan AI *Governance and Ethics* (AIGE) yang akan dikeluarkan dalam masa yang terdekat sebagai panduan kepada pemakaian AI secara lebih bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun, MOSTI bersedia untuk bekerjasama bersama pihak AGC dalam menangani cabaran yang timbul untuk mengaplikasikan teknologi AI dalam skop kerangka pengurusan perundangan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN TAN KAR HING [GOPENG]**
TARIKH : **27 JUN 2024**

SOALAN

TUAN TAN KAR HING [GOPENG] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan bagaimana Kementerian memperkasakan fungsi *unified* portal, iaitu MyGovernment serta memudahkan *single sign-on* bagi mengurangkan proses pendaftaran atau permohonan subsidi dari pelbagai agensi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Digital melalui Jabatan Digital Negara (JDN) telah mengambil pelbagai langkah untuk memperkasakan portal MyGovernment antaranya seperti berikut:

(i) **Integrasi Sistem dan Data**

JDN telah memudah cara integrasi sistem dari pelbagai agensi Kerajaan menggunakan Platform Perkongsian Data Kerajaan iaitu MyGDX bagi memastikan data dapat dikongsi dan digunakan dengan lebih efisien dan selamat. Ini membantu mengurangkan duplikasi maklumat, mempercepatkan proses pembuatan keputusan, memudahkan proses permohonan dan pendaftaran termasuk permohonan subsidi.

(ii) **Penggunaan *Single Sign-On* (SSO)**

Melalui teknologi ini, pengguna hanya perlu mendaftar dan log masuk sekali sahaja untuk mengakses pelbagai perkhidmatan digital kerajaan. Ini bukan sahaja menjimatkan masa tetapi juga mengurangkan kesulitan pengguna untuk mengingati pelbagai kata laluan bagi setiap agensi.

(iii) **Penambahbaikan Portal MyGovernment**

Usaha peningkatan sedang dilaksanakan dan akan ditambah baik dengan ciri-ciri yang lebih interaktif dan mesra pengguna. Ini termasuk antara muka yang lebih intuitif, navigasi yang lebih baik, dan panduan pengguna yang jelas bagi memudahkan akses kepada maklumat dan perkhidmatan. Perubahan ini dijangkakan dapat dicapai di Portal MyGovernment pada tahun 2025.

(iv) **Peningkatan Keselamatan dan Privasi Data**

Semua data pengguna dilindungi dengan teknologi keselamatan terkini. Langkah-langkah keselamatan yang ketat diambil untuk melindungi privasi pengguna dan mengelakkan penyalahgunaan maklumat peribadi.

(v) **Latihan dan Kesedaran Pengguna**

Program latihan dan pengurusan perubahan diberikan kepada wakil-wakil agensi Kerajaan agar memastikan maklumat dan perkhidmatan agensi masing-masing adalah merupakan data yang terkini. Panduan kepada pengguna Portal MyGovernment yang disediakan juga adalah merupakan satu kaedah pembelajaran sendiri yang bertujuan untuk meningkatkan keyakinan pengguna terhadap sistem digital Kerajaan.

(vi) Sokongan Teknikal dan Khidmat Pelanggan

Sokongan teknikal dan khidmat pelanggan juga disediakan bagi membantu pengguna yang menghadapi masalah atau mempunyai pertanyaan mengenai penggunaan Portal MyGovernment.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan:

(a) adakah industri pelancongan untuk pelancong domestik terjejas kesan daripada pelaksanaan Akta Cukai Pelancongan 2017; dan

(b) jumlah agihan hasil cukai pelancongan kepada negeri-negeri sejak ia mula dilaksanakan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan cukai pelancongan di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 hanya dikenakan kepada pelancong asing sahaja dengan kadar cukai yang sangat minimum iaitu RM10 sebilik bagi setiap satu malam di premis penginapan pelancong di seluruh negara. Oleh yang demikian, pelaksanaan cukai pelancongan tidak menjejaskan industri pelancongan domestik, malah ianya merupakan sumber kewangan mampan yang memberikan perkembangan positif terhadap sektor pelancongan negara.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agihan hasil kutipan cukai pelancongan kepada negeri-negeri adalah bagi tujuan promosi dan pemasaran pelancongan, penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan pelancongan, penambahbaikan terhadap penyusunan statistik pelancongan, dan penganjuran acara-acara pelancongan dan kebudayaan yang berimpak tinggi di seluruh negara.
3. Bagaimanapun, perincian berhubung agihan hasil cukai pelancongan kepada negeri-negeri sejak pelaksanaannya perlu dirujuk kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) kerana ianya adalah di bawah pemantauan MOF.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : 27 JUN 2024 [KHAMIS]

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia terhadap konfrontasi antara agensi-agensi penguatkuasaan maritim China dan Filipina di Laut China Selatan yang telah berlangsung selama satu tahun.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Cheras** atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, seperti isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan yang melibatkan Republik Rakyat China dan juga negara-negara ASEAN iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Filipina serta Vietnam.

3. Pendirian Malaysia berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua tuntutan dan penyelesaian isu-isu berhubung Laut China Selatan hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982, atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982)*.

4. Berhubung dengan konfrontasi antara agensi-agensi penguatkuasaan maritim China dan Filipina di Laut China Selatan, konfrontasi ini berlaku di luar kawasan maritim Malaysia berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa memerhati dan mengikuti perkembangan terkini kejadian-kejadian di kawasan berkenaan. Pada masa yang sama, pihak berkuasa Malaysia akan terus memastikan keselamatan di kawasan perairan negara. Tindakan-tindakan yang diambil termasuklah rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan di dalam kawasan

maritim Malaysia. Semua agensi penguatkuasa dan pemantauan maritim di negara amat komited dalam memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan Malaysia adalah kekal terpelihara.

5. Di dalam konteks pengendalian isu Laut China Selatan, saya ingin menegaskan bahawa kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan teras utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara berhati-hati, teliti dan menyeluruh. Setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

6. Malaysia kekal komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan Laut China Selatan secara konstruktif, dengan menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Kementerian Luar Negeri akan terus menyuarakan pendirian tegas Malaysia berhubung isu Laut China Selatan di platform-platform yang berkaitan bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara akan terus kekal terpelihara.

7. Antara usaha serantau untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China juga telah memeterai, Deklarasi Tatalaku Pihak-Pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Negara-negara ASEAN dan China juga sedang merundingkan, Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC). COC dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan serta untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. TUAN SYED SADDIQ BIN SYED
ABDUL RAHMAN [MUAR]**
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menunaikan janji peruntukan sama rata dan CDF seperti dalam manifesto Pakatan Harapan dan jika kalau memungkiri janji, bila dan siapa penyelaras yang akan dapat peruntukan bagi kawasan Parlimen pembangkang.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada.
2. Pelaksanaan dan perbelanjaan bagi projek, pembekalan dan sumbangan perlu mengikut peraturan yang ditetapkan.
3. Walau bagaimanapun, penyediaan peruntukan ini tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana komitmen Kerajaan untuk menghapuskan salah guna kuasa, mengekang campur tangan politik, menghentikan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus bagi meningkatkan tahap kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan Kerajaan.

JAWAPAN:

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Kerajaan sentiasa komited dalam melaksanakan usaha-usaha pencegahan dan pemberantasan sebarang bentuk salah guna kuasa, penyelewengan, konflik kepentingan dan gejala rasuah melalui perundangan, dasar, sistem dan prosedur kerja serta pengukuhan nilai-nilai murni dan etika.

2. Satu Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 telah dilancarkan pada 8 Januari 2024 berhubung Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional dengan tujuan untuk memperkemas dan memperkukuh usaha pemantapan tatakelola dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) dan Jawatankuasa Tatakelola (JTK) di peringkat nasional, kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan. Ia bagi memastikan tindakan segera, berfokus dan lebih berkesan dapat diambil dalam menangani isu-isu kelemahan tatakelola yang boleh menyebabkan ketirisan wang Kerajaan, pembaziran serta risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.
3. JKKTN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri kini berperanan sebagai platform pengamalan prinsip tatakelola baik oleh semua agensi di sektor awam termasuk badan berkanun melalui 4 teras utama iaitu reformasi institusi, dasar dan undang-undang, sistem dan prosedur kerja, pemantauan dan penilaian serta pembudayaan amalan nilai dan tatakelola baik.
4. Kerajaan juga telah melancarkan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional yang dikenali sebagai NACS bagi memberi fokus terhadap keberkesanan usaha pencegahan rasuah. Ini memperlihatkan bahawa Kerajaan sentiasa konsisten dalam merangka strategi dan tindakan pembanterasan rasuah.
5. Selain itu, Jemaah Menteri pada 8 Mei 2024 lalu juga telah bersetuju dengan Garis Panduan Pengendalian Sokongan Oleh Anggota Pentadbiran bagi memastikan surat sokongan tidak disalahgunakan untuk tujuan kepentingan peribadi. Ia bagi menghalang pengeluaran surat sokongan yang mempunyai unsur rasuah dan salah guna kuasa sehingga menjejaskan imej pentadbiran Kerajaan.
6. Satu Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 berhubung Tatakelola Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Berhad Menurut Kerajaan (CLBG) telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 8 Mei 2024. Arahan ini bertujuan untuk memberi

panduan kepada Kementerian Pengawal dalam pengurusan tatakelola bagi SBK dan CLB.

7. Bagi meningkatkan prinsip tatakelola baik dalam perkhidmatan awam, Kerajaan juga telah mengeluarkan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2024 berkaitan Organisasi Kementerian-Kementerian pada 8 Januari 2024 lalu. Pekeliling ini menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian mempunyai tanggungjawab sepenuhnya bagi mencapai semua matlamat dan objektif penubuhan kementerian melalui proses dan tindakan pentadbiran yang telah ditetapkan seiring dengan dasar Kerajaan.
8. Kerajaan juga serius dalam menambah baik tatakelola dalam badan berkanun persekutuan dan bagi meningkatkan akauntabiliti dan memberi panduan yang jelas kepada Kementerian/Agensi Pengawal untuk melaksanakan peraturan dan prosedur berkaitan pengurusan dan tatakelola Badan Berkanun Persekutuan, satu Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan telah dikeluarkan pada 30 April 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) apakah keputusan tuntutan Put Option oleh FELDA terhadap pegangan dalam Eagle High Plantations (EHP) yang telah dibawa ke Pusat Timbangtara Antarabangsa Singapura; dan
- (b) apakah manfaat yang dinikmati FELDA daripada pelaburan dalam EHP melibatkan dana RM2.3 bilion pada tahun 2016.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

FIC Properties Sdn. Bhd. ("FICP") telah merujuk tuntutan penguatkuasaan bagi *Put Option* Kedua untuk mengkehendaki PT Rajawali Capital Internasional ("RCI") dan PT Rajawali Corpora ("RC") membeli semula saham FICP di dalam PT *Eagle High Plantations Tbk* ("EHP") dengan memfailkan Notis Timbangtara ke Pusat Timbangtara Antarabangsa Singapura (*Singapore International Arbitration Centre* "SIAC") pada 17 Januari 2023. Tuntutan Put Option Kedua telahpun dilakukan pada 11 Mei 2022. Pendengaran timbangtara tersebut telah dijalankan pada 5-6 Disember 2023. Proses berkaitan pengeluaran award telah diselesaikan oleh Tribunal dan SIAC.

Bagi menjawab kepada persoalan YB Putrajaya, berikut adalah merupakan perkembangan keputusan prosiding Timbangtara di antara FICP dan dua entiti Kumpulan Rajawali.

Keputusan (Award) telah dikeluarkan pada 14 Jun 2024 oleh panel penimbangtara antarabangsa (*Arbitral Tribunal*) yang berpengalaman dan dilantik tertakluk kepada Peraturan SIAC.

Tribunal telah memberi keputusan memihak kepada FICP dan mengarahkan salah satu dari, atau kedua, RCI dan RC untuk menjalankan tanggungjawabnya di bawah Put Option tersebut dengan membeli kembali saham EHP pada harga atau kadar yang telah dipersetujui dari FICP.

FELDA dan FICP sentiasa tetap dengan pendirian bahawa hak *Put Option* FICP adalah sah, dan amat berpuas hati bahawa Tribunal juga secara muktamadnya menegakkan pendirian tersebut di dalam Award yang telah diterbitkan oleh Tribunal.

SOALAN NO : 34

Bagi mematuhi peraturan-peraturan SIAC dan juga mengambil kira tanggungjawab FICP di bawah Peraturan SIAC, butiran lebih terperinci tidak dapat diberikan lagi buat masa ini.

FELDA juga mengakui usaha-usaha dan berterima kasih kepada semua yang telah terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, serta penasihat/peguamcara Undang-Undang yang telah dilantik, dalam mencapai hasil keputusan timbangtara ini.

FELDA kini sedang mempertimbangkan pilihan-pilihan sedia ada untuk memperakui dan melaksanakan Award tersebut.

Sehingga kini, FELDA tidak merekodkan sebarang keuntungan dan perolehan dividen daripada pelaburan sebanyak 37% saham dalam PT Eagle High Plantations Tbk (“EHP”) oleh FELDA melalui anak syarikatnya iaitu FIC Properties Sdn Bhd yang telah dilaksanakan sejak tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk menubuhkan sebuah cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang baharu di dalam kawasan Tampin bagi memudahkan penduduk setempat untuk berurusan dengan jabatan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) tidak mempunyai sebarang perancangan pembangunan melibatkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di kawasan Tampin. Walau bagaimanapun, bagi memudahkan penduduk di sekitar Tampin, perkhidmatan bergerak (*Mobile Van*) daripada JPJ Negeri Sembilan telah memulakan perkhidmatan di lokasi Tampin Square, dua kali sebulan, iaitu pada hari Khamis minggu pertama dan minggu ketiga. Perkhidmatan JPJ juga boleh diperolehi di cawangan berhampiran iaitu di JPJ Melaka (lebih kurang 38 kilometer) dan JPJ Cawangan Jasin (lebih kurang 42 kilometer).

2. MOT melalui JPJ juga sedang menuju ke arah inisiatif pendigitalan perkhidmatan sepenuhnya selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan JPJ 2021-2025. Dalam hubungan ini, pelbagai perkhidmatan telah mula ditawarkan secara pendigitalan sepenuhnya. Bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan, bilangan urus niaga secara atas talian akan bertambah dari semasa ke semasa bagi menggantikan perkhidmatan sedia ada di kaunter.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bentuk model bisnes Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang digunakan dan sejauh mana ia masih relevan bagi mengatasi kerugian yang dialami oleh KTMB.

JAWAPAN

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Keretapi 1991 telah menyatakan dengan jelas peranan KTMB sebagai penyedia perkhidmatan penumpang dan kargo manakala Perbadanan Aset Keretapi (RAC) bertanggungjawab untuk melaksanakan penyelenggaraan aset keretapi dan pembangunan hartanah. Pembahagian tanggungjawab ini membolehkan KTMB menumpukan kepada operasi perkhidmatan tren sementara RAC menguruskan penyelenggaraan aset dan infrastruktur.

2. KTMB menumpukan kepada dua segmen perkhidmatan iaitu penumpang dan kargo untuk operasi domestik dan rentas sempadan. Bagi perkhidmatan tren penumpang, ia menghubungkan jarak jauh antara luar bandar ke bandar. Selain itu, KTMB juga menyediakan perkhidmatan KTM Komuter yang menghubungkan antara bandar ke bandar. Perkhidmatan *Charter Train* menyediakan perkhidmatan sewa khas untuk acara-acara khas mengikut keperluan pelanggan. Manakala,

perkhidmatan kargo pula, ia meliputi perkhidmatan domestik dan rentas sempadan. Di bawah KTMB juga terdapat operasi syarikat Multimodal Freight (MMF) dan Ipoh Cargo Terminal (ICT).

3. Perkhidmatan penumpang tren ETS dan kargo merupakan perniagaan yang menjana pendapatan dan menguntungkan. Secara komersial, ia menunjukkan potensi untuk menjana pendapatan dan mengurangkan kerugian. Walau bagaimanapun, perkhidmatan penumpang bagi perkhidmatan KTM Komuter dan Antarabandar, ia masih di bawah tanggungjawab sosial kepada rakyat.

4. Penggunaan digitalisasi dilihat sebagai langkah penting untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi KTMB. Dengan mengaplikasikan teknologi digital, KTMB dapat mengoptimumkan operasi, mengurangkan kos dan memperbaiki pengalaman pelanggan. Terkini, KTMB telah melancarkan penggunaan KTMB *Integrated Ticket System (KITS)* di mana ia memberi kemudahan dan keselesaan kepada penumpang untuk proses pembelian tiket di mana tidak perlu lagi beratur panjang di kaunter.

5. Selain itu, KTMB sentiasa meningkatkan kecekapan dari masa ke masa serta mengoptimalkan perkhidmatan kereta api pada tahap tertinggi selain memastikan model bisnes KTMB kekal relevan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta MENTERI
PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA menyatakan :**

- (a) status terkini pelaksanaan program Malaysia My Second Home (MM2H) ; dan
- (b) sejauh manakah perubahan kriteria atau syarat kelayakan dalam pakej terbaru program MM2H berjaya meningkatkan pendapatan dan memberi faedah ekonomi kepada negara kita.

JAWAPAN

YB DATO' SRI TIONG KING SING

MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan semasa Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 21 Mei 2024 telah meluluskan syarat-syarat kelayakan baharu penyertaan Program Malaysia My Second Home (MM2H) di mana tiga kategori baharu diperkenalkan iaitu kategori Platinum, Gold dan Silver supaya menjadikannya lebih fleksibel serta mesra bagi warga asing yang berminat dan berpotensi.

2. Kementerian ini menjangkakan peningkatan pendapatan dan ekonomi kepada negara dapat disumbangkan melalui pengenalan syarat baharu bagi simpanan tetap di bank tempatan di mana di bawah kategori Platinum ditetapkan pada kadar USD1 juta (RM4,715,000) kategori Gold ditetapkan pada kadar USD500,000 (RM2,350,000). Jumlah ini adalah lebih tinggi daripada syarat sebelum ini iaitu sebanyak RM1,000,000. Kementerian ini juga mewajibkan peserta MM2H untuk membeli dan memiliki rumah selepas mendapat kelulusan menyertai Program MM2H bagi menjana ekonomi melalui pasaran hartanah negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA) [LUMUT]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA) [LUMUT] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian ekoran laporan bahawa Tentera Darat Malaysia akan mengusulkan pembatalan kontrak sewaan helikopter Black Hawk TDM kepada pihak Kementerian berikutan kelewatan penghantaran pertama helikopter yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Pertahanan sedang mendapatkan pandangan serta nasihat perundangan daripada Jabatan Peguam Negara berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD
NAWI [TUMPAT]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) status dan bentuk kawal selia penggubalan RUU Pendanaan Politik sebagai jaminan tiada sebarang dana dan campur tangan asing demi kedaulatan negara; dan
- (b) siapa dan berapa libat urus yang dijalankan bersama pihak berkepentingan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada ketika ini Malaysia masih belum mempunyai Akta berkaitan Pendanaan Politik dan apa-apa kes perundangan berkaitan pendanaan politik buat masa ini masih tertakluk antara lain, kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Wang Haram 2001 [*Akta 613*]. Sekiranya setelah siasatan dibuat mengikut lunas-lunas undang-undang dan didapati terdapat pembuktian kukuh dalam penyelewengan pembiayaan dana politik oleh campur tangan asing, maka tindakan diambil berdasarkan Akta 613, Akta 694 dan mana-mana dibawah seksyen Kanun Keseksaan [*Akta 574*] yang berkenaan.
2. Dalam hal ini, sebarang inisiatif kearah penggubalan RUU Pendanaan Politik harus dilaksanakan dengan sebaik mungkin bersama-sama dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Parlimen Kelima Belas (JKPK) pada bilangan ketiga parlimen yang akan dirancang mengikut perbincangan yang telah diadakan di Parlimen pada 9 November 2023 dan 29 Februari 2024. Ini merupakan kesinambungan perbincangan berkenaan pendanaan politik supaya dapat diperincikan agar ia mencapai objektif sebenar iaitu bagi mengatasi masalah ketirisan yang secara tidak langsung dapat memantapkan integriti dan tata kelola yang baik demi kesejahteraan rakyat Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap perniagaan yang dioperasikan oleh warga asing.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi aktiviti penjajaan, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Pasar (WPKL) 2016 yang digunapakai oleh DBKL telah menyatakan dengan jelas bahawa tiada lesen boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang bukan warganegara dan pemegang lesen juga tidak boleh mengambil pembantu bukan warganegara.
2. Walau bagaimanapun, bagi pelesenan premis, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membenarkan bukan warganegara untuk membuat permohonan lesen perniagaan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan kecuali bagi 20 aktiviti yang tidak dibenarkan sama ada secara individu atau perkongsian seperti kedai runcit, perusahaan tekstil/pakaian dan sebagainya. Namun begitu sekatan untuk 20 aktiviti ini tidak terpakai bagi perniagaan yang berjenama antarabangsa, mempunyai cawangan dan bersifat eksklusif.
3. Dalam syarat lesen premis perniagaan juga, DBKL turut menetapkan bahawa sekurang-kurangnya 50 peratus daripada pekerja syarikat yang berada di premis perniagaan mestilah terdiri daripada pekerja warganegara.
4. Bagi mengawal salah laku pemilikan lesen, pemantauan secara berkala telah dirancang sepanjang tahun. Jika pemegang lesen gagal mematuhi peraturan dan perundangan yang ditetapkan, tindakan penguatkuasaan yang tegas akan diambil termasuk tindakan sita dan membatalkan lesen perniagaan. Bagi penyewa di pusat penjaja/pasar berbangunan milik DBKL, tindakan menamatkan kontrak perjanjian penyewaan gerai turut boleh diambil bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan.

5. DBKL juga telah menguatkuasakan undang-undang dengan melaksanakan tindakan sita serta-merta ke atas barangan perniagaan warga asing dan mengeluarkan notis kesalahan terhadap majikan yang didapati menggajikan warga asing tanpa permit kerja yang sah dan seterusnya majikan tersebut akan disyorkan untuk dikenakan tindakan pembatalan lesen perniagaan.

6. Berdasarkan statistik tindakan bagi Januari sehingga Mei 2024, sebanyak 1,363 penjaja warga asing telah disita dan sebanyak 730 Notis Kesalahan telah dikeluarkan kepada pemilik tempatan di atas kesalahan mengambil pekerja warga asing tanpa permit kerja sah.

7. Bagi tindakan jangka masa panjang, DBKL telah mengambil inisiatif dengan memprogramkan beberapa siri tindakan secara berjadual dan operasi bersepadu bersama agensi-agensis sahabat seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi membanteras penjaja warga asing yang berleluasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di samping itu, DBKL juga telah menugaskan anggota penguat kuasa bagi membuat pemantauan ke atas aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh warga asing di lokasi-lokasi *hotspot* melalui kamera litar tertutup (CCTV). DBKL juga bertindak di atas aduan melalui sosial media. Pemantauan dan tindakan akan diteruskan dari semasa ke semasa dengan kerjasama dan komitmen daripada agensi sahabat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH [BESUT]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menggabungkan Biro Pengaduan Awam (BPA) dengan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) dalam usaha untuk menubuhkan Ombudsman Malaysia sebagai badan bebas yang akan menerima dan menguruskan aduan berkaitan sistem penyampaian perkhidmatan awam Persekutuan berdasarkan Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan laporan Kemajuan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, Kerajaan Malaysia komited untuk menubuhkan Ombudsman Malaysia sebagai badan bebas yang akan menerima dan menguruskan aduan berkaitan sistem penyampaian perkhidmatan awam Persekutuan.

2. Dalam hal ini, Kerajaan MADANI sedang mempertimbangkan satu model Ombudsman Malaysia yang unik yang menggabungkan Biro Pengaduan Awam (BPA) dengan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP).
3. Cadangan penubuhan Ombudsman Malaysia ini juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Agenda Reformasi Dan Undang-Undang Bilangan 01 Tahun 2024 yang telah diadakan pada 29 April 2024 dan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri II yang juga Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air yang memutuskan supaya sesi libat urus holistik dilaksanakan bagi tempoh tiga (3) bulan untuk menentukan mekanisme penubuhan dan pelaksanaan Ombudsman Malaysia. Keputusan ini turut dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 12 Jun 2024.
4. Kini, kita berada dalam proses pelantikan ahli jawatankuasa dari setiap agensi yang terlibat bagi tujuan sesi libat urus holistik. Sesi ini penting untuk memastikan pandangan dan keperluan semua pihak berkepentingan diambil kira dalam proses penubuhan Ombudsman Malaysia secara telus dan menyeluruh untuk kepentingan rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHOW YU HUI (RAUB)

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan salah satu syarat untuk melanjutkan lesen LYNAS adalah mengeluarkan thorium daripada sisa radioaktif :
(a) apakah status terkini proses teknologi untuk mengeluarkan thorium daripada bahan mentah dan sisa radioaktif oleh LYNAS ; dan
(b) status terkini pembinaan Permanent Disposal Facility (PDF) oleh Lynas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lesen operasi syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) yang terkini berkuatkuasa bermula 3 Mac 2023 hingga 2 Mac 2026. Selaras dengan penetapan syarat lesen (no. 40.1), syarikat Lynas dikehendaki membelanjakan satu peratus (1%) daripada jualan kasar tahunan untuk melaksanakan aktiviti kajian dan penyelidikan (*research and development / R&D*) bagi mengurang atau menurunkan kandungan bahan radioaktif Torium daripada bahan mentah dan residu *Water Leach Purification* (WLP) ke tahap yang kurang atau lebih rendah daripada had kawalan yang ditetapkan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*], iaitu 1 Bq/g.

Tempoh projek R&D tersebut adalah selama dua (2) tahun bermula daripada 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2025. Pada masa ini, projek R&D sedang dilaksanakan di tahap makmal (*bench scale*) dan pemodelan komputer bagi tujuan mendapatkan pengesahan data dan parameter sebelum ujikaji dapat dilakukan di loji rintis. Aktiviti ujikaji di loji rintis dijadualkan akan bermula pada bulan Julai 2024.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Kemudahan Pelupusan Kekal atau *Permanent Disposal Facility* (PDF) oleh pihak Lynas untuk menempatkan semua sisa *Water Leach Purification* (WLP) meliputi beberapa fasa pembinaan, yang melibatkan empat (4) sel iaitu sel A, B, C dan D. Sehingga 31 Mei 2024, sel A dan sel B telah siap dibina, manakala sel C dan sel D pula sedang dalam pembinaan. Pembinaan keseluruhan PDF dijangka dapat disiapkan pada bulan Disember 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk membentangkan kertas putih penjawat awam bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit dalam sektor perkhidmatan awam khususnya berkaitan kebajikan serta kecekapan dan keberkesanan bidang tugas yang dilaksanakan.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap isu-isu dalam Perkhidmatan Awam dan sedang dalam rangka kerja melaksanakan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) baharu yang merangkumi isu-isu mengenai pembangunan organisasi perkhidmatan awam, kemampuan saraan serta pembangunan bakat. Kajian SSPA ini merupakan perancangan terkini Kerajaan khususnya bagi memperkemas urusan kebajikan, kecekapan dan keberkesanan seterusnya menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam.
2. Untuk merealisasikan aspirasi ini, pembangunan modal insan Perkhidmatan Awam berprestasi tinggi merupakan tumpuan utama dalam Kajian SSPA. Kajian SSPA turut meneliti serta memperhalusi inisiatif penambahbaikan yang boleh diterjemahkan sebagai penyelesaian terhadap isu utama yang membelenggu perkhidmatan awam Malaysia. Empat (4) isu utama yang akan ditangani menerusi Kajian SSPA ini adalah seperti berikut:
 - i. pendapatan boleh guna penjawat awam yang tidak seiring dengan peningkatan kos sara hidup semasa;
 - ii. keperluan meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam;
 - iii. bebanan tanggungan fiskal Kerajaan bagi pembayaran emolumen dan faedah persaraan penjawat awam yang meningkat; dan
 - iv. keperluan untuk memantapkan pembudayaan nilai dan integriti penjawat awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian berkaitan isu sistem perparitan, perpaipan dan pembentungan di Kem Lok Kawi (Markas 5 Briged) yang telah lama dan usang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai makluman, Kem Lok Kawi pada masa ini telah diambil alih sebagai Markas Divisyen Ke-5 Infantri, manakala Markas 5 Briged telah dipindahkan ke Kem Paradise, Kota Belud.

Berhubung dengan isu sistem perparitan di Kem Lok Kawi, Tentera Darat telah memperuntukkan dana sejumlah RM1.6 juta pada tahun 2023 untuk menyelesaikan isu perparitan yang sering menyebabkan banjir kilat di kawasan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dengan membina 2 buah *Detention Pond* beserta struktur *Flap Gate* yang telah siap sepenuhnya pada November 2023. Pada tahun 2024, sejumlah RM2.2 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja naik taraf sistem perparitan di kawasan RKAT di Kem Lok Kawi bagi menggantikan sistem perparitan sedia ada. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2024. Tentera Darat juga telah merancang untuk melaksanakan kerja-kerja naik taraf sistem perparitan keseluruhan Kem

Lok Kawi yang memerlukan sejumlah RM12.8 juta. Projek ini dirancang untuk dilaksanakan secara berfasa bermula pada tahun 2025.

Bagi isu sistem perpaipan melibatkan keseluruhan Kem Lok Kawi, Tentera Darat telah merancang untuk kerja-kerja naik taraf sistem perpaipan sedia ada yang melibatkan peruntukan sebanyak RM6.6 juta untuk memasang paip jenis *High Density Polyethylene* (HDPE) sepanjang 6.67 kilometer. Ianya juga dirancang untuk dilaksanakan secara berfasa bermula pada tahun 2025.

Pada masa yang sama, pihak Tentera Darat juga telah membina 3 buah *tubewell* pada tahun 2023 di Kem Lok Kawi bertempat di Wisma Perwira 5 Divisyan, Dewan Kinabalu dan Batalion Ke-3 Rejimen Askar Melayu DiRaja untuk mengatasi masalah air di Kem Lok Kawi, Sabah. Kos Keseluruhan bagi projek ini berjumlah RM300,000.

Tentera Darat juga telah mengenalpasti kos yang diperlukan bagi kerja-kerja senggaraan korektif sistem pembentungan di Kem Lok Kawi yang memerlukan peruntukan berjumlah RM3 juta yang melibatkan skop kerja senggaraan sistem loji rawatan kumbahan dan senggaraan sistem perpaipan kumbahan. Ianya juga dalam perancangan untuk dilaksanakan secara berfasa pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian pihak-pihak yang terlibat dalam Majlis Dialog Perundangan Islam Kebangsaan yang diadakan pada 9 hingga 11 Oktober 2023 dan jelaskan hasil perbincangan yang telah dibuat, khususnya dalam perkara yang membabitkan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan serta urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI). Antara fungsi utama JAKIM adalah menggubal dan menyeragamkan undang-undang Syariah.
2. Selaras dengan fungsi tersebut JAKIM sentiasa komited dengan mengadakan rundingan dan perbincangan dengan negeri-negeri mengenai undang-undang Syariah dari semasa ke semasa melalui platform Majlis Dialog Perundangan Islam Kebangsaan. Majlis Dialog terkini yang telah diadakan adalah pada 9 hingga 11 Oktober 2023.
3. Majlis Dialog ini merupakan salah satu platform bagi negeri-negeri memberikan pandangan dan maklum balas terhadap cadangan pindaan kepada undang-undang Syariah yang dibentangkan dalam Majlis Dialog tersebut. Pandangan dan maklum balas daripada negeri-negeri akan diambil kira dalam menambah baik peruntukan undang-undang Syariah yang sedia ada.
4. Majlis Dialog ini melibatkan Ketua Hakim Syarie, SS Mufti, Pengarah Jabatan Agama Islam, Pengerusi/Yang di-Pertua/Setiausaha Majlis Agama Islam, Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama negeri-negeri, anggota Jawatankuasa Perundangan Islam Kebangsaan, wakil daripada pejabat penasihat undang-undang negeri-negeri, wakil daripada Jabatan Peguam Negara dan wakil daripada Majlis Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan.

NO. SOALAN: 46

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Majlis Dialog tersebut draf Rang Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) telah dibentangkan untuk mendapatkan pandangan daripada negeri-negeri.
6. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat beberapa peruntukan dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 melibatkan isu bidang kuasa antara Persekutuan dan Negeri sebagaimana yang diputuskan dalam kes Nik Elin Zurina, Kerajaan akan menunggu hasil laporan Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Dengan Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam yang turut membincangkan isu tersebut.
7. Laporan hasil kajian oleh Jawatankuasa Khas tersebut akan diambil kira dalam dalam menambah baik peruntukan undang-undang jenayah syariah yang sedia ada sebelum draf Rang Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) tersebut dimuktamadkan.
8. Mengenai pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, beberapa sesi libat urus telah pun dibuat dengan orang yang berkepentingan iaitu Ketua Hakim Syarie Negeri-Negeri, wakil Jabatan Peguam Negara dan wakil Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 22 September 2023, Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Penguatkuasa Agama Negeri-Negeri pada 17 Oktober 2023 dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri pada 18 Disember 2023.
9. Berdasarkan hasil sesi libat urus tersebut, ahli Mesyuarat bersetuju supaya Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 dipinda dengan menaikkan kadar hukuman yang sedia ada supaya selaras dengan perkembangan semasa memandangkan kali terakhir pindaan dibuat adalah pada tahun 1984.

NO. SOALAN: 46

10. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam juga akan meneliti cadangan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Laporan hasil kajian oleh Jawatankuasa Khas ini juga akan diambil kira dalam menggubal pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.
11. Cadangan pindaan kepada kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 akan dibentangkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan Majlis Raja-Raja untuk diperkenankan sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk persetujuan dasar sebelum dibentangkan di Parlimen. Setakat ini, had bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah masih dalam peringkat perbincangan dan belum dimuktamadkan.
12. Pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 ini akan dibawa ke Parlimen bersama dengan suatu akta baharu iaitu Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) dengan tujuan untuk memperkasa Mahkamah Syariah. Kedua-dua Rang Undang-Undang tersebut akan dibentangkan di Parlimen setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri bagi memastikan hasrat untuk pemeriksaan Mahkamah Syariah dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 27 JUN 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bantuan yang diberikan kepada pemain industri pelancongan Pantai Timur Sabah terutamanya di Parlimen Libaran dalam memastikan kemudahan pelancongan dan infrastruktur akan diselenggara dengan baik sebelum Tahun Melawat Malaysia 2026.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini sememangnya bekerjasama rapat dengan semua Kerajaan Negeri dalam memastikan kemudahan awam di lokasi-lokasi pelancongan utama di Malaysia berada dalam keadaan terbaik untuk kegunaan para pelancong khususnya menjelang VM2026.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) (RP1 sehingga RP4), Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sebanyak 53 projek pembangunan serta penyelenggaraan dengan peruntukan berjumlah RM50,912,228 kepada Sabah. Walau bagaimanapun, tiada sebarang permohonan projek pembangunan, penyelenggaraan mahupun peningkatan kemudahan pelancongan oleh pihak Kerajaan Sabah bagi menaiktaraf prasarana pelancongan di Parlimen Libaran.
3. Sehubungan itu, MOTAC mengalu-alukan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan baharu selaras dengan halatuju MOTAC dan keutamaan Kerajaan Sabah melalui Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS) bagi membantu menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Parlimen Libaran khususnya dan di Sabah amnya demi menyokong industri pelancongan tempatan sekaligus menjana ekonomi setempat dengan syarat, aspek penyelenggaraan secara berkala dan pengurusan pengoperasian diberi perhatian yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 27 JUN 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan status terkini kesediaan negara menerima sasaran ketibaan 26.1 juta pelancong selepas penetapan semula Tahun Melawat Malaysia 2026.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Fokus utama Kementerian kini adalah tertumpu kepada pembangunan tema, *tagline*, logo, maskot dan lagu rasmi VM2026. Di samping itu juga, beberapa strategi telah dan akan dilaksanakan bagi menjayakan Kempen Tahun Melawat Malaysia 20226 (VM2026) seperti:

- i. Terus mengadakan sesi libat urus dan kerjasama dengan pelbagai Kementerian yang berkepentingan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta NGO industri

NO. SOALAN : 48

pelancongan dan kebudayaan untuk memastikan kesediaan dari aspek infrastruktur, kemudahan, penyelenggaraan, keceriaan dan keselamatan di destinasi-destinasi pelancongan serta promosi dan pemasaran;

- ii. Memperkukuhkan lagi kerjasama strategik dengan Kementerian, Kerajaan Negeri dan para penggiat industri melalui enam (6) kluster utama iaitu kluster pengangkutan darat, kluster pengangkutan udara, kluster persatuan pelancongan, kluster pelancongan minat khas, kluster penginapan dan kluster budaya; dan
- iii. Kementerian juga sedang mengemaskini kursus khas Mesra Malaysia yang merupakan modul latihan yang akan diberikan kepada kesemua barisan hadapan (*frontliners*) terutamanya di pusat penerangan pelancong, lapangan terbang, destinasi-destinasi pelancongan dan pusat membeli belah. Ini bagi memastikan barisan hadapan bersedia untuk menerima kehadiran pelancongan dan dapat memberikan perkhidmatan yang mesra dan berkualiti.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang ("BPPUU") Jabatan Peguam Negara yang bertanggungjawab untuk menyemak dan mencetak semula undang-undang Malaysia adalah merupakan salah satu Bahagian di bawah tanggungjawab Peguam Negara yang juga merupakan Penasihat Undang-Undang kepada Kerajaan.
2. Fungsi utama BPPUU ini adalah menurut kuasa yang diperuntukkan kepada Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [*Akta 1*]. Selain itu, BPPUU turut melaksanakan pembaharuan undang-undang dalam perkara tertentu yang dikenal pasti, memperluas dan mengubah suai undang-undang persekutuan ke Sabah, Sarawak dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, dan menterjemah undang-undang pra-1967 daripada bahasa Inggeris kepada bahasa kebangsaan.
3. BPPUU dibahagikan kepada dua Seksyen iaitu Seksyen Penyemakan Undang-Undang dan Seksyen Pembaharuan Undang-Undang. Fungsi pembaharuan undang-undang dilaksanakan oleh Seksyen Pembaharuan Undang-Undang dengan membuat kajian ke atas undang-undang semasa dan membuat syor pembaharuan kepada Kerajaan yang mungkin melibatkan pindaan ke atas undang-undang tertentu atau penggubalan undang-undang baharu. Cadangan pembaharuan adalah bersifat teknikal yang memerlukan kajian secara mendalam dan terperinci.
4. Seksyen Pembaharuan Undang-Undang juga melaksanakan pelbagai kajian lain termasuklah kajian ke atas undang-undang pra-

1969 bagi menentukan tindakan yang wajar diambil ke atas undang-undang tersebut iaitu sama ada dimansuhkan atau disemak atau diperbaharui. Kajian ini dilaksanakan secara berterusan dan dibuat secara berperingkat.

5. Kajian yang dilaksanakan oleh Seksyen Pembaharuan Undang-Undang BPPUU merupakan kajian terperinci yang melibatkan kajian undang-undang Persekutuan berkaitan dan juga kajian perbandingan dengan negara-negara lain. Pihak-pihak berkepentingan seperti mahkamah, Majlis Peguam Malaysia, badan bukan Kerajaan dan persatuan berkaitan akan dirujuk dan dirunding, manakala Kementerian, Jabatan dan agensi lain termasuk Negeri-Negeri sentiasa dirujuk untuk maklum balas, sekiranya perlu. Seksyen Pembaharuan Undang-Undang BPPUU juga berkerjasama rapat dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang ("BHEUU"), Jabatan Perdana Menteri serta Kementerian, Jabatan dan agensi lain dengan menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan reformasi undang-undang yang ditubuhkan khas di peringkat BHEUU atau Kementerian, Jabatan dan agensi tersebut.
6. Seksyen Pembaharuan Undang-Undang BPPUU juga menjalankan fungsinya dalam membaharui undang-undang sebagaimana yang diarahkan oleh Peguam Negara selaras dengan dasar Kerajaan. Sebarang cadangan pembaharuan undang-undang sebelum dikemukakan kepada Kerajaan sentiasa diteliti dari segenap aspek demi kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan usaha Kementerian dalam memastikan agar syarikat media tempatan dan antarabangsa serta platform media sosial melaporkan sumber berita yang sahih dan tepat serta seimbang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi sentiasa berusaha untuk memastikan agar syarikat media tempatan dan antarabangsa serta platform media sosial bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat yang sahih kerana mereka juga berperanan menyuburkan kemakmuran serta keharmonian yang didukung melalui nilai Malaysia MADANI.

Antara usaha yang dilaksanakan ialah menerusi Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) iaitu dengan mengeluarkan Kad Perakuan Media (KPM) yang berperanan sebagai kad pengenalan diri yang telah didaftarkan dan diperaku oleh Kerajaan secara rasmi kepada pengamal/wakil media. Ini adalah untuk memudah cara pengamal media membuat liputan bagi acara-acara rasmi kerajaan seperti Hari Kebangsaan, acara yang melibatkan istana, parlimen, lawatan pembesar negara serta sebagai akses kepada pihak media di bangunan rasmi kerajaan seperti di Parlimen.

Sehubungan dengan itu, dalam memastikan agar syarikat media tempatan dan antarabangsa melaporkan sumber berita yang sahih dan tepat serta seimbang, pemohon KPM perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh JAPEN semasa membuat liputan media antaranya wartawan perlu bertanggungjawab memberikan maklumat yang benar dan sahih dalam menerbitkan sesuatu bahan berita sebagaimana yang dinyatakan dalam Kod Etika Wartawan Malaysia.

Penambahbaikan Kod Etika Wartawan Malaysia adalah penting sebagai garis panduan wartawan dalam melaksanakan pemberitaan di samping peningkatan platform media baharu yang wujud pada ketika ini. Usaha ini juga adalah perlu bagi memerangi penyebaran maklumat tidak sahih dan berita palsu kepada masyarakat.

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) pula, sebagai stesen penyiaran rasmi Kerajaan, berperanan penting untuk menyebarkan segala maklumat dan dasar Kerajaan. Untuk memastikan laporan yang

dihasilkan sahah dan tepat, bahan berita yang disediakan wartawan RTM akan disunting oleh barisan editor berpengalaman dan melalui proses suntingan laporan dan tapisan visual yang ketat serta berpandukan garis panduan yang ditetapkan jabatan sebelum ia disiarkan di TV, radio mahupun di media sosial. RTM juga tidak akan sama sekali menggunakan bahan berita yang dipetik daripada sumber yang tidak sahah dan tidak berwibawa.

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) sentiasa mengambil berat dan berhati-hati dalam memastikan semua pelaporan berita dan maklumat yang dihebahkan kepada media tempatan dan antarabangsa adalah berdasarkan sumber yang tepat, berautoriti, sahah, *neutral* serta seimbang untuk tujuan keselamatan dan keharmonian masyarakat. Ia disalurkan dalam semua platform konvensional dan media sosial BERNAMA.

Selain itu juga, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) giat memperluaskan kerjasama erat bersama platform media sosial serta agensi penguatkuasa lain bagi menangani isu penyebaran maklumat palsu. Hasilnya, dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 1 Jun 2024, sebanyak 9,310 kandungan palsu telah diturunkan oleh penyedia platform berdasarkan permohonan yang dilakukan oleh pihak MCMC. MCMC turut bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan menubuhkan satu Pasukan Petugas Siasatan bagi memastikan siasatan kes yang membabitkan penyebaran maklumat palsu dilaksanakan segera.

Dalam memastikan platform media sosial menambah baik penyerdahanaan kandungan, MCMC secara berterusan menyelaraskan sesi libat urus supaya penyedia platform media sosial mengenali pihak penguatkuasa berkaitan sebagai sumber yang berwibawa. Melalui sesi sebegini, penyedia platform dapat memahami konteks tempatan dari segi nilai, norma masyarakat, dan undang-undang. Mereka juga diberi penerangan mengenai isu-isu semasa yang memberi mudarat kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
[SRI AMAN]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk memodenkan dan transformasi angkatan bersenjata Malaysia agar lebih kompeten, efektif dan siap siaga menghadapi sebarang cabaran dan ancaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berasaskan kepada Strategi Pertahanan Negara, pemerkasaan Angkatan Tentera Malaysia yang bersifat Seimbang, Kredibel dan Bersepadu kepada Angkatan Masa Hadapan (AMH) yang berteraskan Tangkas, Berfokus dan Bersepadu mendepani cabaran persekitaran keselamatan semasa. Bagi menjaga keselamatan dan kedaulatan negara, AMH akan memfokuskan kepada operasi dan aktiviti ketenteraan (*military operations and activities*) di Kawasan Lapisan Berpadu negara yang meliputi kawasan seperti:

- i. Kawasan daratan negara (kawasan teras);
- ii. Zon maritim dan udara negara (kawasan lanjutan); dan
- iii. Melangkaui kawasan lanjutan (kawasan hadapan), di mana kepentingan negara di luar kawasan lanjutan, termasuk kestabilan serantau dan usaha-usaha ke arah keamanan sejagat.

Konsep pengoperasian ini akan memberi tumpuan kepada faktor-faktor berikut:

- i. Keupayaan Pengesanan Berkesan. Keberkesanan keupayaan pengesanan dalam memberi amaran awal dan penilaian ancaman yang tepat akan memperkukuhkan perlindungan angkatan (*force protection*) yang menyumbang kepada kejayaan operasi dan misi ATM.
- ii. Maklumat Persekitaran Geografi. Memaksimumkan keadaan geografi dan muka bumi negara yang akan memberi kelebihan kepada daya tempur ATM bagi melindungi kawasan kedaulatan negara;
- iii. Memperkukuhkan Jaringan Sistem Komunikasi. Ketersediaan sistem komunikasi yang terangkai (*networked*) dan bersepadu (*integrated*) bagi menghasilkan perkongsian

maklumat secara efisien dan efektif dalam ketiga-tiga perkhidmatan ATM.

- iv. Pendekatan Hibrid. Pendekatan hibrid secara kos efektif terhadap sebarang ancaman dan merangkumi aplikasi angkatan secara kinetik, bukan kinetik dan asimetrik.
- v. Keupayaan Daya Tempur. Keupayaan daya tempur yang konsisten dicapai melalui mekanisme kemampanan (*sustainment*) bekalan peralatan dan aset tentera menerusi Sistem Rantai Bekal (Supply Chain) yang direka secara guna sama dan diintegrasikan melalui inisiatif *Whole of Government and Whole of Society* (WoGoS).

Di atas usaha-usaha yang dilaksanakan ini akan menjadikan ATM sebuah ketumbukan yang lebih kompeten, efektif dan siap siaga dalam menghadapi sebarang cabaran dan ancaman.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah drastik yang telah diambil oleh Kerajaan dengan kerjasama Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) bagi meningkatkan advokasi pengguna jalan raya dalam usaha mengekang peningkatan kemalangan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) sentiasa mengutamakan faktor keselamatan dalam semua mod pengangkutan termasuk pengangkutan darat. Dalam hal ini, MOT melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dengan kerjasama Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MKJR) dan MKJR Negeri sentiasa melaksanakan kempen kesedaran keselamatan jalan raya (*road safety awareness campaign*) di negeri-negeri di seluruh negara bagi membendung dan mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya.

2. Bagi meningkatkan kesedaran keselamatan pengguna jalan raya secara bersasar terutamanya pengguna motosikal, pada tahun 2023, MOT telah memperuntukkan sebanyak RM 2 juta bagi melaksanakan program pertukaran topi keledar dengan kerjasama pihak MKJR. Program ini telah memberi manfaat kepada 36,722 pengguna motosikal yang terdiri daripada 31,629 golongan dewasa dan 5,093 golongan kanak-kanak di seluruh negara menerusi Program Madani Rakyat dan Program myLesen serta aktiviti-aktiviti advokasi keselamatan jalan raya yang telah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK
JAEM [SERIAN]**

TARIKH : **27 JUN 2024 (KHAMIS)**

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah atau aplikasi yang boleh menjaga data-data peribadi daripada digodam untuk *scam* orang lain seolah-olah keselamatan dalam talian tiada berkesudahan dan mencatat kes yang tinggi setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Digital komited dalam mengambil langkah bagi memastikan data peribadi dilindungi daripada digodam untuk tujuan penipuan dalam talian.
2. Antara langkah yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian ialah menyediakan pendidikan kesedaran digital kepada masyarakat seperti program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan (JASK) dan program CyberSAFE™ Awareness Talk (CSAT) untuk meningkatkan pengetahuan mereka mengenai ciri-ciri penipuan kewangan dan taktik yang sering digunakan untuk tujuan *scam* serta modus operandi jenayah siber. Ini membolehkan mereka mengenal pasti ancaman sebelum menjadi mangsa dan sentiasa berhati-hati dengan maklumat peribadi yang dikongsikan di dalam talian, terutamanya di media sosial.

SOALAN NO. 53

3. Kementerian juga bekerjasama rapat dengan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan antara langkah utama yang telah diambil ialah pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Siber 2024 yang telah diluluskan di Parlimen pada Mesyuarat yang lepas. RUU Keselamatan Siber 2024, memberi fokus kepada perlindungan keselamatan siber terhadap infrastruktur maklumat kritikal negara (*National Critical Information Infrastructure – NCII*). Di dalam RUU tersebut, sektor maklumat, komunikasi dan digital telah dikenal pasti sebagai salah satu daripada Sektor NCII yang akan menyediakan tindakan lebih pantas dan berkesan serta menumpukan kepada pembangunan *cyber security baseline* bagi menangani insiden keselamatan siber termasuk aktiviti penggodaman data peribadi di masa hadapan.

4. Selain itu, Kementerian Digital juga akan membentangkan Rang Undang-undang (RUU) Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 pada mesyuarat Parlimen kali ini bagi menambah baik aspek perlindungan data peribadi sebagai sebahagian langkah bagi mengekang isu pencerobohan dan penggodaman data peribadi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kementerian ini dalam memastikan keselesaan pengguna yang menggunakan komuter Butterworth - Padang Besar atau Padang Besar - Butterworth. Hal ini kerana berlaku tambahan pengguna komuter ke Padang Besar pada hujung minggu dan cuti sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 13 buah stesen kereta api bagi perkhidmatan Komuter dari Stesen Keretapi Butterworth hingga ke Stesen Keretapi Padang Besar. terdapat beberapa stesen kereta api yang mengalami jumlah penggunaan yang tinggi terutama pada waktu puncak.

2. Bagi memastikan keselesaan penumpang termasuk pengguna perkhidmatan Komuter untuk kedua-dua arah bagi jajaran Butterworth-Padang Besar terutama pada hujung minggu dan cuti sekolah Perbadanan Aset Keretapi (RAC) telah menyediakan beberapa kemudahan seperti berikut:

- i. Memastikan kiosk, kedai mudah alih dan kafeteria di stesen-stesen kereta api disewakan/ beroperasi selaras dengan waktu pengoperasian stesen kereta api bagi membolehkan pengguna mendapatkan kemudahan termasuk membeli makanan dan minuman;
- ii. Menambah tiga unit kedai mudah alih atau *pushcart* di Stesen Keretapi Padang Besar seiring dengan penambahan pengguna stesen keretapi berkenaan yang menjadi pintu masuk pelancong ke negara jiran Thailand;
- iii. Menyediakan dan melantik operator bagi mengurus dan mengoperasikan tempat letak kenderaan bagi memastikan pengurusan tapak parkir yang teratur dengan kadar bayaran yang berpatutan;
- iv. Melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan secara berkala terhadap operator parkir agar pengurusan tempat letak kenderaan menepati obligasi yang ditetapkan; dan
- v. Memastikan segala obligasi di bawah KTMB selaku pihak operator merangkumi aktiviti penyenggaraan stesen-stesen

kereta api, bangunan (seperti depoh) dan kerja-kerja pembersihan dalam dan sekitar kawasan stesen kereta api dilaksanakan secara berkala.

3. RAC turut melaksana dan sedang meneliti beberapa cadangan menaiktaraf keadaan stesen-stesen kereta api ini dalam usaha memastikan pengguna perkhidmatan rel mendapat perkhidmatan yang selesa.

- i. Melaksanakan peningkatan kemudahan di stesen-stesen kereta api di sepanjang jajaran Butterworth – Padang Besar seperti berikut antaranya penyediaan/penambahan petak bagi tempat letak kenderaan di lapan (8) stesen kereta api iaitu di Arau, Anak Bukit, Alor Setar, Kobah, Gurun, Tasek Gelugor, Bukit Mertajam dan Bukit Tengah;
- ii. Pembinaan kemudahan lif di empat (4) stesen kereta api iaitu Padang Besar, Bukit Ketri, Koding dan Kobah;
- iii. Melaksanakan kajian untuk cadangan penambahan baharu eskalator di setiap platform dan pembesaran ruang lobi menunggu di Stesen Keretapi Butterworth; dan
- iv. Melaksanakan kajian kebolehlaksanaan laluan masuk yang baharu di Stesen Keretapi Butterworth dan Stesen Keretapi Tasek Gelugor bagi menyediakan laluan keluar masuk yang lebih luas dan mengelakkan kesesakan terutama pada waktu puncak

4. Selain itu, KTMB telah menambah bilangan set elektrik di sektor Utara. Penambahan ini melibatkan lima (5) set tren elektrik. Dengan penambahan set elektrik ini, ia dapat meningkatkan kekerapan tren dan kapasiti penumpang.

5. Bagi memenuhi permintaan penumpang sama ada hari biasa, hujung minggu, musim cuti sekolah dan hari kelepasan am, KTMB telah

meningkatkan jumlah perkhidmatan dari 26 trip kepada 36 trip bermula pada 15 Februari 2023.

6. KTMB juga telah menaiktaraf sistem tiket sedia ada kepada *KTMB Integrated Ticketing System (KITS)* di mana ia memberi kemudahan dan keselesaan kepada penumpang untuk membeli tiket tanpa perlu beratur lama di kaunter.

7. Manakala bagi tempoh jangka masa panjang, Kementerian Pengangkutan sedang melaksanakan proses perolehan 12 set tren elektrik baharu untuk Perkhidmatan KTM Komuter di sektor utara yang dijangka akan dapat digunakan untuk operasi tren pada tahun 2027. Dengan penambahan set tren elektrik ini akan dapat meningkatkan kapasiti dan kekerapan tren Komuter Utara pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa penerima biasiswa JPA bagi kategori-kategori seperti sarjana muda (tempatan), sarjana muda (luar negara), lepasan ijazah (tempatan) dan lepasan ijazah (luar negara). Berapa peruntukan yang dibelanja bagi kohort setiap kategori pada tahun 2023.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2016, penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengalami perubahan dasar dan penajaan semasa yang ditawarkan adalah dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) Berasaskan Merit Tempat Berkhidmat.

2. Pada tahun 2023, bagi kategori ijazah sarjana muda, Kerajaan telah menaja seramai 2,183 orang pelajar ke luar negara dan 55,648 orang pelajar di dalam negara. Jumlah tersebut adalah bagi penajaan baharu dan juga tertanggung.

3. Manakala bagi kategori ijazah lanjutan, Kerajaan telah menaja seramai 54 pelajar ke luar negara dan 107 pelajar di dalam negara. Jumlah ini juga adalah bagi penajaan tertanggung.

4. Secara keseluruhannya, Kerajaan telah memberikan penajaan kepada 57,992 orang pelajar ke program pengajian peringkat tertiar dengan peruntukan sebanyak RM797.55 juta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian Kerajaan Persekutuan berkenaan cadangan untuk membina sistem tren Transit Aliran Ringan (LRT) menggunakan teknologi levitasi magnet di Langkawi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan setakat ini tiada perancangan projek LRT di Langkawi dan belum menerima apa-apa cadangan daripada pihak swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah pelancong dari negara India pada tahun 2023 dan suku pertama tahun 2024. Apakah strategi Kerajaan dalam menarik lebih ramai pelancong dari negara India dan mengatasi isu Not To Land (NTL) yang masih tinggi.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Negara India merupakan antara penyumbang utama kepada ketibaan pelancong asing ke Malaysia. Bagi tahun 2023, pasaran India merupakan pasaran keenam tertinggi dengan ketibaan seramai 671,846 orang pelancong. Bagi suku pertama 2024 pula, Malaysia telah menerima ketibaan seramai 213,214 orang pelancong dari negara India.
2. Selain daripada kemudahan pengecualian visa oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang pastinya akan terus menarik jumlah kemasukan pelancong yang ketara, Kementerian melalui agensinya iaitu

Tourism Malaysia telah mengambil langkah-langkah berikut untuk mengatasi isu *Not To Land* (NTL) dan menarik lebih ramai pelancong dari negara India:

- (i) memperkenalkan produk-produk pelancongan *niche market* seperti *wedding*, *golfing* dan *diving* kepada pasaran berkenaan, antaranya melalui program misi jualan dan hebahan oleh Pejabat-Pejabat Tourism Malaysia di Chennai, Mumbai dan New Delhi;
- (ii) menyertai pameran pelancongan antarabangsa di India seperti *Outbound Travel Mart* (OTM) di Mumbai dan *South Asia Travel & Tourism* (SATTE) di New Delhi;
- (iii) melibatkan pegawai JIM yang bertugas di pejabat luar negara untuk menyertai dan memberikan penerangan kepada pengunjung berkaitan visa semasa misi jualan dan pameran pelancongan antarabangsa di India; dan
- (iv) mempertingkatkan perkhidmatan *helpdesk* di pintu masuk utama negara termasuk di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (Terminal 1 dan Terminal 2), Pulau Pinang, Johor, Sabah dan Sarawak.

3. Di samping itu, Kementerian ini sentiasa berbincang dengan pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan JIM bagi meminimumkan kes NTL pelancong India demi kebaikan industri pelancongan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah dan tindakan yang diambil oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dalam menangani dan mendepani kenaikan kos sara hidup rakyat, pemberian subsidi bersasar, ketirisan subsidi Kerajaan dan kenaikan harga barangan yang membebankan dan senaraikan inisiatif yang telah dijalankan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos sara hidup yang membelenggu rakyat pada ketika ini mempunyai cabaran yang melibatkan pelbagai dimensi dan memerlukan tindakan oleh semua pemegang taruh. Oleh yang demikian, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (*National Action Council on Cost of Living* - NACCOL) bertindak sebagai platform nasional dalam merangka dasar, strategi dan pelan tindakan berkaitan agenda kos sara hidup yang digerakkan merentasi kementerian dan agensi serta melibatkan wakil kerajaan-kerajaan negeri, badan bukan kerajaan (NGO) dan industri.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dipertanggungjawabkan sebagai sekretariat kepada Majlis Tertinggi

NACCOL yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Jawatankuasa Eksekutif yang dipimpin oleh YAB Timbalan Perdana Menteri I, Jawatankuasa Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang diketuai oleh YAB Timbalan Perdana Menteri II dan Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan yang diselenggarakan oleh YB Menteri KPDN sendiri.

Pada masa yang sama, terdapat sebanyak tujuh (7) Jawatankuasa Kerja Kluster di bawah NACCOL yang dipengerusikan tujuh (7) kementerian yang meliputi kluster makanan, perumahan, pendidikan, pengangkutan, utiliti, kesihatan dan pendapatan. Melalui NACCOL, Kerajaan memastikan setiap penggubalan dasar dan program yang dilaksanakan melalui kementerian dan agensi akan memberikan pertimbangan terhadap elemen kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat cakna dan sentiasa komited dalam memastikan kesejahteraan rakyat terjamin. Antara keputusan yang telah diputuskan di bawah NACCOL ialah:

- i. Penurunan harga jualan runcit beras putih import (BPI) di antara RM2 hingga RM3 di pasaran bagi mengekalkan harga yang kompetitif di pasaran di samping kestabilan harga yang tidak membebankan. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melaksanakan pengedaran beras putih tempatan (BPT) yang dijual pada harga kawalan RM2.60/kg agar bekalan sentiasa mencukupi;
- ii. Kajian Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang bertujuan untuk mengenal pasti isu semasa di samping mengesyorkan tindakan susulan bagi menstabilkan harga barangan di wilayah Sabah, wilayah Sarawak dan W.P. Labuan. Justeru, kajian ini turut mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong wujudnya perbezaan harga antara wilayah Sabah, wilayah Sarawak dan W.P. Labuan dengan Semenanjung Malaysia;
- iii. Pembangunan Indikator Kos Sara Hidup akan dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang merupakan satu

indikator baharu bagi mengukur tahap kos sara hidup rakyat hingga ke peringkat daerah. Indikator ini bertujuan untuk membantu Kerajaan dalam merangka pelaksanaan program lebih tepat dan berkesan serta membincangkan secara terperinci beberapa perkara berkaitan kos sara hidup rakyat khususnya isu harga dan ketersediaan bekalan dalam negara; dan

- iv. Inisiatif Payung RAHMAH MADANI yang meliputi Jualan Rahmah MADANI, Bakul RAHMAH MADANI, Pakej RAHMAH MADANI dan Menu RAHMAH MADANI. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyokong pengusaha Menu RAHMAH MADANI, KPDN sedang mengagihkan Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH yang menawarkan diskaun khas secara purata 40% barang keperluan perniagaan melibatkan pasaraya terpilih. Sebanyak lebih 5,000 jenis barangan atau 'stock keeping unit' (SKU).

Selain itu juga, terdapat inisiatif-inisiatif lain yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian di bawah Kluster NACCOL seperti berikut:

- i. Program MyLesen (B2, PSV, E DAN GDL);
- ii. Inisiatif FlySiswa dan Skim Harga Diskaun Tiket Musim Perayaan;
- iii. Pas Bulanan Tanpa Had My50;
- iv. Rumah Mampu Milik;
- v. Skim Simen Rahmah; dan
- vi. Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (Peka B40);

Kerajaan juga telah melaksanakan penyasaran semula subsidi bagi memastikan rakyat dapat dibantu dan ekonomi negara sentiasa kekal ampuh. Pemberian subsidi sedia ada yang bersifat pukal telah sekian lama dipraktikkan dan menggunakan peruntukan kewangan Kerajaan yang agak besar. Justeru, pemberian subsidi bersasar ini dilihat bersifat mampan kerana ianya hanya akan memberi keuntungan kepada golongan sasaran yang benar-benar layak.

Justeru, KPDN telah melaksanakan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) dengan menggunakan Sistem *Fleet Card* bagi menggantikan pemberian subsidi diesel secara pukal di stesen minyak. Keputusan ini adalah bagi mengurangkan ketirisan dan penyeludupan diesel yang banyak merugikan negara di samping memperkemarkan kedudukan kewangan Kerajaan selaras dengan disiplin fiskal negara. Ianya semestinya mampu membantu golongan sasaran yang benar-benar layak menerima subsidi agar harga barangan dan perkhidmatan kekal stabil tanpa berlaku apa-apa kenaikan yang tidak munasabah.

Selain itu, OPS KESAN 2.0 juga telah bermula sebagai persiapan kepada pelaksanaan penyasaran subsidi diesel bermula pada 8 Jun 2024. KPDN telah membuat persediaan rapi bagi menangani sebarang aduan terhadap mana-mana peniaga yang didapati menaikkan harga pada kadar yang tidak munasabah terutama kepada mereka yang telah mendapat manfaat dari penyasaran subsidi diesel dan juga kepada peniaga yang sememangnya tidak layak menerima subsidi diesel sebelum pelaksanaannya. Sehingga 12 Jun 2024, sebanyak 23 aduan telah diterima, 3 kertas siasatan telah dibuka serta sejumlah 191 Notis telah dikeluarkan susulan pemeriksaan ke atas 346 premis di seluruh negara.

Di samping itu juga, Kerajaan melalui KPDN sentiasa menjalankan sesi libat urus bersama pihak industri dan pihak berkepentingan dalam menangani isu kenaikan harga serta memastikan harga barang tidak dinaikkan sewenang-wenangnya. Jika kos input bagi pengeluaran menurun, industri sepatutnya menurunkan harga dengan serta-merta.

Namun begitu, Kerajaan MADANI percaya bahawa perlu adanya suntikan bantuan tunai bagi membantu rakyat merancang perbelanjaan dan memastikan aliran tunai isi rumah kekal positif. Setakat 19 Jun 2024, Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan sebanyak 100,000 permohonan bantuan tunai subsidi diesel di bawah inisiatif BUDI MADANI untuk pemilik kenderaan diesel individu (BUDI INDIVIDU) serta petani dan pekebun kecil (BUDI Agri-Komoditi), seperti berikut:

- i. BUDI Individu – merupakan sumbangan tunai Kerajaan lanjutan daripada pelaksanaan program penyasaran subsidi diesel. Kategori ini khusus untuk individu daripada golongan bukan berpendapatan

tinggi (pendapatan di bawah RM100 ribu setahun atau RM8,333.33 sebulan) yang memiliki kenderaan diesel di Semenanjung Malaysia.

- ii. **BUDI Agri-Komoditi** – merupakan sumbangan tunai Kerajaan lanjutan daripada pelaksanaan program penyasaran semula subsidi diesel. Kategori ini adalah khusus untuk petani kecil (Tanaman, Akuakultur dan Ternakan) dan pekebun kecil (Sawit, Getah, Koko, Lada, dan Kenaf) yang aktif di Semenanjung Malaysia dan berdaftar dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK).
- iii. Sumbangan Tunai Rahmah (STR);
- iv. Sumbangan Asas Rahmah (SARA); dan
- v. Bantuan Awal Persekolah (BAP).

Selain strategi dan inisiatif – inisiatif sedia ada, Kerajaan mengalu-alukan syor, pandangan dan penglibatan konstruktif semua pihak melalui pendekatan *whole of nation approach* untuk meningkatkan keberkesanan dalam agenda menangani kos sara hidup yang merupakan fenomena dan cabaran global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bagaimana Kementerian Pertahanan dapat melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 sekiranya bantuan kewangan tidak mencukupi untuk membina, tambah baik dan naik taraf fasiliti-fasiliti yang telah uzur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memupuk semangat patriotisme, cintakan negara dalam kalangan belia dan bagi mengelak peningkatan kos tahunan yang tinggi untuk melaksanakan PLKN 3.0, pendekatan terbaik adalah menggunakan kem milik kerajaan antaranya Kem Askar Wataniah sebagai kem utama PLKN 3.0. Pada masa ini, kemudahan di Kem Askar Wataniah memang agak terhad namun boleh dinaiktaraf untuk meningkatkan kapasiti pertambahan pelatih dan sesuai digunakan untuk PLKN 3.0. Semua kem-kem Askar Wataniah ini akan dinaiktaraf kemudahannya terlebih dahulu, namun ia bergantung pada peruntukan belanjawan daripada Kerajaan.

Kementerian Pertahanan telah menyediakan permohonan keperluan peruntukan kewangan untuk menyelenggara, menaik taraf, dan membina baru kemudahan kediaman pelatih di Kem Askar Wataniah yang terlibat. Projek Pembangunan Kem Askar Wataniah ini akan dilaksanakan secara berperingkat supaya pertambahan pelatih juga boleh dilaksanakan secara berperingkat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
PERSIDANGAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha dan tindakan pihak Kementerian dalam mengawal harga ayam diperingkat pengeluar dan pemborong supaya harga jualan kepada pengguna tidak membebankan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam bermula 5 Februari 2022 sehingga 31 Oktober 2023 yang mana penentuan harga ditetapkan di setiap rangkaian bekalan iaitu ladang, borong dan runcit. Sepanjang tempoh tersebut, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menjalankan sebanyak 239,061 pemeriksaan ke atas premis perniagaan di seluruh negara merangkumi 4,892 pemeriksaan ke atas pengeluar dan borong serta 233,907 pemeriksaan ke atas premis runcit. Manakala, sebanyak 4,014 tindakan kes telah dihasilkan terhadap peniaga yang ingkar. Tindakan ini melibatkan sitaan bernilai RM521,526.49 serta jumlah kompaun sebanyak RM647,100.00 telah dikeluarkan. Kesemua 4,014 tindakan kes yang dihasilkan ini adalah melibatkan kesalahan menjual melebihi harga maksimum, gagal menggunakan tanda harga khas merah jambu dan gagal meletakkan tanda harga.

Pada 1 November 2023, harga ayam telah diapungkan dan harga ditentukan oleh permintaan dan penawaran. Hasil pemantauan KPDN setelah pelaksanaan pengapungan harga tersebut, didapati keberadaan bekalan ayam dan harga adalah stabil.

Kementerian ini sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi meminimalkan kenaikan harga barangan di dalam negara. Kedudukan harga ayam juga sentiasa dipantau oleh Kementerian bagi memastikan ianya tidak melonjak ke suatu harga yang tinggi. Kerajaan akan terus mempergiatkan penguatkuasaan bagi memastikan bekalan bahan ini tidak terjejas di pasaran dan harganya berada di paras yang munasabah. Dalam hal ini, walaupun harga barangan di pasaran ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran (*demand and supply*), faktor cuaca, ekonomi global, persaingan, kadar tukaran wang asing, kadar upah dan sebagainya, tetapi KPDN sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan yang rapi sepanjang masa dalam memastikan kestabilan harga di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara tindakan-tindakan yang telah diambil adalah:

- i. Mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebagai Kementerian yang memantau bekalan keperluan pengguna di peringkat hulu supaya sentiasa mencukupi untuk pasaran tempatan;
- ii. melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Deepavali dan Krismas;
- iii. menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga;
- iv. menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Barangan dan Caj Bagi Perkhidmatan) 2022** bagi memastikan peniaga meletakkan tanda harga;
- v. menguatkuasakan **Akta Kawalan Bekalan 1961** bagi memastikan keberadaan bekalan di pasaran;
- vi. melaksanakan “OPS KESAN” 2.0 bagi memastikan tidak berlaku elemen pencatutan terhadap harga barang dan perkhidmatan susulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel;
- vii. melaksanakan “OPS SAMAR” melalui penyamaran yang dilakukan oleh Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa;
- viii. menjalankan siasatan aduan susulan aduan yang diterima daripada peniaga.
- ix. Sesi libat urus bersama pemain industri bagi membincangkan kestabilan harga dan keberadaan bekalan di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN
YAAKOB [BERA]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai penggubalan Akta Pendanaan Politik dan bilakah akan dibentang di Dewan Rakyat.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini Rang Undang-Undang (RUU) Pendanaan Politik masih di peringkat penelitian dan kajian yang sedang dikendalikan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi antara lain untuk mengambil kira pandangan daripada semua parti-parti politik yang berdaftar di Malaysia. Sementara penelitian dijalankan, apa-apa pendanaan politik buat masa ini masih tertakluk antara lain, kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Wang Haram 2001 [*Akta 613*].
2. Susulan rujukan perkara dasar mengenai RUU Pendanaan Politik oleh Kerajaan MADANI ke Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi pada tahun lalu, satu Mesyuarat telah diadakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Parlimen Kelima Belas (JKPK) Bil. 1 2024 pada 29 Februari 2024. Menerusi mesyuarat berkenaan, terdapat keperluan untuk penyelarasan menyeluruh dilihat dalam perkara-perkara yang telah dibangkit didalam mesyuarat tersebut yang meliputi had skop bayaran sumbangan (sumbangan individu mahupun parti politik) serta ketetapan tentang pendanaan awam untuk parti-parti politik. Untuk makluman pendanaan awam merupakan satu sistem di mana sejumlah wang diperuntukkan oleh Kerajaan untuk diagihkan kepada parti-parti politik mengikut formula yang ditetapkan.
3. Untuk makluman yang Berhormat semua, JKPK sedang meneliti perbandingan RUU yang telah disediakan oleh Kerajaan sebelum ini

dengan RUU yang dicadangkan oleh pihak berkepentingan lain. BHEUU, JPM dan Jabatan Peguam Negara sedang meneliti perbandingan ini bersama JKPK supaya satu RUU yang lebih holistik yang memenuhi kriteria *public funding*, dapat dihasilkan selaras dengan negara “demokrasi matang” di Denmark, Jerman, Jepun, Korea dan Kanada. Bagi tujuan tersebut, penelitian secara terperinci akan dibuat sebelum laporan JKPK dimuktamadkan dan cadangan syor penambahbaikan dikemukakan kepada Kerajaan.

4. Tindakan berterusan berkaitan pendanaan politik dilihat tepat pada masanya dan adalah selaras dengan komitmen reformasi institusi Kerajaan MADANI dibawah pimpinan YAB Perdana Menteri. Perkara ini juga telah disampaikan pada 28 Februari 2024 semasa sesi perbincangan dan penyerahan Memorandum Reformasi Pilihanraya dan Institusi oleh YAB Perdana Menteri kepada BERSIH. Ini menunjukkan Kerajaan MADANI sentiasa terbuka untuk mendengar cadangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak-pihak berkaitan yang menginginkan reformasi politik terutamanya bagi memastikan ketelusan pengendalian pilihan raya dan pembiayaan politik di dalam negara.
5. Dalam hal ini, sebarang inisiatif kearah penggubalan RUU Pendanaan Politik harus dilaksanakan dengan sebaik mungkin agar ia mencapai objektif sebenar iaitu bagi mengatasi masalah ketirisan yang secara tidak langsung dapat memantapkan integriti dan tata kelola yang baik demi kesejahteraan rakyat MADANI Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 27 JUN 2024

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan telah melaksanakan janji-janji reformasi antara lainnya seperti berikut:

- (a) pelantikan Pengerusi dan anggota Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dibuat secara telus dengan penglibatan bersama Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen; dan
- (b) pelaksanaan pemisahan jawatan Peguam Negara dan Pendakwa Raya.

JAWAPAN:

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia komited untuk melaksanakan reformasi undang-undang dan institusi bagi meningkatkan integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam sistem kerajaan dan demokrasi negara. Antara reformasi yang dicadangkan adalah menyemak semula peruntukan dalam Perlembagaan dan undang-undang untuk meningkatkan autonomi dan kebebasan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), serta memperkenalkan mekanisme untuk meningkatkan kebebasan fungsi dan perjalanan SPR.
2. Buat masa ini pelantikan Pengerusi dan anggota SPR adalah dibuat menurut Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang sedia ada yang berkuat kuasa.
3. Terdapat beberapa reformasi institusi yang sedang dilaksanakan seperti berikut:
 - (a) Kajian Empirikal mengenai Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya;
 - (b) Penggubalan perundangan berkaitan dengan pendanaan politik;
 - (c) Penggubalan perundangan yang berkaitan dengan Perkhidmatan Parlimen;
 - (d) Semakan perundangan berkaitan pilihan raya termasuk proses pelantikan Pengerusi dan anggota SPR;
 - (e) Penggubalan perundangan Kebebasan Maklumat;

- (f) Penubuhan Ombudsman Malaysia; dan
 - (g) Pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat [Akta 711].
4. Di samping itu, hala tuju reformasi institusi di Malaysia turut mengambil kira sumber yang mencukupi seperti sumber kewangan, sumber manusia, dan sokongan logistik. Pertimbangan juga turut diberikan kepada penetapan garis masa yang jelas, rasional dan boleh dijayakan.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 31 Januari 2024 telah bersetuju, antara lain, dengan penubuhan Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif dan Pasukan Petugas Teknikal bagi melaksanakan kajian empirikal tersebut secara berfasa dengan garis masa selama dua (2) tahun. Kajian Empirikal ini penting kerana kajian desktop berdasarkan sumber terbuka tentang amalan terbaik global yang meliputi sembilan (9) buah negara, iaitu United Kingdom, India, New Zealand, Australia, Kanada, Afrika Selatan, Ireland, Kenya dan Amerika Syarikat telah dilaksanakan oleh Jabatan Peguam Negara setakat ini adalah terhad dan terdapat maklumat penting yang tidak dapat diperolehi melalui sumber terbuka.
6. Sehubungan itu, Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif telah memilih tiga (3) buah negara untuk mengadakan kajian empirikal, iaitu UK, Australia dan Kanada. Lawatan Kerja ke Kanada yang merangkumi Ottawa dan Toronto telah diadakan dari 6 hingga 9 Mei 2024. Lawatan ke Australia yang merangkumi Melbourne dan Canberra telah diadakan pada 3 hingga 6 Jun 2024. Lawatan Kerja ini diketuai oleh saya sendiri dan disertai oleh:
- (a) Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi;
 - (b) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU, JPM); dan

(c) Peguam Negara (AGC).

7. Semasa Kajian Empirikal juga, Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif telah memperoleh maklumat dan data yang komprehensif serta menyeluruh termasuk perkara-perkara teknikal dan spesifik serta perkara-perkara generik yang memberi penekanan kepada dengan izin "*big picture*" dalam pelaksanaan pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya di negara kita. Negara terakhir yang akan dikaji oleh Pasukan Petugas Khas Komperatif ialah United Kingdom sebagai penutup kepada kajian empirikal.
8. Selain itu, kajian saintifik berdasarkan perspektif sains kemasyarakatan pandangan umum ke atas pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya sedang dijalankan bagi tempoh enam (6) bulan. Bagi tujuan ini Kerajaan akan bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia untuk melaksanakan kajian saintifik ini. Kajian ini akan melibatkan pihak-pihak berkepentingan termasuk masyarakat umum, agensi penguatkuasaan, pakar-pakar berkaitan dan kerajaan negeri. Kajian ini juga akan merangkumi pengumpulan dan analisis data dan maklumat daripada pihak-pihak berkepentingan melalui pelbagai kaedah penyelidikan seperti perbincangan kumpulan tersasar, dengan izin, "*focus group discussion*".

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI
[TUMPAT]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme Kerajaan dalam pelantikan jawatan kritikal seperti Pengerusi baharu SPR dibuat dengan konsultatif Parlimen mengikut syor JKPK Dewan Rakyat Mengenai Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Pembaharuan Institusi.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, proses pelantikan yang dijalankan bagi pelantikan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) adalah berdasarkan kepada Perkara 114(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa –

“Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, dan hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan lima orang anggota lain.”

2. Syor daripada Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Dewan Rakyat mengenai Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Pembaharuan Institusi Kerajaan adalah disambut baik. Walau bagaimanapun, Kerajaan perlu meneliti secara mendalam terlebih dahulu segala implikasi yang mungkin berlaku sekiranya pelantikan ini dibuat mengikut kaedah-kaedah tertentu yang berbeza dengan amalan sedia ada sekarang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
[SRI AMAN]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan sistem pengangkutan awam di Malaysia dan bagaimana Kementerian memastikan bahawa pengangkutan awam adalah mesra pengguna, menjadi pilihan utama masyarakat agar dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar-bandar besar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Teras Dasar 2 (TD2), Dasar Pengangkutan Negara (DPN) iaitu Mengoptimum, Membina dan Menyelenggara Infrastruktur, Perkhidmatan dan Rangkaian Pengangkutan untuk Memaksimumkan Kecekapan dibangunkan bagi membolehkan Malaysia mencapai status negara maju dalam aspek penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, komuter, teksi, keretapi dan lain-lain ke arah menambahbaik kehidupan rakyat.

2. Bagi menyokong pelaksanaan TD2, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Pelan Strategik Pengangkutan Awam Lembah Klang (PSPA-LK) dalam usaha untuk mengintegrasikan hubungan pengangkutan yang terkandung dalam perancangan dan pembangunan tanah mengikut wilayah. PSPA-LK yang dibangunkan ini adalah tertumpu kepada strategik pembangunan perkhidmatan rel dan bas serta mod-mod pengangkutannya. Pelbagai indikator dan pelan strategik telah dirangka untuk dijadikan sebagai petunjuk utama dalam menjamin kualiti dan keberkesanan sesuatu sistem pengangkutan awam darat dan pengangkutan rel.

3. Kementerian Pengangkutan komited membangunkan dan memperkasakan infrastruktur perkhidmatan pengangkutan awam bagi memastikan pengangkutan awam menjadi mod pilihan rakyat dalam usaha mengurangkan kesesakan lalu lintas di Lembah Klang dan pusat bandar yang lain. Di antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah:

- i. Bagi perkhidmatan bas, sebanyak 501 laluan telah disediakan di semua koridor utama. Sebagai contoh, di Lembah Klang, perkhidmatan bas disediakan oleh Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid KL) serta pengendali-pengendali lain dengan kekerapan waktu puncak antara 10 minit ke 30 minit bergantung kepada laluan;
- ii. Sebanyak 15 laluan perkhidmatan bas percuma GOKL telah disediakan di Kuala Lumpur. Ianya melibatkan 4 laluan last mile dan 11 laluan first mile. Sebanyak 406 perhentian bas terlibat dengan laluan-laluan GOKL yang membantu menghubungkan penumpang tempat-tempat tumpuan di sekitar pusat bandar Kuala Lumpur;
- iii. Kerajaan juga dalam kerangka untuk melesenkan perkhidmatan '*bus on demand*' sebagai satu alternatif dan pilihan kepada pengguna. Untuk makluman, perkhidmatan tersebut sedang dalam tempoh *Proof of Concept* (POC) sehingga 31 Ogos 2024;

NO. SOALAN: 64

- iv. Pelaksanaan subsidi pas perjalanan yang dikenali sebagai program pas perjalanan tanpa had My50 bagi menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam rel dan bas. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, bagi setiap pembelian pas My50 berjumlah RM50, Kerajaan menampung subsidi sebanyak RM100 bagi perkhidmatan rel dan bas di bawah kendalian Prasarana Malaysia Berhad;
- v. Kerajaan sedang mempertimbangkan pelaksanaan mod pengangkutan awam jenis trem sebagai salah satu alternatif mod pengangkutan awam darat kepada rakyat;
- vi. Manakala bagi perkhidmatan pengangkutan rel yang dikendalikan oleh KTMB pula, penaiktarafan landasan di Lembah Klang bagi Fasa 1 dan Fasa 2 sedang giat dilaksanakan;
- vii. Di antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah meningkatkan kekerapan waktu perkhidmatan tren melalui penggunaan tiga (3) set *Electric Multiple Units* (EMU) bagi meningkatkan kekerapan Perkhidmatan KTM Komuter di sektor utara; melanjutkan Perkhidmatan KTM Komuter bagi laluan Butterworth ke Padang Rengas sehingga ke Ipoh; perolehan 10 set *Electric Train Set* (ETS) baharu yang dijangka akan digunakan secara berperingkat mulai bulan Disember 2024; dan perolehan 12 set EMU baharu 3-koc untuk menambahkan kekerapan Perkhidmatan KTM Komuter di sektor utara;
- viii. Selain itu, Kerajaan melalui Prasarana Malaysia Berhad juga sedang menyelaraskan penyediaan aplikasi *journey planner* iaitu satu aplikasi *Mobility as a Service (MaaS)* yang menggabungkan pelbagai pengangkutan ke dalam satu aplikasi tunggal untuk kemudahan pelanggan. Prasarana Malaysia Berhad sedang dalam usaha mempertingkatkan aplikasi PULSE menuju ke arah *Mobility as a Service (MaaS)* bagi memberikan perkhidmatan yang lancar dan mudah kepada penumpang;

- ix. Pelaksanaan Program SBST di Kuching, Sarawak melibatkan penggantian bas baharu dan lebih moden yang turut menumpukan kepada laluan tidak menguntungkan namun diperlukan rakyat. Dengan adanya pelaksanaan Program SBST ini, para penumpang boleh menjangkakan masa menunggu yang singkat dan meningkatkan kekerapan trip bas yang mana akan menjadikan pengangkutan awam lebih dipercayai, cekap, selesa, mudah diakses, jaringan liputan lebih luas dan selamat digunakan oleh rakyat;
- x. Sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan isu kesesakan di Pulau Pinang, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan projek LRT Pulau Pinang atau dikenali sebagai LRT Laluan Mutiara. Projek ini dijangka siap sepenuhnya dan akan mula beroperasi menjelang 2030; dan
- xi. Pihak Kementerian Pengangkutan juga sedang melaksanakan Kajian Penetapan Halatuju Pengangkutan Awam di Wilayah Iskandar Malaysia (WIM), bagi menentukan mod pengangkutan awam yang terbaik untuk dilaksanakan di WIM. Mod pengangkutan awam ini adalah penting bagi memastikan penyuraian trafik yang baik setelah pengoperasian *Rapid Transit System* (RTS) bermula dan sebagai salah satu alternatif untuk mengurangkan kesesakan di WIM.

10. Secara keseluruhannya, kepelbagaian alternatif perkhidmatan pengangkutan awam ini diharapkan dapat memenuhi tuntutan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien dan boleh diharap.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan jawatan tetap ataupun kontrak kepada Imam-imam kampung agar kualiti seorang imam dapat dipertingkatkan di samping mewujudkan peluang pekerjaan yang rasmi.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada umumnya, pengurusan masjid dan surau termasuk pelantikan imam terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).
2. Namun begitu, Kerajaan Persekutuan sentiasa memberi perhatian berhubung kebajikan imam. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan telah memberi bantuan kepada kerajaan negeri melalui pemberian imbuhan bulanan sebanyak RM850.00 kepada imam-imam masjid kariah/mukim di seluruh negara sebagai tanda keperihatinan dan kesungguhan kerajaan dalam memartabatkan jawatan itu.
3. Buat masa ini Kerajaan Persekutuan belum berhasrat untuk mewujudkan jawatan tetap atau kontrak kepada imam-imam kampung yang dilantik kerana ia terletak di bawah bidang kuasa negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER
HITAM]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan komitmen semasa Kementerian terhadap undang-undang seperti seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia dan Akta Hasutan susulan kemerdekaan Malaysia dalam Indeks Kebebasan Akhbar 2024 dan apakah strategi terbaharu bagi meningkatkan kebebasan akhbar di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] tidak pernah bertindak untuk menghadkan kebebasan media elektronik selagi mana penggunaannya tidak melanggar peruntukan seksyen 211 dan seksyen 233 di bawah Akta tersebut. Hal ini turut termasuk bagi para pengamal media yang bebas untuk melaporkan berita selagi mana tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan undang-undang sedia ada. Oleh demikian, para pengamal media adalah disyorkan untuk merujuk kepada Kod Kandungan 2022 [Kod Kandungan] yang memberikan panduan jelas berhubung standard kandungan yang selaras dengan Akta 588 dalam memastikan pelaporan yang bertanggungjawab selain daripada melangkaui batas kebebasan media.

Kod Kandungan adalah merupakan sumber rujukan utama bagi memastikan kandungan yang dihasilkan dan disiarkan di Malaysia adalah selaras dengan nilai-nilai moral, etika, dan budaya tempatan. Ianya sekaligus memberi kuasa kepada masyarakat untuk memilih kandungan yang sesuai dengan citarasa dan kehendak mereka serta memastikan perlindungan daripada kandungan yang memudaratkan. Kod Kandungan mengandungi garis panduan yang jelas mengenai perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh penggiat industri dalam menghasilkan kandungan yang tidak menyalahi etika dan nilai moral masyarakat Malaysia. Ini termasuk aspek-aspek seperti kesopanan, ketertiban, dan kandungan yang tidak menyinggung sensitiviti agama, kaum, serta budaya tempatan.

MCMC telah menganjurkan lima sesi libat urus dan bengkel dengan pihak media sepanjang tahun 2023 dan 2024 bertujuan memberi penjelasan kepada pihak media mengenai usaha proaktif MCMC dalam menangani isu berita palsu, penipuan dan 3R (*race, religion, royalty*). Penganjuran sesi tersebut juga dapat memberi kesedaran kepada pengamal media mengenai pelaksanaan garis panduan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia 2022.

SOALAN NO: 66

Dalam memperkasa media di negara ini termasuk memberikan lebih kebebasan dalam melaksanakan tugas, Kementerian Komunikasi sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan kandungan Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia bersama Jawatankuasa Protam Majlis Media Malaysia yang terdiri daripada wakil industri media, ahli akademik dan pihak awam. MMM bertanggungjawab untuk membangunkan dan melaksanakan kod etika pelaporan yang memperkasakan profesion kewartawanan negara dan memastikan pelaporan berita yang dilakukan oleh media dilakukan secara bertanggungjawab.

Fungsi MMM juga termasuklah menggalakkan komunikasi antara pengamal media, kerajaan dan orang awam secara amnya serta menyokong pembangunan profesional wartawan dan organisasi media. Dari segi kuasa pula, MMM akan mewujudkan piawaian kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab termasuk tatakelakuan untuk industri media. Di samping itu, MMM juga akan mewujudkan mekanisme penyelesaian pertikaian yang cekap dalam mempertimbangkan serta menyiasat aduan berhubung dengan industri media untuk memastikan keyakinan orang ramai terhadap pengamal media.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia meneruskan amalan pentadbiran Kerajaan terdahulu yang turut melantik Ahli Parlimen Pembangkang bagi menganggotai Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) yang diwujudkan secara perundangan mengikut seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) merupakan Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peruntukan seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694].
2. Subseksyen 14(2) Akta 694 menyatakan JKMR hendaklah terdiri daripada tujuh orang anggota, yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, dan mereka hendaklah dipilih dari kalangan ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat kedua-duanya, dan tiada seorang daripada mereka merupakan anggota pentadbiran.
3. Sejak penubuhannya, ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara dari pelbagai parti politik sama ada dari blok Kerajaan atau pembangkang telah dilantik untuk menganggotai JKMR. Pada masa ini, keanggotaan ahli JKMR yang sedia ada merupakan ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dari parti politik blok Kerajaan dan pembangkang iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB).
4. Polisi ini masih diteruskan oleh YAB Perdana Menteri dan mencadangkan kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong calon daripada blok kerajaan dan calon daripada blok pembangkang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN
ABAS [MERSING]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta
MENTERI PERTAHANAN menyatakan :**

- (a) status terkini projek pembinaan kolam selam tempur di Kem Iskandar, Mersing; dan
- (b) perancangan pihak Kementerian untuk meningkatkan fasiliti di Kem Iskandar, Mersing terutamanya dalam konteks pendidikan dan kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Status terkini projek Pembinaan Kolam Selam Tempur di Kem Iskandar berakhir pada 25 Mei 2024 adalah pada tahap 99% dari jadual kemajuan projek iaitu 100% yang disasarkan. Ini bermakna projek ini mengalami kelewatan 1% dari sasaran sebenar atau 42 hari. Baki kerja tertanggung ini dijangka dapat disiapkan pada penghujung bulan Jun 2024, manakala proses *testing and commissioning* serta penyerahan projek dijangka dilaksanakan pada bulan Julai 2024.

Bagi fasiliti pendidikan dan kesihatan pula, Kem Iskandar telah sedia dilengkapi dengan sekolah yang mampu menampung keperluan anak-anak anggota tanpa sebarang masalah. Begitu juga dalam aspek kesihatan, Kem Iskandar dilengkapi dengan fasiliti seperti Pusat Pergigian Angkatan Tentera (PGAT) dan Pusat Perubatan Angkatan Tentera (PPAT) untuk anggota dan ahli keluarga. Segala fasiliti termasuk pendidikan dan kesihatan adalah dalam keadaan baik dan hanya memerlukan senggaraan berkala yang sememangnya dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan:

- (a) jumlah akaun media sosial yang ditutup dan jumlah kandungan media sosial yang diturunkan sehingga Jun 2024; dan
- (b) apakah kriteria yang digunakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) untuk menutup dan menurunkan kandungan media sosial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi sentiasa komited dalam memastikan persekitaran dalam talian yang selamat dan selesa untuk semua pengguna internet. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa konsisten dan tegas dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap kandungan dalam talian yang dikenal pasti telah melanggar peruntukan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, dan lain-lain, bagi membuat, mewujudkan, meminta-minta; dan memulakan penghantaran kandungan yang lucah, sumbang, palsu, mengancam, dan jelik sifatnya dengan niat

untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain.

Manakala pihak penyedia platform media sosial pula mempunyai terma dan syarat serta standard komuniti tersendiri berkenaan kandungan yang tidak dibenarkan di platform mereka di mana sebarang pelanggaran akan mengakibatkan akaun pengguna disekat. Secara amnya, contoh kandungan yang boleh mengakibatkan tindakan sekatan oleh penyedia platform media sosial adalah tingkah laku ganas dan aktiviti jenayah, ucapan benci, eksploitasi dan penderaan belia, eksploitasi seksual dan keganasan berasaskan jantina, eksploitasi manusia, buli dan gangguan, mencederakan diri sendiri, dan lain-lain. Oleh demikian, keputusan penurunan sesuatu kandungan adalah tertakluk kepada pertimbangan penyedia platform itu sendiri berdasarkan penilaian mengikut standard komuniti yang telah ditetapkan.

Dari 1 Januari 2024 sehingga 1 Jun 2024, MCMC dengan kerjasama penyedia platform media sosial telah memohon tindakan penurunan terhadap 67,935 kandungan yang dikenal pasti telah melanggar peruntukan Seksyen 233 Akta 588 serta lain-lain kesalahan di bawah undang-undang negara. Daripada jumlah tersebut, tindakan penurunan tiga tertinggi membabitkan kandungan perjudian iaitu 58.78%, penipuan dan penyamaran 16.62%, dan palsu 13.7%. Tindakan yang diambil adalah berdasarkan pemantauan proaktif serta aduan yang diterima daripada orang awam.

MCMC sentiasa mengambil tindakan proaktif memantau isu-isu yang diperkatakan dalam persekitaran media sosial di Malaysia yang melibatkan kepentingan awam, jenayah, salah guna, ancaman, provokasi, dan sebagainya. MCMC bekerjasama rapat dengan platform media sosial dan agensi penguatkuasaan lain dalam memastikan persekitaran dalam talian yang selamat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [BESUT]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keputusan Kabinet terkini di peringkat dasar mengenai kadar hukuman di dalam Akta 355 yang dicadangkan untuk dipinda melalui Rang Undang-Undang (RUU) Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah).

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar bagi Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) yang telah dipersetujui dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2022 tidak sempat untuk dibentangkan di Parlimen kerana terdapat perubahan Kerajaan selepas PRU-15.
2. Oleh itu, Memorandum Jemaah Menteri berhubung dengan pindaan tersebut perlu dibentangkan semula dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk mendapatkan persetujuan dasar Kerajaan yang baharu.
3. Bagi maksud tersebut, beberapa sesi libat urus dengan pihak berkepentingan telah dibuat untuk mendapatkan pandangan terhadap pindaan yang dicadangkan dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 iaitu sesi libat urus bersama Ketua Hakim Syarie Negeri-Negeri, Ketua Pendakwa Syarie Negeri-Negeri dan Ketua Penguatkuasa Agama Negeri-Negeri, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi memastikan pindaan yang akan dibuat kelak mengambil kira semua aspek termasuklah konsep ta'dib dalam Islam dan selaras dengan prinsip maqasid syariah.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam juga akan meneliti cadangan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Laporan hasil kajian oleh Jawatankuasa Khas ini juga akan diambil kira dalam menggubal pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

NO. SOALAN: 70

5. Cadangan pindaan kepada kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 akan dibentangkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan Majlis Raja-Raja untuk diperkenankan sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk persetujuan dasar sebelum dibentangkan di Parlimen. Setakat ini, had bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah masih dalam peringkat perbincangan dan belum dimuktamadkan.
6. Pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 ini akan dibawa ke Parlimen bersama dengan suatu akta baharu iaitu Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) dengan tujuan untuk memperkasa Mahkamah Syariah. Kedua-dua Rang Undang-Undang tersebut akan dibentangkan di Parlimen setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri bagi memastikan hasrat untuk pemerksaan Mahkamah Syariah dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU [TUARAN]**
TARIKH : **27 JUN 2024 (KHAMIS)**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan mengiktiraf Perkara 112C Bahagian IV Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan sebagai Hak Perlembagaan Sabah.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pertanyaan ini adalah tidak wajar dibincangkan di Dewan Rakyat kerana tidak menepati Peraturan Mesyuarat 23(1)(g) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat memandangkan ia merupakan suatu pertanyaan yang menggelengcongkan perkara yang sedang dibicarakan oleh mahkamah (*likely to prejudice a case under trial*) dan juga merupakan suatu perkara yang masih dalam timbangan mahkamah (*sub judice*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL
BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan secara terperinci apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menampai kesan penarikan balik subsidi diesel dan petrol terhadap kenaikan kos sara hidup rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memperkuat ekosistem perdagangan dalam negeri, mendayaupayakan pengguna dan sentiasa bersiap siaga untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan melindungi kepentingan rakyat.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk menyediakan, melindungi hak dan kepentingan rakyat daripada amalan perdagangan yang tidak bertanggungjawab atau menyalahi undang-undang, memastikan harga barangan dan perkhidmatan adalah wajar dan tidak melibatkan peningkatan harga barangan yang tidak munasabah.

Ekoran langkah kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi ke atas bahan api diesel baru-baru ini, Kerajaan melalui Kementerian telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengurangkan kesan pelaksanaan program penyasaran subsidi tersebut. Kerajaan tidak pernah menarik pemberian subsidi namun melaksanakan penyasaran semula subsidi kepada golongan yang benar-benar layak dan memerlukan.

Melalui pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, Kerajaan menetapkan harga diesel kepada sektor-sektor yang layak iaitu:

- i. Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 yang menggunakan kaedah fleet card bagi kenderaan logistik berkeelayakan untuk membendung kesan terhadap harga barangan pengguna, ditetapkan pada harga RM2.15 seliter;
- ii. Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 1.0 bagi kenderaan-kenderaan pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, ambulans dan bomba kekal pada harga RM 1.88 seliter; dan
- iii. Diesel bersubsidi untuk nelayan kekal pada harga RM1.65 seliter.

Penyasaran subsidi juga diperkenalkan dalam bentuk bantuan tunai

melalui inisiatif berikut:

- i. Bantuan tunai BUDI Individu sebanyak RM200 sebulan kepada warganegara Malaysia yang memiliki kenderaan diesel persendirian untuk menampung perbelanjaan bahan api diesel yang meningkat; dan
- ii. Bantuan tunai BUDI Agri-Komoditi sebanyak RM200 sebulan bagi petani kecil dan pekebun kecil komoditi untuk mengurangkan kesan kepada punca pendapatan mereka.

Selain itu, penambahan 14 jenis kenderaan barangan baharu yang diperkenalkan di dalam sistem MySubsidi Diesel turut membantu meluaskan bilangan kenderaan yang layak mendapat manfaat daripada penggunaan diesel bersubsidi.

Dari segi penguatkuasaan, beberapa pendekatan telah dilaksanakan bagi membendung aktiviti menaikkan harga barangan atau perkhidmatan ekoran penyasaran subsidi yang dilaksanakan Kerajaan melalui:

- i. Pemantauan dan penguatkuasaan melalui pelaksanaan Ops Kesan 2.0 bermula 8 Jun 2024 yang bertujuan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan caj perkhidmatan atau harga barangan dengan sewenang-wenangnya ekoran perubahan harga diesel kepada kadar RM3.35 seliter berbanding harga RM2.15 seliter sebelum ini;
- ii. Melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan secara pro-aktif di bawah Ops Kesan 2.0 Fasa 1 mulai 20 Mei 2024 yang lepas bagi memastikan maklumat awal penawaran perkhidmatan atau pembekalan barangan oleh peniaga yang terlibat di bawah penyasaran semula subsidi diesel tersebut dapat dikenal pasti. Sehingga 17 Jun 2024, sebanyak 1391 jenis perkhidmatan dan barangan telah diperiksa di seluruh Semenanjung Malaysia dan kesemua perkhidmatan dan barangan yang diperiksa ini telah diminta untuk mengemukakan perincian maklumat-maklumat caj-caj yang dikenakan;
- iii. Meneruskan pemeriksaan dan pemantauan ke premis-premis yang dikenal pasti bagi Fasa 2 ini bagi mengesan sekiranya berlaku sebarang aktiviti peningkatan caj atau harga barangan yang tidak

selaras dengan Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati cuba mengambil kesempatan mencatut di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011; dan

- iv. Meningkatkan penguatkuasaan dalam aspek mengekang gejala anti persaingan dalam pasaran termasuk elemen kartel dalam bentuk pakatan harga, pasaran, pengeluaran dan tipuan bidaan.

Sesi libat urus berterusan dengan pemain-pemain industri utama pengeluar makanan negara dan agensi-agensi kerajaan yang lain juga turut dilaksanakan secara berkala bagi membangunkan dasar yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran domestik, menambah baik rangkaian pengedaran, dan menggalakkan amalan pertanian dan perindustrian yang mampan untuk memastikan kestabilan harga jangka panjang. Tanggungjawab untuk memastikan kebajikan rakyat haruslah melibatkan pendekatan keseluruhan kerajaan dengan penglibatan dan kerjasama erat yang berterusan daripada pelbagai pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN :

PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kriteria kelayakan Lembaga Tabung Haji dalam pemberian giliran mengerjakan haji memandangkan ada yang terpaksa menunggu berpuluh tahun untuk mendapat giliran serta strategi yang telah dirangka untuk mengelakkan berulangnya kes penipuan terutama terkait pakej haji swasta, visa haji dan jemaah terkandas.

JAWAPAN :

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pendeposit Tabung Haji tanpa mengira peringkat umur, boleh membuat pendaftaran haji dan akan dipilih untuk menunaikan fardhu haji apabila tiba giliran tahun yang diperuntukkan kepada mereka berdasarkan prinsip yang mendaftar dahulu akan didahulukan. Sistem pendaftaran terbuka ini telah diterima pakai oleh umum sejak tahun 1995 lagi.
2. Pada setiap tahun kuota rakyat Malaysia adalah tertakluk kepada kuota rasmi yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi berdasarkan keputusan

Mesyuarat Pertubuhan Negara-negara Islam Sedunia (OIC) pada tahun 1988 di Amman Jordan yang menetapkan kuota haji setiap negara pada kadar 0.1% daripada jumlah penduduk sesebuah negara Islam.

3. Justeru, kuota rasmi negara pada musim haji 1445H/2024M adalah seramai 31,600 orang jemaah. Kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan membuat permohonan kepada Kerajaan Arab Saudi untuk meningkatkan jumlah tersebut berdasarkan perangkaan penduduk terkini negara.
4. Disamping itu, Kerajaan turut memohon kuota tambahan setiap tahun, bagi membolehkan lebih ramai jemaah untuk menunaikan ibadat haji. Pada masa yang sama Kerajaan Arab Saudi juga sedang merancang untuk meningkatkan jumlah jemaah haji kepada lima (5) juta orang menjelang tahun 2030 berbanding dua (2) juta orang untuk masa sekarang. Namun permohonan kajian semula kuota tahunan dan pemberian kuota tambahan adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan Arab Saudi.
5. Selain dari usaha untuk meningkatkan kuota rasmi negara, Tabung Haji juga telah mengambil langkah untuk melantik syarikat pelancongan tempatan, melakukan pemantauan terhadap promosi pakej-pakej yang diragui, usaha penguatkuasaan serta inisiatif bagi memupuk kesedaran awam untuk memilih syarikat yang betul dan mematuhi peraturan Kerajaan Arab Saudi.
6. Tabung Haji telah melantik dan memberi lesen tahunan kepada 25 buah syarikat pelancongan tempatan yang berwibawa, termasuk anak syarikatnya Tabung Haji Travel & Services Sdn Bhd (THTS) untuk beroperasi sebagai Pengelola Jemaah Haji (PJH) untuk Musim Haji 1445H/2024M.
7. Tabung Haji sentiasa mengingatkan bakal jemaah untuk memilih syarikat PJH yang dilesenkan **TH** untuk membendung penipuan perkhidmatan pakej haji ini. Adalah menjadi satu kesalahan sekiranya syarikat pelancongan yang tidak mempunyai lesen PJH menawarkan pakej haji serta mengelola perkhidmatan haji, kerana melanggar Seksyen 27, Akta Tabung Haji 1995, Akta 535.

8. Tabung Haji juga sering membuat inisiatif peringatan di dalam media massa serta saluran lain seperti khutbah jumaat. Mana-mana individu atau agensi pelancongan yang menawarkan perkhidmatan pakej haji tanpa kelulusan daripada Tabung Haji boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Tabung Haji serta boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan bagi kes jenayah penipuan.
9. Selain dari itu, Tabung Haji bersama Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (MOTAC) sebagai pihak yang melesenkan syarikat pelancongan turut terlibat dalam Pasukan Taskforce yang telah ditubuhkan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia tahun ini.
10. MOTAC telah memberi amaran untuk membatalkan lesen syarikat pelancongan yang didapati terlibat dengan penipuan penyalahgunaan visa pelancong dan umrah bagi tujuan ibadat haji.
11. Kerajaan Arab Saudi melalui Dewan Ulama tertinggi juga telah mengesahkan hukum bahawa jemaah haji yang datang tanpa proses atau peraturan yang betul, adalah haram dan berdosa.

Sekian, Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk reformasi institusi yang telah berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan MADANI sejak mula mentadbir negara sehingga sekarang khususnya bagi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Peguam Negara, dan Parlimen selaras dengan sistem demokrasi.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan hala tuju agenda reformasi institusi dan undang-undang dirancang dengan teliti, Kerajaan MADANI telah mempertimbangkan pelbagai aspek termasuk menetapkan dasar yang jelas melalui sesi libat urus yang holistik dan komprehensif, menentukan keutamaan semasa merancang agenda reformasi institusi, memastikan sumber kewangan dan logistik yang mencukupi, mendapatkan mandat dari semua pihak berkepentingan serta menetapkan garis masa yang jelas, rasional serta mampu dijayakan. Berdasarkan strategi tersebut, beberapa agenda reformasi institusi dan undang-undang sedang dilaksanakan iaitu:
 - (a) Kajian Empirikal mengenai Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya;
 - (b) Penggubalan perundangan berkaitan dengan pendanaan politik;
 - (c) Penggubalan perundangan yang berkaitan dengan Perkhidmatan Parlimen;
 - (d) Semakan perundangan berkaitan pilihan raya;
 - (e) Penggubalan perundangan Kebebasan Maklumat;
 - (f) Penubuhan Ombudsman Malaysia; dan
 - (g) Pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat [*Akta 711*].

2. Bagi reformasi institusi perkhidmatan parlimen, beberapa sesi libat urus, mesyuarat dan kajian tinjauan telah diadakan pada tahun 2023 dan 2024 bersama Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan Rakyat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Peguam Awam (AGC), Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pertubuhan Masyarakat Madani (CSO), Badan Peguam serta Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan penetapan dasar serta pewujudan Akta Perkhidmatan Parlimen.
3. Berikutan usaha yang telah diambil, Memorandum Jemaah Menteri berhubung Cadangan Penetapan Dasar Bagi Penggubalan Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen (“RUU Perkhidmatan Parlimen”) serta Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) berbangkit daripada RUU Perkhidmatan Parlimen Mesyuarat telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Jun 2024.
4. Dalam Mesyuarat berkenaan, Jemaah Menteri telah bersetuju secara prinsip dengan cadangan penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Perkhidmatan Parlimen.
5. Sebagai langkah ke hadapan, cadangan RUU tersebut akan diperhalusi oleh Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam (JKK-PPA) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri ke-10 dan Mesyuarat JKK-PPA akan diadakan dalam masa terdekat ini bagi secara khususnya meneliti hanya isu-isu perjawatan, perkhidmatan, peruntukan dan sebagainya yang turut melibatkan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.
6. Selaras dengan komitmen Kerajaan MADANI bagi terus mengerakkan agenda reformasi perundangan, Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen dan Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) akan dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil Kerajaan susulan tuntutan terhadap kerajaan untuk membayar pampasan sebanyak RM224 juta kepada pengusaha 57 kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang menanggung kerugian dan beban hutang selepas program itu dimansuhkan pada tahun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan keputusan Kerajaan memansuhkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada 13 Ogos 2018, Kementerian Pertahanan telah menamatkan 74 Kontrak Sewaan Perkhidmatan Prasarana, Kemudahan-kemudahan Latihan dan Perkhidmatan Sajian Makanan untuk PLKN (Kontrak) berkuatkuasa pada 3 September 2018 dengan memberi notis awal tidak kurang 30 hari mengikut kontrak. Kontrak telah ditamatkan sepenuhnya pada 4 Oktober 2018. Penamatan dibuat berdasarkan Klausula 36 kontrak yang telah pun dipersetujui oleh pengusaha semasa mereka menandatangani kontrak tersebut.

Kementerian Pertahanan telah menubuhkan Jawatankuasa *Contract Coordination Panel* (CCP) untuk meneliti permohonan pampasan oleh pengusaha-pengusaha Kem PLKN atas pembatalan kontrak berjumlah RM224.92 juta sebelum diangkat kepada Kementerian Kewangan. Secara amnya, pihak Kerajaan telah memenuhi semua obligasi sebelum penamatan kontrak tersebut mengikut Klausula 36 dan tiada bayaran sewaan tertunggak yang belum diselesaikan oleh Kerajaan. Selain itu, tiada sebarang bayaran pampasan perlu dibuat kerana pihak pengusaha PLKN tidak dapat mengemukakan sebarang dokumen lengkap yang disahkan sebagai bukti kukuh bahawa mereka telah melaksanakan kerja-kerja bekalan, perkhidmatan dan naik taraf kem PLKN masing-masing berdasarkan pembuktian kukuh (*strict proof*).

Oleh itu, pihak Kerajaan berharap agar pengusaha terbabit wajar mematuhi setiap dokumen yang terkandung dalam perjanjian yang telah ditandatangani sebelum ini. Permohonan pampasan pengusaha Kem PLKN telah dipertimbangkan dan disantuni dengan teratur berpandukan peraturan yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA
BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WETROM BIN BAHANDA
(KOTA MARUDU)**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

- (a) apakah pihak Kementerian mempunyai pelan dan perancangan dalam membantu golongan OKU melalui Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang diwujudkan seperti yang ada di daerah Kota Marudu; dan
- (b) apakah ada peruntukan khas yang boleh disalurkan bagi mengembangkan fungsi Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa cakna dan memperjuangkan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) agar mereka diberi kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain.
2. Justeru, penyertaan mereka dalam program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan salah satu strategi dalam pembangunan komuniti untuk rehabilitasi, penyamaan peluang dan integrasi sosial bagi OKU. Sehingga April 2024, sebanyak 568 buah pertubuhan PDK di seluruh Malaysia. Daripada jumlah itu, 36 buah pertubuhan PDK direkodkan bagi Negeri Sabah dengan jumlah pelatih seramai 1,975 orang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat tiga (3) buah pertubuhan PDK tersebut berada di Parlimen Kota Marudu.
3. Antara objektif penyertaan OKU dalam program PDK adalah bagi membolehkan OKU mencapai dan mengekalkan keupayaan fizikal dan mental ke tahap maksimum dan membolehkan OKU mendapat akses kepada perkhidmatan dan peluang serta menggalakkan penyertaan penuh dan integrasi sosial OKU dalam komuniti.
4. JKM juga menyediakan akses kepada Pertubuhan PDK untuk dapat menjalinkan kolaborasi bersama rakan strategik JKM dalam program PDK seperti *World Health Organization* (WHO), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Majlis Pemulihan Malaysia (MCR), *Japan International Cooperation Agency* (JICA) dan *CBR Network Malaysia* (CBRNM).
5. Antara program yang boleh diakses oleh PDK melalui rakan strategik JKM tersebut termasuklah latihan keusahawanan, Program Sokongan Pekerjaan serta program advokasi dan komunikasi.
6. Pelatih OKU yang diperkasakan melalui program PDK juga berpeluang mengikuti kursus jangka pendek bersesuaian yang

ditawarkan di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) kendalian JKM di Bangi, Selangor. Program pentauliahahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan latihan *softskills* dan *hardskills* vokasional berasaskan kemahiran (TVET Malaysia) turut ditawarkan di PLPP.

7. Di bawah KPWKM juga terdapat dua Bengkel Terlindung iaitu Bengkel Daya Klang, Selangor dan Bengkel Daya Sungai Petani, Kedah. Penubuhan bengkel ini adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU yang tidak mampu bersaing di pasaran luar dan juga turut melatih mereka supaya berdikari dan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang tertentu agar mereka mendapat lebih peluang bekerja di pasaran yang lebih terbuka.

8. Sementara itu, pertubuhan yang mengendalikan PDK boleh membuat permohonan di bawah Bantuan Khas Perbendaharaan KPWKM untuk melaksanakan program-program yang memberi manfaat pemulihan kepada OKU atau pembangunan kapasiti kepada penyelia dan petugas. Sehingga April 2024, bantuan kewangan bagi pentadbiran program PDK berjumlah RM133.5 juta bantuan kewangan disalurkan kepada semua Pertubuhan PDK di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, RM12.3 juta disalurkan kepada Pertubuhan-pertubuhan PDK di negeri Sabah, termasuk RM811,812 untuk tiga (3) Pertubuhan PDK di Parlimen Kota Marudu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM (KUALA TERENGGANU)**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah kajian telah dijalankan mengenai penggunaan teknologi nuklear yang canggih dalam pembangunan teknologi penukaran sisa plastik terpakai kepada bahan bakar seperti diesel serta pengitaran semula plastik terpakai secara inovatif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, MOSTI melalui Agensi Nuklear Malaysia sedang menjalankan kajian mengenai penggunaan teknologi nuklear dalam pembangunan teknologi pengitaran semula plastik terpakai secara inovatif. Antaranya adalah seperti penggunaan aktiviti kitar semula menggunakan sinaran di bawah *NUclear TEChnology for Controlling Plastic Pollution (NUTEC) Plastic*. Projek ini merupakan satu program atau inisiatif dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) untuk

SOALAN NO : 77

menangani cabaran pencemaran plastik secara global dengan menggunakan teknologi nuklear.

2. Projek kitar semula plastik *Polytetrafluoroethylene* (PTFE) ini menumpukan kepada penggunaan teknologi penyinaran untuk mengitar semula sisa plastik PTFE. Agensi Nuklear Malaysia akan membina kemudahan loji skala rintis (*pilot-scale plant facility*) untuk mengitar semula sisa plastik PTFE menggunakan teknologi penyinaran sebagai penyelesaian alternatif bagi penghasilan produk aditif serbuk mikro (*micro-powder*) untuk kegunaan industri di Malaysia.
3. Projek *Radiation Assisted Pyrolysis of Plastic Waste* pula adalah bertujuan untuk menambahbaik proses penguraian dan tenaga pengaktifan dalam sistem pirolisis sedia ada, mengurangkan sisa plastik dan menghasilkan proses pengeluaran bahan api atau minyak *naphtha* daripada sisa plastik. Projek ini dijadualkan untuk mencapai Tahap Kesediaan Teknologi 3 (TRL 3) menjelang akhir tahun 2024.
4. Penggunaan teknologi nuklear dalam pembangunan teknologi penukaran sisa plastik terpakai kepada bahan bakar ini secara tidak langsung akan memberi impak besar terhadap kelestarian alam sekitar dengan mengurangkan sisa plastik *PTFE* di tapak pelupusan serta menyumbang kepada agenda pembangunan mampan (SDG14).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM BANDAR BAHARU]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah penjelasan atau pandangan terhadap isu tayar celup dan cebisan tayar punca kemalangan terutama di lebuhraya yang boleh membunuh terutama penunggang motosikal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, aspek pemilihan tayar yang bersesuaian, penjagaan serta penyelenggaraan tayar kenderaan amat perlu dititikberatkan bagi menjamin keselamatan pengguna kenderaan itu sendiri dan juga pengguna jalan raya yang lain.
2. Dalam aspek keselamatan kenderaan darat, penggunaan tayar celup hanya boleh dibenarkan selagi ianya memenuhi piawaian yang ditetapkan seperti yang termaktub di dalam *Malaysian Standard MS224:2005* dan *UNECE Regulation (R108* bagi kenderaan persendirian serta R109 bagi kenderaan perdagangan).
3. Walau bagaimanapun, masalah yang wujud adalah disebabkan masih ada di kalangan pengendali-pengendali kenderaan berat yang masih menggunakan tayar-tayar celup yang tidak memenuhi piawaian ini. Tayar-tayar *substandard* ini mempunyai tahap keselamatan yang tidak terbukti melalui ujian serta spesifikasi keselamatan yang sewajarnya, justeru boleh mengakibatkan kegagalan ketika kenderaan beroperasi.
4. Kegagalan fungsi tayar celup sehingga mengakibatkan ianya menjadi serpihan di atas jalan raya dan membahayakan pengguna jalan raya lain boleh berpunca daripada beberapa faktor seperti penggunaan tayar celup yang tidak mengikut piawaian; kegagalan melaksanakan penyelenggaraan tayar; muatan kenderaan yang melebihi had; dan isu jangka hayat tayar. Hal ini pastinya akan mendatangkan bahaya dan mudarat kepada pengguna jalanraya yang lain terutamanya di kalangan pengguna kenderaan ringan seperti motosikal, akibat melanggar atau terkena serpihan tayar di atas jalan.
5. Bagi memastikan masalah kewujudan tayar-tayar celup yang tidak menepati keperluan keselamatan dapat dielakkan daripada terus dipasarkan dan digunakan di Malaysia adalah melalui beberapa pendekatan iaitu:

NO. SOALAN: 78

- i. Pemantauan dari aspek *vehicle road worthiness inspection* ke atas kenderaan perdagangan setiap 6 bulan melalui pemeriksaan berkala yang ditetapkan di bawah perundangan Akta 333. Antara elemen pemeriksaan yang terlibat bagi mengesan dan mengenalpasti penggunaan tayar yang tidak menepati piawaian pada kenderaan-kenderaan berat adalah dengan melaksanakan pemeriksaan visual terhadap tayar dengan memastikan ianya mematuhi spesifikasi dan teknikaliti serta piawaian tayar yang ditetapkan melalui perundangan antarabangsa;
- ii. Pelaksanaan penguatkuasaan melalui Ops Bersepadu oleh JPJ bagi mengesan kenderaan-kenderaan perdagangan yang beroperasi menggunakan tayar-tayar celup yang tidak memenuhi piawaian; dan
- iii. Mengenakan tindakan saman atau kompaun terhadap kenderaan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peluang-peluang baharu yang bakal negara kita raih berikutan hubungan diplomatik dan ekonomi antara Malaysia dan China mencecah usia 50 tahun.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Bukit Bintang** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, hubungan diplomatik Malaysia – China telah terjalin pada 31 Mei 1974. Pada tahun 2023, kedua-dua negara telah menyambut ulang tahun ke-10 penaiktarafan hubungan diplomatik ke Perkongsian Strategik Komprehensif (CSP).

3. Tahun ini merupakan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China. Kedua-dua negara telah mengaturkan pelbagai program dan aktiviti untuk menyambut lima dekad persahabatan dan kerjasama yang saling melengkapi. Kedua-dua pihak juga mempergiatkan pertukaran dan kerjasama antara kerajaan pusat dan tempatan, badan perundangan, dan parti politik, meningkatkan komunikasi mengenai dasar, dan mengukuhkan perkongsian pengalaman mengenai tadbir urus.

4. Bagi mengekalkan momentum pertukaran lawatan peringkat tinggi dan meningkatkan perkongsian pengalaman bagi pembangunan hubungan dua hala yang stabil, beberapa lawatan kerja dan rasmi telah diadakan pada tahun ini.

5. Ini termasuk Lawatan Kerja Menteri Jabatan Antarabangsa Jawatankuasa Pusat, Parti Komunis China (PKC) pada Mac 2024, Lawatan Rasmi Yang Berhormat Menteri Luar Negeri pada April 2024, Lawatan Rasmi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada Mei 2024 dan Lawatan Rasmi Premier/ Perdana Menteri Republik Rakyat China (RRC), Li Qiang baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Hubungan pelaburan dan perdagangan adalah pada tahap yang sangat memuaskan di mana RRC merupakan rakan dagang terbesar bagi Malaysia selama lima belas tahun berturut-turut sejak tahun 2009, dan menyumbang sebanyak 17.1 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan global Malaysia. Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan perdagangan antara Malaysia dengan RRC adalah bernilai RM450.84 bilion (USD98.80 bilion) di mana jumlah import sebanyak RM258.63 bilion (USD56.69 billion) dan jumlah eksport sebanyak RM192.21 bilion (USD42.11 billion).

7. Baru-baru ini, Malaysia telah memeterai empat belas (14) perjanjian/ memorandum persefahaman (MoU)/ protokol/ kenyataan bersama, atau dengan izin, *Joint Statement* bersama RRC. Perjanjian/ MoU/ protokol/ kenyataan bersama ini merangkumi kerjasama dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, pembangunan ekonomi digital, keselamatan, perumahan, pendidikan, pelancongan, sains dan teknologi serta media.

8. Dari segi ekonomi, Malaysia dan China bersetuju untuk meningkatkan sinergi pembangunan melalui pemeteraian Pelan Kerjasama Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI), pembangunan Laluan Rel Pantai Timur dan, dengan izin, "*Two Countries, Twin Parks*". Ini akan menyumbang kepada penyelarasan strategi pembangunan yang lebih menyeluruh, peningkatan kerjasama dalam pelbagai bidang, pengukuhan kerjasama kewangan dan mempromosikan pembangunan yang bersepadu dan terancang. Selain itu, Malaysia juga akan meraih faedah dalam memperluaskan skala perdagangan dan menyediakan persekitaran perniagaan yang baik hasil daripada penaiktarafan sistem pengangkutan rel dan infrastruktur.

9. Malaysia bakal memperoleh faedah kemajuan industri automotif hasil kerjasama antara Proton dan Geely. Kerjasama ini akan menjadi pemangkin bagi *Automotive Hi-Tech Valley* (AHTV) dalam usahanya untuk menjadi hab regional bagi pengeluar dan pembekal komponen Kenderaan Generasi Baru (NxGV) atau kenderaan elektrik (EV).

SOALAN NO : 79

10. Kedua-dua negara juga akan membangunkan tenaga produktif berkualiti baharu dalam bidang ekonomi digital, pembangunan hijau, AI dan tenaga, meneroka kerjasama dalam industri pembuatan termaju, inovasi saintifik dan teknologi, pembangunan dan permulaan SME serta kewangan perkhidmatan, bersama-sama membangunkan dan mengenal pasti bidang baharu untuk sinergi bersama dan memanfaatkan platform kerjasama dan kemudahan sedia ada. Pada masa yang sama, Malaysia akan menyediakan peluang terbuka dan adil kepada perusahaan China untuk mengambil bahagian dalam pembinaan rangkaian 5G Malaysia. Kedua-dua pihak turut bersetuju untuk menjalankan lebih banyak pertukaran dan kerjasama dalam rangkaian nilai semikonduktor dan mengekalkan kestabilan rangkaian bekalan industri dan global.

11. Malaysia juga akan memperoleh pengetahuan dan pemindahan teknologi dalam pelbagai bidang pendidikan terutamanya bidang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Kedua-dua negara bersetuju untuk mempertingkatkan usaha sedia ada dalam meneroka peluang kerjasama, terutamanya dalam bidang pendidikan dengan tumpuan kepada TVET bagi mewujudkan lebih ramai tenaga kerja mahir dalam bidang teknologi tinggi untuk menyokong pelaburan dari luar negara. Dalam masa yang sama, pihak China turut menyarankan agar Malaysia dan China menggunakan platform kerjasama pendidikan TVET sedia ada seperti inisiatif Pendidikan Vokasional China – ASEAN, atau dengan izin, *China – ASEAN Vocational Education Initiative*.

12. China juga merupakan negara eksport kedua terbesar dalam sektor agrikomoditi, di mana minyak sawit merupakan eksport terbesar dengan mencatatkan jumlah sebanyak RM11.03 billion, diikuti dengan getah (RM5.43 billion) dan kayu balak (RM2.83 billion). Ekoran pemeteraian Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke Republik Rakyat China semasa Lawatan Rasmi Tuan Yang Terutama Li Qiang ke Malaysia, Malaysia kini mampu untuk eksport durian segar ke pasaran China. Sebelum ini, hanya eksport durian sejuk beku yang wujud di mana pada tahun 2023, Malaysia telah mengeksport sebanyak RM1.19 billion durian sejuk beku.

Tuan Yang di-Pertua,

13. Kedua-dua pihak mengamalkan sifat saling menghormati dan menyatakan sokongan teguh mereka terhadap visi pembangunan negara dan matlamat masing-masing. Ini termasuklah pencapaian Malaysia dalam bidang sosial dan ekonomi di bawah inisiatif Malaysia MADANI.

14. Kedua-dua negara sentiasa memberikan komitmen yang tinggi untuk mengekalkan kemerdekaan strategik, mengejar pembangunan bersama, mengamalkan sikap saling mempercayai dan meningkatkan kerjasama untuk kebaikan bersama.

15. Kedua-dua negara menentang segala bentuk keganasan dan akan memperkukuh kerjasama dalam keselamatan penguatkuasaan undang-undang dan anti-keganasan serta bersama-sama menangani jenayah rentas sempadan yang menyumbang kepada keamanan dan kestabilan serantau. Ini selaras dengan pendirian Malaysia dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

16. Hubungan Malaysia – China dilihat penuh optimistik dalam melangkah menuju masa hadapan. Kedua-dua negara terus memberikan komitmen penuh dalam mengukuhkan kerjasama sedia ada dan meneroka bidang kerjasama baharu. Setelah lima dekad penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia – China, tidak dinafikan hubungan baik sedia ada yang bersifat saling melengkapi akan menyumbang kepada kebaikan kedua-dua negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA
BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
(PADANG RENGAS)**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

- (a) langkah yang perlu diambil bagi membantu meningkatkan kualiti hidup warga emas dan orang kurang upaya (OKU); dan
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah baik sistem pemilihan bantuan agar dapat dinikmati golongan sasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa berusaha bagi meningkatkan kualiti hidup warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU).

2. Antara program dan program yang dilaksana dan ditawarkan oleh KPWKM menerusi agensinya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membantu meningkatkan kualiti hidup warga emas dan OKU termasuklah:

- (i) **Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR)**
Program sokongan sosial yang disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas dan OKU yang hidup bersendirian atau atau berkeperluan di rumah;
- (ii) **Program-Program Warga Emas dan Pemerkasaan OKU**
Pelbagai program seperti Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Sistem Warga Emas Nasional (e-WEN), *Job Coach*, Program Pemerkasaan Kemahiran Keupayaan OKU *Down Sindrom* (DSSerT), Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Program Pemerkasaan Ekonomi / *Economic Empowerment Programme* (EEP) di PDK dan Modul Pamadanan Kerja di dalam Sistem Maklumat OKU (SMOKU);
- (iii) **Perkhidmatan Institusi**
menyediakan perkhidmatan perlindungan, pemulihan dan pembangunan seperti Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE) bagi warga emas serta Taman Sinar Harapan (TSH), Bengkel Daya (BD) dan Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian (PLPP) bagi OKU; dan
- (iv) **Perkhidmatan Bantuan**
Disalurkan kepada individu yang layak seperti Bantuan Warga Emas (BWE) dengan kadar bantuan RM500 sebulan, Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar (BPT) yang boleh dipertimbangkan kepada penjaga warga emas atau OKU dengan kadar RM500.00 sebulan, Elaun Pekerja OKU RM450 sebulan bagi OKU yang bekerja dengan pendapatan di bawah RM1,500 sebulan, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) sebanyak RM300 sebulan, Bantuan Am (Persekutuan - minimum RM100 sebulan seorang dan maksimum RM350 sekeluarga dan Negeri - kadar bergantung mengikut negeri) dan Bantuan Alat Tiruan / Sokongan (mengikut harga sebenar yang telah ditetapkan).

3. Untuk makluman, Bantuan Kewangan Bulanan yang disediakan oleh KPWK M merupakan bantuan secara bersasar dan terbuka kepada semua golongan yang memerlukan mengikut syarat dan kelayakan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan. Syarat utama penentuan kelayakan pemberian bantuan ialah Pendapatan Garis Kemiskinan Semasa (PGK).

4. Walau bagaimanapun syarat kelayakan permohonan bantuan JKM bukanlah bergantung semata-mata kepada pendapatan, malah turut mengambil kira faktor-faktor lain seperti bilangan ahli isi rumah yang perlu ditanggung, tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarganya dan faktor-faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan keluarga.

5. Kelulusan pemberian bantuan ini adalah melalui proses siasatan serta penilaian yang dibuat secara standard dan konsisten. Setiap permohonan lengkap yang diterima akan disiasat dan dibuat penilaian (*means-tested*) bagi mengesahkan kelayakan pemohon agar bantuan diberikan kepada yang benar-benar berkelayakan.

6. Walau bagaimanapun, demi meningkatkan kualiti hidup warga emas, inisiatif yang dirancang memerlukan komitmen dan kerjasama jitu pelbagai pihak sejajar dengan konsep kebajikan tanggungjawab bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat rancangan untuk mengintegrasikan lebih baik sistem pengangkutan awam yang berbeza, seperti bas, LRT, MRT, kereta api, dan komuter untuk memudahkan perjalanan penumpang awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa komited dalam mengintergrasi perkhidmatan pengangkutan awam kearah mencapai pengangkutan perkhidmatan awam yang mampan. RapidKL merupakan penyedia perkhidmatan bas perantara bagi rangkaian ketersambungan perkhidmatan awam dengan jumlah 113 buah bas untuk laluan LRT dan 228 buah bas di laluan MRT yang melibatkan 154 laluan. Perkhidmatan ini telah memberi manfaat kepada 20,507,455 jumlah penumpang berdasarkan data penumpang sehingga Mei 2024 dengan kenaikan 27% berbanding tempoh yang sama tahun 2023. Jadual dibawah menunjukkan pecahan jumlah penumpang berdasarkan laluan bagi tempoh sehingga Mei 2024.

Bas Perantara Laluan	Jumlah Penumpang
LRT	6,549,193
MRT	13,764,063

2. Penyediaan bas perantara ini dirancang untuk memenuhi permintaan perkhidmatan pengangkutan awam yang berada di dalam radius bermula dari 5km dari stesen-stesen transit termasuk LRT dan MRT dan bertindak sebagai pelengkap kepada keperluan *first mile last mile* (FMLM). Usaha penambahbaikan yang sedang dilaksanakan adalah dengan menyediakan perkhidmatan yang lebih responsif kepada permintaan setempat yang dikenali sebagai "*Demand Responsive Transit*".

3. Rangkaian pengangkutan awam darat merangkumi 8 perkhidmatan rel yang dikendalikan oleh Rapid KL, Keretapi Tanah Melayu dan Express Rail Link selain perkhidmatan bas berhenti-henti yang disediakan oleh Rapid KL serta pengendali-pengendali lain sebanyak 298 laluan yang menghubungkan hub-hub utama pengangkutan awam darat di sekitar Lembah Klang.

4. Sebagai contoh, stesen-stesen utama seperti Bandar Tasik Selatan dan KL Sentral adalah bersepadu di mana terdapat beberapa sistem pengangkutan awam yang berbeza di satu tempat. Kedua-dua stesen ini bersepadu dengan terminal bas, teksi, e-hailing dan juga perkhidmatan rel Express Rail Link, Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Rapid KL.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AZLI BIN YUSOF
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah skop dan fungsi Ombudsman yang membezakan ia dengan mekanisme pengawasan lain seperti EAIC, SUHAKAM dan SPRM serta apakah langkah memastikan kebebasannya agar ia mempunyai kuasa punitif dan penguatkuasaan yang berkesan berdasarkan falsafah penubuhannya.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan MADANI amat komited dalam merealisasikan agenda reformasi institusi dan memperkasa undang-undang negara. Salah satu inisiatif utama adalah penubuhan Ombudsman Malaysia. Izinkan saya menjelaskan skop dan fungsi Ombudsman Malaysia serta langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kebebasannya. Ombudsman Malaysia akan menjadi badan bebas yang menerima dan menguruskan aduan berkaitan sistem penyampaian perkhidmatan awam Persekutuan.

2. Ombudsman Malaysia akan menerima, mengurus dan menyiasat aduan daripada orang awam berkaitan salah tadbir (maladministration) dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam. Ini termasuk aduan mengenai kelewatan, ketidakadilan, penyalahgunaan kuasa, dan ketidakcekapan.
3. Kerajaan sedang mempertimbangkan model Ombudsman Malaysia yang unik dengan menggabungkan fungsi Biro Pengaduan Awam (BPA) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC). Ini akan memperkukuhkan dan memperkasakan fungsi dan peranan EAIC dalam memantau isu integriti dan salah laku penjawat awam.
4. Ombudsman Malaysia juga akan berfungsi sebagai agensi berpusat bagi mengawalselia dan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [*Akta 711*]. Ini termasuk menyiasat tindakan yang memudaratkan pemberi maklumat.
5. Ombudsman Malaysia berbeza dengan mekanisme pengawasan lain seperti EAIC, SUHAKAM, dan SPRM dalam beberapa aspek.
6. EAIC khusus memantau integriti dan salah laku agensi penguatkuasaan. Dengan penggabungan EAIC di bawah Ombudsman Malaysia, fungsi ini akan diperluas untuk merangkumi semua agensi perkhidmatan awam.
7. SUHAKAM pula fokus kepada hak asasi manusia. Ombudsman Malaysia, sebaliknya, akan menumpukan kepada isu salah tadbir dalam perkhidmatan awam.
8. SPRM bertanggungjawab terhadap pencegahan dan penyiasatan kes rasuah. Ombudsman Malaysia akan menangani aduan salah tadbir yang mungkin tidak melibatkan elemen rasuah tetapi tetap penting untuk kecekapan dan integriti perkhidmatan awam.
9. Untuk memastikan Ombudsman Malaysia bebas dan berkesan, beberapa langkah telah diambil:

- (i) Ombudsman Malaysia akan ditubuhkan sebagai badan bebas yang tidak tertakluk kepada arahan mana-mana pihak;
- (ii) Pelantikan Ketua Ombudsman dan anggota-anggotanya akan dilakukan secara telus dengan penyertaan pihak berkepentingan, termasuk Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen;
- (iii) Ombudsman Malaysia akan dibekalkan dengan sumber kewangan yang mencukupi dan kakitangan yang berkelayakan untuk menjalankan fungsinya dengan berkesan; dan
- (iv) Ombudsman Malaysia akan diberikan kuasa punitif dan penguatkuasaan yang bersesuaian agar keputusannya dapat dikuatkuasakan dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.

10. Dengan langkah-langkah ini, Kerajaan yakin bahawa Ombudsman Malaysia akan dapat menjalankan peranannya dengan bebas, telus dan berkesan, selaras dengan falsafah penubuhannya untuk melindungi kepentingan rakyat dan memperkukuhkan integriti sistem perkhidmatan awam negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha Kementerian bagi menjayakan promosi dan insentif kepada kerajaan negeri bagi penganjuran Tahun Melawat Kedah yang akan diadakan pada tahun 2025.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya Tourism Malaysia kekal komited dalam mempromosikan sektor pelancongan domestik secara berterusan bagi memastikan pertumbuhan industri pelancongan domestik positif. Antara usaha yang dilaksanakan bagi menjayakan penganjuran Tahun Melawat Kedah yang akan diadakan pada tahun 2025 adalah:

- i) Mengadakan bengkel-bengkel pembangunan pakej serta seminar bagi membantu pengusaha pelancongan membangunkan pakej-pakej di Negeri Kedah yang lebih menarik dan berdaya maju. Sebagai contoh, Bengkel Pembangunan Pakej Pelancongan Negeri Kedah yang akan diadakan pada bulan September 2024 dengan menjemput agensi-agensi pelancongan dari Wilayah Utara serta pengusaha produk bagi menggalakkan kerjasama dan pertukaran idea dalam membangunkan pakej yang lebih kreatif dan inovatif;
- ii) Menjemput pemain industri dari negeri Kedah untuk menyertai misi jualan / pemasaran yang menyediakan platform pertemuan di antara penggiat industri tempatan dari seluruh negara bagi memberi pendedahan serta merencanakan lagi industri pelancongan misalnya Malaysia International Travel Mart (MITM), MATTA dan Jerayawara Jom Cuti-Cuti Malaysia 2024;
- iii) Mengadakan program lawatan suai kenal melibatkan media cetak, media elektronik dan media baharu tempatan ke negeri Kedah. Menerusi program ini, pihak media dibawa melawat serta merasai sendiri produk-produk pelancongan terkini yang terdapat di sana dan seterusnya

menterjemahkan pengalaman mereka dalam bentuk artikel bergambar, video dan kandungan media sosial kepada umum menerusi platform masing-masing;

- iv) Membawa masuk krew-krew penggambaran televisyen untuk membuat liputan serta membuat penggambaran di kawasan pelancongan di Negeri Kedah;
- v) Mempromosi destinasi-destinasi pelancongan menarik di Negeri Kedah dengan kerjasama Kerajaan Negeri melalui papan Iklan (Billboard) seperti di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar Kedah;
- vi) Menyokong agensi pelancongan dengan membiayai kos mencetak Fun Map Negeri untuk diletakkan di premis pelancongan seperti di Terminal Feri, hotel-hotel di sekitar negeri Kedah dan pejabat SUK Kedah;
- vii) Menyebarakan maklumat produk pelancongan negeri kepada pelancong melalui Pejabat-pejabat Tourism Malaysia Wilayah dan Pusat Penerangan Pelancongan di seluruh Malaysia dan Pejabat Luar Negara serta melalui laman web Tourism Malaysia; dan
- viii) Penyebaran maklumat pelancongan di Kedah yang lebih meluas terutamanya secara atas talian di laman sesawang www.malaysia.travel, media sosial rasmi Tourism Malaysia, influencers serta e-brochure.
- ix) Mempromosikan Kedah di serata dunia melalui program-program peringkat antarabangsa yang disertai dengan menggunakan slogan *Malaysia Truly Asia*. Antara program-program promosi antarabangsa yang disertai termasuklah *International Tourism Borse* (ITB) di Berlin, ITB di Shanghai, *Arabian Travel Mart* (ATM) di Dubai dan ASEAN Tourism Forum (ATF) di negara-negara ASEAN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan pendirian Kementerian terhadap Indeks Kebebasan Media yang dikeluarkan oleh Reporters Without Borders (RSF) yang menunjukkan prestasi kebebasan media di Malaysia yang telah merudum 34 anak tangga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menyokong prinsip kebebasan media serta menjamin hak kebebasan bersuara rakyat menurut Fasal 1(a), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara bukan bersifat mutlak, sebaliknya harus dilaksanakan secara bertanggungjawab, beretika, dan mengambil kira kepelbagaian budaya dan agama yang mencorakkan masyarakat Malaysia. Namun demikian, kebebasan media hendaklah didokong dengan kod etika bagi memastikan ia tidak disalah guna oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) juga tidak mengehadkan kebebasan media selagi mana penggunaan media elektronik tidak melanggar peruntukan perundangan di bawah Akta

tersebut, khususnya di bawah peruntukan seksyen 211 dan seksyen 233.

Dalam usaha untuk meningkatkan kedudukan ini, Kementerian Komunikasi melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) telah membangunkan Kod Etika Wartawan Malaysia yang bertujuan untuk mengangkat martabat media dengan memastikan maklumat yang disampaikan adalah bersandarkan Etika Kewartawanan Malaysia (EKM) 1989 seperti yang telah digariskan sebelum ini.

Selain itu, dalam memperkasa media di negara ini termasuk memberikan lebih kebebasan dalam melaksanakan tugas, Kementerian Komunikasi sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan kandungan Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia bersama Jawatankuasa Protem Majlis Media Malaysia yang terdiri daripada wakil industri media, ahli akademik dan pihak awam. MMM bertanggungjawab untuk membangunkan dan melaksanakan kod etika pelaporan yang memperkasakan profesion kewartawanan negara dan memastikan pelaporan berita yang dilakukan oleh media dilakukan secara bertanggungjawab.

Untuk memperbaiki kedudukan Malaysia dalam indeks global, Kerajaan akan mengkaji keperluan reformasi undang-undang media dan memastikan hak asasi manusia, termasuk kebebasan media diberikan keutamaan dalam dasar serta amalan negara. Industri media tempatan juga diberi peranan sebagai pemangkin kepada kebebasan bersuara. Selain itu, Kerajaan bersedia bekerjasama dengan agensi berkepentingan dalam usaha untuk meningkatkan aspek kebebasan media, memastikan integriti dan kebebasan media sejati serta mempertahankan keharmonian dan keseimbangan dalam masyarakat berbilang kaum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA
BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KALAM BIN SALAN
(SABAK BERNAM)**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian membangunkan Belanjawan 2025 dengan mengambil kira pelaksanaan Pelan Induk Pengupayaan ASEAN 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Pelan Induk Pengupayaan ASEAN 2025 merupakan satu mekanisme bagi memantau pelaksanaan inisiatif mengarusperdana dan memperkasakan hak golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di peringkat ASEAN. Terdapat 76 Tindakan Utama (*Key Action Points*) dalam pelan induk tersebut yang bersifat holistik merentasi sektor politik-keselamatan, ekonomi dan sosio-budaya. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di bawah sektor sosio-budaya bertanggungjawab khusus dalam isu kebajikan sosial golongan OKU.

2. Dalam penyediaan Belanjawan 2025, KPWKM mengambil kira keperluan semua kumpulan sasaran termasuklah golongan OKU berdasarkan permohonan peruntukan yang dikemukakan setiap Jabatan dan Agensi KPWKM. Bagi tahun 2024, peruntukan belanjawan langsung untuk golongan OKU di bawah KPWKM adalah berjumlah RM1.2 bilion. Manakala bagi belanjawan tahun 2025 pula, KPWKM telah memohon peruntukan sebanyak RM1.3 bilion bagi tujuan sosio-budaya dan kebajikan golongan OKU. Bagi bidang-bidang yang lain berkaitan golongan OKU, peruntukan tertentu akan dikemukakan oleh kementerian yang berkenaan kepada Kementerian Kewangan.

3. KPWKM telah mempromosi dan menyarankan semua Kementerian agar turut memberi perhatian dan mengambil kira pelaksanaan Pelan Induk Pengupayaan ASEAN 2025 dalam penyediaan belanjawan dan program mereka memandangkan pelan induk tersebut merentasi semua sektor termasuklah politik-keselamatan, ekonomi dan sosio-budaya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BINTI
MAJILIS@FAKHARUDY [KOTA BELUD]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BINTI MAJILIS@FAKHARUDY [KOTA BELUD] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daripada 854 projek-projek di bawah RM50 juta bagi tahun 2024 yang bernilai RM1.85 bilion di Sabah :

- (a) berapa daripada projek tersebut yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah; dan
- (b) peratusan perbelanjaan daripada jumlah peruntukan tersebut setakat bulan Jun 2024.

JAWAPAN**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya, terdapat 972 program / projek pembangunan Persekutuan dengan kos di bawah RM50 juta untuk negeri Sabah dengan jumlah peruntukan RP4 RMKe-12 sebanyak RM2.04 bilion.

2. Kesemua 972 program / projek pembangunan tersebut adalah merupakan program/ projek di bawah kementerian / agensi Persekutuan. Sebanyak 186 (19.1%) daripada program/ projek tersebut dilaksanakan oleh agensi pelaksana di bawah Kerajaan Negeri Sabah iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah atau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah dengan pecahan seperti berikut:

Bil.	Agensi Pelaksana	Bil. Program/ Projek	Peruntukan RP4 (RM)
1.	JKR Sabah	181	331,401,020
2.	JPS Sabah	5	8,700,000
Jumlah		186	340,101,020

Sumber data: Maklumat dijana daripada Sistem MyProjek sehingga 10 Jun 2024.

3. Peratusan perbelanjaan bagi 186 program / projek yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana di bawah Kerajaan Negeri Sabah adalah seperti berikut:

Bil.	Agensi Pelaksana	Peruntukan RP4 (RM)	Belanja (RM)	Prestasi Belanja (%)
1.	JKR Sabah	331,401,020	7,168,700	2.16
2.	JPS Sabah	8,700,000	4,440,851	51.04
Jumlah		340,101,020	11,609,551	3.41

Sumber data: Maklumat dijana daripada Sistem MyProjek sehingga 10 Jun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN [KUALA KRAI]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 yang telah dibentang dan diluluskan di Parlimen pada mesyuarat yang lepas akan dikuatkuasakan sepenuhnya bagi meyakinkan rakyat bahawa persekitaran siber di negara ini selamat sepenuhnya daripada sebarang bentuk serangan siber.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pewartaan tarikh kuat kuasa Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Siber hanya boleh dibuat selepas proses penggubalan peraturan-peraturan siap dan draf peraturan-peraturan tersedia diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara. Ini adakah kerana sekiranya RUU ini diwartakan tanpa peraturan-peraturan tersedia, RUU ini tidak boleh dilaksanakan.

2. Sehubungan itu, Agensi Keselamatan Siber Negara, Majlis Keselamatan Negara (NACSA) telah mengenal pasti dan sedang menyediakan draf kepada empat (4) peraturan seperti berikut:

- i. Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pelesenan Pemberi Perkhidmatan Keselamatan Siber) 2024;
- ii. Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pengkompaunan Kesalahan) 2024;
- iii. Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Penilaian Risiko dan Audit) 2024; dan
- iv. Peraturan-Peraturan Keselamatan Siber (Pemberitahuan Insiden Keselamatan Siber) 2024.

3. Berdasarkan gerak kerja yang dilaksanakan, NACSA menjangkakan pewartaan tarikh kuat kuasa RUU Keselamatan Siber adalah pada suku ketiga tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah usaha yang dilakukan ke arah mewujudkan Malaysia sebagai Hab Umrah di rantau Asia Tenggara.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. MOTAC telah mengambil beberapa langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Umrah di Asia Tenggara. Antara usaha tersebut adalah dengan menubuhkan Pasukan Petugas Khas (PPK) yang diterajui oleh YB Timbalan Menteri MOTAC dan dianggotai oleh Kementerian Pengangkutan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Wakaf, Zakat & Haji, Lembaga Tabung Haji serta persatuan industri seperti PAPUH, BUMITRA dan MATTA untuk menyelaraskan inisiatif Malaysia sebagai Hab Transit Umrah bagi Rantau Asia.
2. Seterusnya, perbincangan telah diadakan untuk menyediakan kemudahan "*pre-clearance*" bagi jemaah umrah yang menggunakan Malaysia sebagai Hab Transit Umrah. Selain itu, *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB) dan Kementerian Pengangkutan (MOT) terlibat dalam cadangan pembinaan terminal khas untuk Haji dan Umrah di KLIA. Begitu juga dengan kemudahan penginapan dan pakej pelancongan Mesra-Muslim yang diperkasa untuk memenuhi permintaan pasaran jemaah Umrah dan pelancong Muslim ke Malaysia.
3. Justeru, ini adalah antara usaha-usaha yang dilakukan ke arah mewujudkan Malaysia sebagai Hab Umrah di rantau Asia Tenggara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tentang perbelanjaan untuk Jualan RAHMAH yang dijalankan dua kali sebulan di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri dalam negara sejak ia dilaksanakan dan sebab ia dikurangkan kepada sekali sebulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Jualan RAHMAH MADANI (PJR) merupakan program yang dilaksanakan bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat dengan menawarkan barangan keperluan harian sama ada makanan atau bukan makanan pada harga 10% hingga 30% lebih rendah berbanding harga pasaran semasa setempat.

Pada masa kini, penetapan sasaran pelaksanaan PJR adalah sekurang-kurangnya dua kali sebulan di setiap kawasan Parlimen dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga sedang merangka pendekatan untuk membolehkan penganjuran PJR meliputi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) sebanyak dua kali sebulan. Bagi tempoh Januari sehingga Jun 2024, KPDN telah berbelanja sebanyak RM40 juta dan sebanyak 4,008 PJR telah dilaksanakan dalam tempoh tersebut.

Walaupun tiada penetapan PJR dijalankan dua kali sebulan di setiap DUN, tetapi dari segi pelaksanaan, PJR telah diadakan melebihi sasaran yang ditetapkan. Sebagai contoh, untuk Parlimen Bagan walaupun sasaran PJR yang dirancang bagi tempoh Januari hingga 15 Jun 2024 adalah 11 kali, tetapi sebanyak 27 PJR telah berjaya diadakan dalam tempoh tersebut iaitu :

- i. DUN Sungai Puyu (10 kali)
- ii. DUN Bagan Jermal (9 kali)
- iii. DUN Bagan Dalam (8 kali).

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada perbelanjaan PJR, kos bagi setiap penganjuran PJR adalah berbeza mengikut kawasan dan model pelaksanaan. Ia juga dipengaruhi oleh bilangan item atau *Stock Keeping Unit* (SKU) yang terjual, selain daripada kos-kos seperti penyediaan tapak jualan, sewaan dewan, logistik, utiliti dan lain-lain perbelanjaan seperti yang terkandung dalam Garis Panduan Jualan Rahmah. Selain itu, harga yang diberikan semasa PJR juga adalah lebih rendah berbanding harga pasaran kerana

potongan harga barangan sebahagiannya akan diserap atau ditanggung oleh pihak operator / peruncit dalam bentuk diskaun, manakala Kerajaan membayar operator/ peruncit dalam bentuk tuntutan bayaran balik subsidi.

Secara purata, anggaran kos perbelanjaan bagi setiap PJR berdasarkan model pelaksanaan adalah seperti berikut:-

- (a) Sekiranya dilaksanakan di dalam premis, ia akan melibatkan anggaran kos antara RM5,000 hingga RM20,000
- (b) Sekiranya dilaksanakan di luar premis / premium, ia akan melibatkan anggaran kos antara RM25,000 hingga RM100, 000 dan ini mengambil kira kos-kos seperti sewaan khemah, dewan dan logistik.
- (c) Sekiranya dilaksanakan secara bergerak, ia akan melibatkan anggaran kos antara RM5,000 hingga RM30,000 dan ini mengambil kira kos-kos seperti logistik, muka bumi dan faktor geografi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. MOHD RADZI BIN MD JIDIN**
[PUTRAJAYA]
TARIKH : **27 JUN 2024 (KHAMIS)**

SOALAN

DR. MOHD RADZI BIN MD JIDIN [PUTRAJAYA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan masalah parkir dapat diatasi memandangkan akan berlaku pertambahan 10,000 unit rumah di Putrajaya yang akan disiapkan menjelang 2027; dan
- (b) kaedah dan inovasi yang akan digunakan untuk mengurangkan masalah parkir di perumahan Putrajaya.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Putrajaya akan membuat permohonan peruntukan semasa sesi *Rolling Plan* 1 (RP1) RMKe-13 bagi pembinaan kompleks Tempat Letak Kereta (TLK) bertingkat bagi kawasan berkepadatan tinggi, antaranya seperti di Presint 6, 11 dan 17 dengan anggaran petak 1,000 unit bagi setiap kompleks TLK bertingkat.
2. Bagi pembangunan perumahan berstrata akan datang, Perbadanan Putrajaya telah menetapkan piawaian kemudahan tempat letak kereta bagi kediaman yang melebihi RM300,000.00, setiap unit kediaman diperuntukkan dua (2) tempat letak kereta.
3. Antara kaedah dan inovasi yang dicadangkan adalah dengan membangunkan tempat letak kereta yang berada di atas jalan raya. Cadangan pembangunan ini adalah bagi menyelesaikan isu kekurangan tanah bagi pembangunan tempat letak kereta.
4. Untuk permulaan, Perbadanan Putrajaya telah memohon peruntukan bagi membina TLK bertingkat melalui Jabatan Perdana Menteri di bawah *Rolling Plan* 5 (RP5) RMKe-12 kepada Kementerian Ekonomi bagi dua (2) lokasi iaitu TLK Atas Jalan di Presint 16 (350 unit) dan TLK Atas Jalan di Presint 17 (250 unit).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai syarikat, media, NGO, konsultan dan lain-lain, yang dibayar atau diberi dana, serta jumlah dana setiap satu bagi mempromosikan konsep Malaysia MADANI di dalam dan luar negara, beserta jumlah perbelanjaan setiap kementerian, agensi dan GLC bagi tujuan itu.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendekatan yang diambil oleh Kerajaan MADANI dalam mempromosikan Agenda Malaysia MADANI adalah melalui konsep turun padang bagi memastikan keperluan, kehendak atau pandangan rakyat dapat didengari dan diambil tindakan sewajarnya. Dalam hal ini, Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) telah menganjurkan program yang dinamakan Program MADANI Rakyat (PMR) pada tahun 2024. Program ini melibatkan dua (2) komponen utama iaitu perkhidmatan *touchpoint* kepada rakyat dan inisiatif kesejahteraan rakyat.

2. Melalui PMR, kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dikumpul di satu lokasi yang strategik bagi memberi peluang kepada rakyat untuk mendapat penjelasan, penerangan atau perkhidmatan yang diperlukan di bawah satu bumbung. PMR juga merupakan platform bagi menerangkan dasar-dasar dan inisiatif-inisiatif baharu kerajaan yang tujuan akhirnya adalah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Dalam masa yang sama, rakyat juga boleh menggunakan program ini untuk mengemukakan pandangan, pendapat atau komen berhubung apa-apa perkara yang menjadi keutamaan mereka. Kerajaan percaya melalui usaha dan pendekatan sebegini, rakyat lebih memahami hasrat dan hala tuju negara seterusnya membina kepercayaan dan keyakinan antara kerajaan dan rakyat.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak enam (6) PMR telah dirancang untuk diadakan pada tahun 2024. Dua (2) program telah diadakan iaitu PMR Zon Tengah yang berlangsung pada 23 hingga 25 Februari 2024 bertempat di Kompleks Sukan Kuala Selangor, Selangor manakala PMR Zon Utara telah diadakan pada 26 hingga 28 April 2024 bertempat di Tapak Pesta Sg. Nibong, Pulau Pinang.

4. Penganjuran PMR yang seterusnya akan diadakan di Pahang untuk Zon Timur pada 5 hingga 7 Julai 2024, Johor untuk Zon Selatan pada 15 hingga 17 Ogos 2024 manakala di Sarawak ialah pada 27 hingga 29 September 2024 dan akhir sekali di Sabah yang dijadualkan pada 18 hingga 20 Oktober 2024.

5. PMR dianjurkan secara kerjasama strategik di antara kementerian peneraju dan kerajaan negeri yang berkenaan selaku tuan rumah. Kos penganjuran juga akan dikongsi bersama antara kementerian peneraju dan kerajaan negeri. Bagi setiap penganjuran PMR, Kerajaan telah menetapkan kos siling sebanyak RM3.2 juta sahaja. Semua urusan perolehan untuk penganjuran PMR ini dilaksanakan dengan mematuhi tatakelola perolehan kerajaan yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN GANABATIRAU A/L
VERAMAN [KLANG]**

TARIKH : **27 JUN 2024 (KHAMIS)**

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan statistik mengenai syarikat-syarikat tempatan dalam bidang teknologi maklumat yang telah dimulakan dari tahun 2020 hingga ke 2023 dan apakah rancangan untuk meningkatkannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Mac 2024, sebanyak lima ribu tiga ratus tiga puluh satu (5,331) buah syarikat telah diberikan pengiktirafan Malaysia Digital (MD). Lebih daripada tujuh puluh tiga (73) peratus syarikat-syarikat tersebut terdiri daripada syarikat tempatan di mana syarikat-syarikat ini meneroka dan menjalankan aktiviti-aktiviti penyediaan produk dan perkhidmatan digital yang bernilai tinggi menggunakan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI), teknologi rantai blok (*Blockchain*), internet benda (IoT), keselamatan siber (*cybersecurity*), teknologi kewangan (*Fintech*) dan dron.
2. Pelbagai insentif dan manfaat juga ditawarkan kepada syarikat-syarikat MD untuk mempercepatkan pertumbuhan serta meningkatkan kesan limpahan kepada ekonomi serta pengukuhan ekosistem digital negara.

SOALAN NO. 92

3. Kementerian Digital melalui MDEC turut berusaha meningkatkan potensi dan daya saing syarikat tempatan dalam menyediakan produk dan perkhidmatan berteknologi tinggi yang dapat menembusi pasaran serantau dan global melalui pelaksanaan program *Gateway Amplify Invest Nurture* (GAIN). Sehingga Mac 2024, sebanyak tiga ratus (300) syarikat telah menyertai program ini dan mencatatkan jumlah eksport terkumpul (kumulatif) berjumlah Ringgit Malaysia sebelas perpuuhan dua enam lima bilion (RM11.265 bilion).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS (2024)
24 JUN 2024 – 18 JULAI 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 27 JUN 2024 [KHAMIS]

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan status terkini kertas siasatan berhubung aduan penipuan pakej umrah dan haji serta tindakan susulan yang telah diambil oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, perbuatan menipu iaitu memperdaya atau mendorong secara tidak jujur agar seseorang itu untuk menyerahkan hartanya adalah ditafsirkan di bawah Seksyen 415, Kanun Keseksaan [Akta 574] yang mana ia adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM). Berdasarkan statistik yang dikongsi oleh PDRM dari tahun 2019 hingga Mei 2024, sebanyak 252 kertas siasatan telah dibuka untuk kes penipuan umrah yang melibatkan kerugian sebanyak RM9.81 juta.
2. Manakala bagi tuntutan tebus rugi bagi pembelian barang dan perkhidmatan berjumlah tidak melebihi RM50,000.00 dalam masa tiga (3) tahun adalah di bawah bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDN) sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599]. Berdasarkan statistik TTPM yang dikongsi, dari tahun 2019 sehingga Mei 2024, TTPM mencatatkan 1,549 kes dengan jumlah tuntutan RM29.58 juta dan *award* RM16.37 juta.
3. Bagi tahun 2023 sehingga Mei 2024, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menerima sebanyak 349 aduan umrah dengan kerugian sebanyak RM14.09 juta di mana MOTAC telah menasihatkan pengadu untuk membuat tuntutan dengan TTPM bagi tebus rugi dan membuat laporan polis bagi kes penipuan. Dalam hubungan ini, MOTAC telah membuka 19 kertas siasatan berkaitan umrah dengan lapan (8) kes telah dikompaun sebanyak RM241,000.00 dan yang lain masih dalam siasatan ke atas agensi pengendali umrah. Selain itu, MOTAC juga telah menggantung dan membatalkan lesen bagi dua (2) agensi pengendali umrah berhubung dengan kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].

4. MOTAC melalui Mesyuarat Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri MOTAC bersama-sama ahli mesyuarat seperti Kementerian Luar Negeri (KLN), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Lembaga Tabung Haji (LTH), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), dan agensi yang berkaitan merupakan platform untuk mengatasi isu-isu berkaitan dengan penipuan bakal jemaah-jemaah umrah dengan lebih efektif.

5. MOTAC juga sering mewar-warkan kepada rakyat Malaysia untuk membeli pakej umrah daripada agensi pelancongan yang berlesen dengan MOTAC bagi mengelakkan penipuan.

6. Selain itu, Kementerian ini mengambil langkah pencegahan dengan memantau syarikat tidak berlesen atas talian yang berkemungkinan melakukan penipuan dengan mengemaskini Senarai Amaran Entiti Yang Melanggar Akta Industri Pelancongan 1992 di laman sesawang dan media sosial MOTAC. MOTAC juga bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menyekat dan menyahaktifkan akaun laman sosial entiti tidak berlesen. Sehingga Mei 2024, terdapat sebanyak 272 entiti yang tidak berlesen dan didapati menjual pakej pelancongan. Senarai tersebut boleh memberikan kesedaran dan sikap berhati-hati rakyat Malaysia Madani sementara MOTAC membuat pemeriksaan premis dan siasatan lanjut sewajarnya.

7. MOTAC menerusi pelbagai siri tindakan yang merangkumi sesi libat urus, kajian soal selidik, mesyuarat berkaitan dan perjumpaan bersama YB Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya pada awal tahun 2024, bakal mengemas dan memperkukuhkan syarat-syarat lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah dan Ziarah (lesen syarikat pengendali umrah). Tindakan ini bagi memastikan syarikat-syarikat yang kompeten, berkemampuan dan berdaya saing serta *genuine* sahaja diberikan lesen syarikat pengendali umrah.

8. Antara syarat-syarat baharu yang bakal diperkenalkan dan dikuatkuasakan adalah penyediaan jaminan bank bernilai RM200,000.00

oleh syarikat pengendali umrah, modal berbayar syarikat baharu pengendali umrah ditetapkan minimum RM500,000.00, syarikat mempunyai guru agama / pembimbing, mengemaskini laporan kewangan syarikat, status kewangan ahli lembaga pengarah (ALP), penguatkuasaan kontrak perjanjian dengan bakal jemaah umrah dan kontrak perjanjian dengan syarikat pengendali di Arab Saudi (*ground handling*).

9. Tindakan ini diambil oleh MOTAC bagi mengekang kes-kes penipuan pakej umrah yang sering dilaporkan oleh media massa dan media sosial. Selain itu, ia juga bertujuan supaya bakal jemaah umrah mendapat perkhidmatan pengurusan yang berkualiti dan cemerlang dengan harga yang berpatutan serta bimbingan umrah, mewujudkan syarikat pengendali umrah yang berkualiti dari segi pengurusan dan standard yang premium.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah bank tanah yang berada di bawah wakaf Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut data terkini diperolehi dari MAIWP yang merupakan pemegang amanah bagi semua harta wakaf di Wilayah Persekutuan di bawah Seksyen 61 Akta Pentadbiran Undang-Undang (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).
2. Sehingga kini pihak MAIWP telah menguruskan 89 lot (64.67ekar) hartanah wakaf yang terdiri dari 64 lot hartanah wakaf khas dan 25 lot hartanah wakaf am.

NO. SOALAN: 94

3. Keseluruhan nilai hartanah wakaf yang diuruskan oleh pihak MAIWP bernilai RM668.31 juta.

4. Selain daripada **Hartanah Wakaf**, Produk Wakaf MAIWP juga terdiri daripada :

- i. **Wakaf Tunai** : Jumlah Kutipan 2012-2024 sebanyak **RM32.11juta**
- ii. **Wakaf Pendidikan** : Pelantikan 6 IPT sebagai Mutawalli bermula tahun 2019 dengan jumlah kutipan **RM4.56juta**.
- iii. **Projek Wakaf Khas** : Terdapat 40 projek wakaf khas merangkumi kategori Keagamaan, Pendidikan, Kesihatan dan Sosial.
- iv. **Wakaf Amanah Rakyat** : Jumlah Wakaf Terkumpul **RM1.07juta**
- v. **Wakaf Unit Amanah ASNB** : Terimaan wakaf **RM60.75juta /61.29juta unit**
- vi. **Wakaf Korporat Felda**: Jumlah kutipan wakaf **RM38.35juta**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah rasionalnya Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) meluluskan pendaftaran 122 Persatuan Veteran berdaftar di bawah JHEV.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum penubuhan JHEV ATM dan pewujudan Akta Veteran 2012 (Akta 740), semua persatuan veteran telah ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan dikawal selia oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS). Namun demikian, apabila JHEV ATM ditubuhkan pada tahun 2000 dan Akta 740 diwartakan pada tahun 2012, kuasa untuk mendaftar persatuan veteran diletakkan di bawah Ketua Pengarah JHEV ATM selaku Pendaftar persatuan veteran selaras dengan peruntukan Seksyen 7 Akta 740 yang menyatakan "*Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia hendaklah menjadi Pendaftar*".

Dengan wujudnya Akta 740 pada tahun 2012 tersebut, mana-mana persatuan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 pada tarikh Akta 740 mula berkuat kuasa hendaklah terhenti daripada didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan dalam tempoh tiga bulan selepas itu, memohon kepada Pendaftar untuk didaftarkan di bawah Akta 740 sebagai suatu persatuan veteran untuk menjalankan apa-apa aktiviti veteran. Justeru, Ketua Pengarah JHEV ATM selaku Pendaftar Persatuan pada masa itu telah mendaftarkan semula pertubuhan-pertubuhan tersebut sebagai persatuan veteran berdasarkan ketetapan Akta 740.

Untuk makluman, bagi tujuan pendaftaran persatuan, setiap permohonan akan diteliti dan diperhalusi oleh Pendaftar. Jika Pendaftar berpuas hati bahawa persatuan itu ialah suatu organisasi bukan politik bagi pemajuan kebajikan veteran dan bahawa perlembagaan persatuan itu mengandungi peruntukan bagi perkara yang telah dihuraikan dalam Jadual, Pendaftar akan meluluskan pendaftaran persatuan itu sebagai suatu persatuan veteran, seperti mana yang ditetapkan di bawah Seksyen 14 Akta 740. Sehubungan itu, kesemua 122 buah persatuan induk tersebut telah didaftarkan berdasarkan kuasa yang diberikan oleh Akta 740 kepada Pendaftar dan juga berpandukan Peraturan Pendaftaran (Veteran dan Persatuan Veteran) 2016.

Rasional pendaftaran kesemua 122 persatuan adalah bagi membenarkan persatuan-persatuan tersebut melaksanakan aktiviti-aktiviti veteran secara sah di sisi undang-undang kerana Seksyen 13 (1) Akta

740 telah menetapkan bahawa “*Tiada persatuan boleh menjalankan apa-apa aktiviti veteran melainkan jika persatuan itu didaftarkan sebagai suatu persatuan veteran di bawah Akta ini*”.

Selain terlibat aktif dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti veteran, persatuan telah bekerjasama dengan Kementerian dan JHEV ATM dalam penyampaian maklumat dan pelaksanaan program kesejahteraan veteran kepada ahli masing-masing. Oleh yang demikian, Kementerian melalui JHEV ATM komited untuk memperkasakan lagi institusi persatuan Veteran.

Oleh yang demikian, Kementerian telah merancang untuk membuat penstrukturan semula persatuan-persatuan veteran sedia ada, menambahbaik pembiayaan dana persatuan, menyemak semula dan memperkemas Akta 740 dan peraturan berkaitan serta mengenalpasti inisiatif-inisiatif tambahan yang boleh memperkasakan lagi institusi persatuan veteran di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) apakah status terkini Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen; dan
- (b) bilakah Kerajaan bercadang untuk membentangkan Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Beberapa sesi libat urus, mesyuarat dan kajian tinjauan telah diadakan pada tahun 2023 dan 2024 bersama Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan Rakyat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Peguam Awam (AGC), Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pertubuhan Masyarakat Madani (CSO), Badan Peguam

serta Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan penetapan dasar serta pewujudan Akta Perkhidmatan Parlimen.

2. Berikutan usaha yang telah diambil, Memorandum Jemaah Menteri berhubung Cadangan Penetapan Dasar Bagi Penggubalan Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen (“RUU Perkhidmatan Parlimen”) serta Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) berbangkit daripada RUU Perkhidmatan Parlimen Mesyuarat telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Jun 2024.
3. Dalam Mesyuarat berkenaan, Jemaah Menteri telah bersetuju secara prinsip dengan cadangan penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Perkhidmatan Parlimen.
4. Sebagai langkah ke hadapan, cadangan RUU tersebut akan diperhalusi oleh Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam (JKK-PPA) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri ke-10 dan Mesyuarat JKK-PPA akan diadakan dalam masa terdekat ini bagi secara khususnya meneliti hanya isu-isu perjawatan, perkhidmatan, peruntukan dan sebagainya yang turut melibatkan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.
5. Selaras dengan komitmen Kerajaan MADANI bagi terus mengerakkan agenda reformasi perundangan, Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen dan Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) akan dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD
SURYADY BIN BANDY
[KALABAKAN]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi menggalakkan syarikat-syarikat multinasional IT antarabangsa untuk melakukan pelaburan strategik dalam bidang teknologi tinggi seperti Kecerdasan Buatan (AI), Data Raya (Big Data), Pembelajaran Mesin (ML) dan Pemprosesan Bahasa Tabii (NLP) di Malaysia khususnya Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Digital sentiasa menggalakkan syarikat multinasional IT antarabangsa melabur secara strategik dalam bidang teknologi tinggi seperti Kecerdasan Buatan (AI), Data Raya (Big Data), Pembelajaran Mesin (ML) dan Pemprosesan Bahasa Tabii (NLP) di seluruh Malaysia termasuk negeri Sabah.
2. Dalam hal ini, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), agensi di bawah Kementerian telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

A. Mencipta Ekosistem Yang Kondusif

- (i) **Membangunkan Infrastruktur Digital Yang Kukuh**
MDEC memastikan infrastruktur digital yang boleh dipercayai dan berkelajuan tinggi tersedia di Sabah untuk menyokong aplikasi teknologi tinggi.
- (ii) **Memperkukuhkan Ekosistem Bakat**
MDEC bekerjasama dengan institusi pendidikan dan industri untuk melatih dan membangunkan bakat tempatan dalam teknologi tinggi.
- (iii) **Meningkatkan Kesedaran Dan Penerimaan Teknologi**
MDEC menjalankan program pendidikan dan kesedaran untuk meningkatkan kefahaman dan penerimaan teknologi tinggi dalam kalangan syarikat dan masyarakat.

B. Menawarkan Insentif Dan Sokongan

- (i) **Insentif Cukai**
Kerajaan Malaysia menawarkan insentif cukai yang menarik kepada syarikat yang melabur dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta inovasi teknologi tinggi.
- (ii) **Sokongan Perniagaan**
MDEC menyediakan pelbagai sokongan perniagaan kepada syarikat multinasional, seperti bantuan dalam mencari rakan kongsi dan akses kepada pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah proaktif yang diambil terhadap kebimbangan Persatuan Peruncit Malaysia (MRA) mengenai prestasi penjualan bagi tempoh 6 bulan akan datang ekoran penurunan jualan dalam sektor runcit yang dilaporkan pada separuh pertama tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merupakan Kementerian yang mengawal selia industri di bawah sektor peruncitan. KPDN sentiasa memantau perkembangan semasa industri di bawah sektor supaya terus berdaya saing dalam negara.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan dan Statistik Malaysia (DOSM), nilai jualan sektor perdagangan runcit sentiasa menunjukkan peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:-

- i. Tahun 2021 : RM533.56 Bilion meningkat kepada 4.4% berbanding tahun 2020;
- ii. Tahun 2022 : RM661 Bilion meningkat kepada 4.4% berbanding tahun 2021; dan
- iii. Tahun 2023 : RM720.75 Bilion meningkat kepada 9.9% berbanding tahun 2022.

Berdasarkan Laporan Perkhidmatan Suku Tahunan Pertama Tahun 2024 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan dan Statistik Malaysia pada 14 Mei 2024, sub-sektor perdagangan runcit telah merekodkan peningkatan nilai jualan suku pertama tahun 2024 sebanyak **RM185.47 bilion** berbanding suku pertama tahun 2023 iaitu **RM176.4 bilion** iaitu peningkatan **5.14%**.

Seterusnya, menurut laporan daripada *Malaysia Retail Industry Report 1st Quarter 2024*, yang dikeluarkan oleh *Retail Group Malaysia* pada 14 Jun 2024 menunjukkan jualan sektor peruncitan berkembang positif sebanyak 7.8% berbanding unjuran industri iaitu 7.1% pada penghujung tahun 2023. Perkembangan positif jualan ini disebabkan oleh pelaksanaan Sumbangan Tunai RAHMAH (STR) fasa 1 kepada 8.2 juta rakyat oleh kerajaan MADANI yang telah menggalakkan rakyat Malaysia berbelanja. Selain itu, dasar pengecualian visa kepada beberapa negara dan

pengurangan nilai ringgit telah menarik lebih ramai pelancong asing ke Malaysia dan menggalakkan prestasi jualan sektor peruncitan. Laporan oleh MRA ini juga telah menunjukkan peningkatan nilai jualan bagi semua format perniagaan sektor peruncitan kecuali perniagaan perabot dan barangan elektrik yang menunjukkan penurunan sebanyak 2.1% pada suku tahun pertama tahun 2024.

Seterusnya, bagi tujuan memasti dan menyokong pertumbuhan sektor peruncitan di dalam negara ini, KPDN akan menumpukan kepada inisiatif pendigitalan sektor peruncitan melalui Inisiatif My Penggalak yang mula dilaksanakan oleh Kementerian sejak tahun 2022 sebagai salah satu program utama di bawah Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan industri beralih ke arah penggunaan teknologi baharu seperti automasi, digitalisasi dan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi meningkatkan produktiviti dan jualan serta mengurangkan penggunaan buruh kurang berkemahiran kepada buruh separa mahir dan mahir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB
AZAMUDDEN [ALOR SETAR]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian terkini bagi program Malaysian Future Leaders School (MFLS).

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) merupakan sebuah program nasional dilaksanakan Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) yang bertujuan melahirkan pemimpin masa hadapan negara yang patriotik dan berkeperibadian mulia bermula di peringkat sekolah. Program ini merupakan sebuah program terancang jangka masa panjang melalui latihan dan pendedahan kepada pembentukan bakat kepimpinan golongan belia.

2. Program MFLS telah memasuki tahun keenam pelaksanaannya, bermula pada tahun 2019. Sehingga Mei 2024, seramai 83,711 orang belia awal berusia 15 hingga 18 tahun telah dilatih menerusi program ini yang memfokuskan kepada lima elemen iaitu kepimpinan, kenegaraan, pembentukan watak dan jati diri, kesukarelawanan dan keusahawanan.

3. Bagi memperkasakan peserta-peserta (Alumni MFLS) menerusi elemen kepimpinan, diwujudkan sebuah pertubuhan belia yang dinamakan Angkatan Belia *Malaysia Future Leaders School* (ABM) peringkat kebangsaan dan mempunyai cawangan di negeri-negeri, yang berdaftar di bawah Pejabat Pertubuhan Belia (ROY). Ini merupakan platform yang disediakan oleh mereka sendiri untuk mempraktikkan segala ilmu kepimpinan dan pengalaman mereka sepanjang mereka menyertai program MFLS.

4. Beberapa kejayaan telah dicapai oleh para peserta yang telah menyertai program ini antaranya ialah ada di antara mereka menjadi Ahli Parlimen Belia Malaysia, Ahli Dewan Undangan Negeri Belia di peringkat Negeri, terpilih sebagai Ahli Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Awam dan

Swasta / Politeknik / Institut Pendidikan Guru (IPG), memimpin Persatuan-persatuan Belia di peringkat kebangsaan, negeri mahupun komuniti dan ada juga yang terpilih bagi membentangkan kertas kerja di peringkat antarabangsa.

5. Berikut merupakan pencapaian terkini peserta MFLS (Alumni MFLS) di pelbagai peringkat:

a) Peringkat Luar Negara

- i. Enam (6) orang Alumni MFLS terlibat di peringkat Antarabangsa (*China ASEAN Youth Development Forum 2023, Malaysia-Korea Youth Exchange Programme 2023, World Youth Festival 2024, Sochi, Russia, dan The 3rd Global Peace Summit 2024, Asia Pacific SBCC Regional Symposium dan Asia World Model, United Nation Conference Hall, Bangkok, Thailand*); dan
- ii. Saudara Muhammad Syarafuddin Jaafar (Alumni MFLS Negeri Melaka) atas pencapaian *Representative of Malaysia to the United Nation (UN); Best Position Paper in Asian Youth International Model United Nation (AYIMUN) 17th Conference.*

b) Peringkat Dalam Negara

- i. Saudari Esther Ezhil Nanggai (Alumni MFLS Negeri Sembilan) telah berjaya memenangi Johan Anugerah Perdana Belia Negara 2024 Peringkat Kebangsaan (Kategori Wanita);
- ii. Dua (2) orang Alumni MFLS telah terpilih menjadi Ahli Parlimen Belia Malaysia (Negeri Sembilan dan Sarawak);
- iii. Empat (4) orang Alumni MFLS telah terpilih menjadi Ahli Dewan Belia Negeri (2 di Perak dan 2 di Pulau Pinang);

NO SOALAN :99

- iv. Empat (4) orang Alumni MFLS telah dilantik menjadi Yang Dipertua / Timbalan Naib Yang Dipertua, Majlis Perwakilan Pelajar (Politeknik Tengku Omar, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Teknologi Sarawak dan Universiti Utara Malaysia);
- v. Tiga (3) orang telah dipilih sebagai Presiden Angkatan Belia MFLS (ABM) semenjak tahun 2020;
- vi. Seramai 13 orang telah dipilih sebagai Pengerusi Angkatan Belia MFLS (ABM) Negeri-negeri;
- vii. Saudari Durga Shini (Alumni MFLS Negeri Melaka) yang memenangi Johan Anugerah Belia Perdana (Kategori Wanita) peringkat negeri Melaka;
- viii. Saudari Izzah Abdul Rahman (Alumni MFLS Negeri Perak) tempat ke tiga Anugerah Belia Perdana (Kategori Wanita) peringkat negeri Perak;
- ix. Saudari Sharifah Khairini Syed Azmi (Alumni MFLS Negeri Pahang) telah berjaya merangkul Anugerah Khas Graduan Cemerlang Badan Profesional di bawah Institusi Pendidikan Mara bagi tahun 2024;
- x. Angkatan Belia MFLS Negeri Perlis yang telah merangkul Naib Johan Anugerah Belia Perdana Peringkat Negeri Perlis; dan
- xi. ROY telah memberi penarafan empat hingga lima bintang MYKD kepada Angkatan Belia MFLS Negeri-negeri seperti ABM Kedah, ABM Sabah, ABM Melaka, ABM Negeri Sembilan, ABM Kelantan, ABM Selangor & Wilayah Persekutuan, dan ABM Pahang.

6. Terdapat ramai lagi Alumni MFLS yang tidak dinyatakan dan berjaya memperoleh kejayaan yang cemerlang di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa.

7. Kesimpulannya, Program MFLS telah membuktikan keberkesanannya dengan menghasilkan belia yang tidak hanya memiliki keupayaan tinggi dalam kepimpinan tetapi juga pengetahuan yang mendalam. Mereka bukan sahaja mampu memberikan impak positif kepada komuniti, tetapi juga berkeupayaan untuk menyumbang kepada kemajuan negara. Ini menandakan keberhasilan program tersebut dalam membentuk belia yang bukan sahaja berkemampuan tinggi dalam kepimpinan dan pengetahuan tetapi juga memiliki nilai-nilai dan komitmen kepada pembangunan sosial dan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM
[ARAU]**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:**

- (a) apakah penekanan khusus dan hala tuju Kementerian terhadap perancangan dan pembangunan FELDA mengambil kira fungsi FELDA yang sedia ada ke arah menjamin kebajikan warga FELDA dan generasi baharu FELDA; dan
- (b) apakah tindakan susulan yang diambil ekoran Mesyuarat Koordinasi KKDW dan FELDA pada Januari lalu termasuk kerjasama baharu dalam sektor seperti bidang infrastruktur, modal insan, TVET, usahawan dan perladangan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menjamin kebajikan warga FELDA secara amnya serta pembangunan Generasi Baharu FELDA. Penekanan khusus bagi menjamin kebajikan institusi warga Peneroka FELDA adalah dengan pelaksanaan inisiatif kesihatan dan kebajikan Peneroka. FELDA telah memperuntukkan sebanyak RM5,000/keluarga sebagai sumbangan bantuan kewangan jika ditimpa penyakit kronik atau memerlukan peralatan kesihatan. Sekiranya berlaku bencana atau kebakaran pada rumah peneroka, bantuan akan diberikan sehingga RM10,000/keluarga peneroka bagi membantu kos-kos pembaikan.

Kerajaan juga telah memberikan Sumbangan Kesihatan Rahmah (SKR) sebanyak RM300 secara *one-off* kepada peneroka yg berumur 65 tahun ke atas untuk menampung sebahagian kos pemeriksaan kesihatan mereka. Pemberian ini telah dibuat secara berperingkat bermula Januari 2024 yang melibatkan penerima seramai 64,680 orang.

Selain itu, Kerajaan melalui Yayasan FELDA sedang membina 12 pusat hemodialisis di 12 tanah rancangan FELDA yg dijangka akan beroperasi secara berperingkat bermula pada Julai 2024. Kos pembinaan ini melibatkan dana kerajaan sebanyak RM21 juta.

Manakala bagi pembangunan Generasi Baharu. FELDA telah melaksanakan pelbagai inisiatif pendidikan khususnya kepada Generasi Baharu bermula di peringkat Sekolah Rendah, Menengah, serta pengajian tinggi. Pelbagai program strategik pendidikan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah dilaksanakan dan

SOALAN NO : 100

antaranya FELDA *Smart Classroom* di 101 Sekolah Menengah Kebangsaan pada tahun 2021 dan diikuti dengan FELDA *Digital Maker Hub-Coding & Robotic* tahun 2022 sehingga kini.

Pembangunan pendidikan tidak terhenti di kawasan rancangan FELDA sahaja malah ianya diteruskan dengan mewujudkan Asrama Semai Bakti FELDA bagi pengajian peringkat menengah yang dapat memberi peluang kepada generasi baharu FELDA untuk menempatkan diri di sekolah terbaik di kawasan bandar yang di berada tiga (3) lokasi utama dalam negara iaitu di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Kuantan.

FELDA juga memberi penekanan kepada aspek pembangunan sukan melalui penubuhan Akademi Bola Sepak FELDA yang terletak Institut Semarak FELDA (ISEF), Bangi yang memberi peluang kepada perkembangan potensi dan bakat generasi baharu FELDA dalam bidang sukan.

Usaha bagi meningkatkan kualiti pendidikan generasi baharu, FELDA mewujudkan MRSM FELDA (Program Premier) pada tahun 2007 dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA). Walaubagaimanapun, bermula tahun 2023 MRSM FELDA telah dinaik taraf kepada program Ulul Albab dan merupakan MRSM kelapan (ke-8) yang melaksanakan program Ulul Albab untuk melahirkan ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang bukan sahaja berilmu pengetahuan tetapi mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah sebagai generasi Ulul Albab.

Seiring dengan arus Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), FELDA menyediakan biasiswa pendidikan di bawah Program Global Digital Leadership (GDL) dengan kerjasama Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) yang memberikan peluang kepada anak peneroka, generasi baharu FELDA, anak petugas FELDA dan Kumpulan FELDA yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mendapatkan pelajaran yang terbaik dan pengalaman yang baru di universiti terbaik khususnya dalam bidang pendigitalan.

Selain itu, FELDA juga menggalakkan lebih ramai generasi baharu menyertai program Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di bawah

SOALAN NO : 100

Yayasan FELDA yang selari dengan keperluan industri masa kini. Langkah ini membantu menghasilkan tenaga kerja yang mampan, progresif, dan relevan dengan keperluan masa depan negara.

Sejak koordinasi di antara KKDW dan FELDA dimulakan, pengurusan FELDA telah pun menjadi sebahagian daripada KKDW melalui penglibatan di dalam mesyuarat mingguan Pengurusan Kanan dan Pengurusan Tertinggi KKDW. Bersatu dengan visi bersama untuk menjamin kebajikan warga FELDA, koordinasi ini menggabungkan kekuatan dan sumber unik masing-masing untuk memaksimumkan impak yang bakal diterima kepada peneroka dan generasi baru FELDA.

Sebagai contoh, pihak KKDW melalui MARA telah bersetuju untuk memberi 100 kuota kemasukan generasi baharu FELDA ke Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan MARA Japan Industrial Institute (MJII) bagi kemasukan Julai 2024. Selain daripada itu, data usahawan FELDA juga telah diselaraskan di dalam dashboard usahawan KKDW untuk pemantauan dan pengurusan usahawan yang lebih bersepadu. Kesepakatan ini akan memastikan usahawan FELDA turut mendapat manfaat yang disediakan oleh Kerajaan dari segi latihan keusahawanan, bantuan pembiayaan, peralatan, sewaan premis serta khidmat nasihat untuk para usahawan mengembangkan potensi perniagaan mereka. Tambahan itu selain pembangunan modal insan dan usahawan, KKDW dan FELDA juga giat bekerjasama dari aspek perladangan khususnya dalam menjaga kebajikan peneroka getah FELDA. Koordinasi tersebut termasuklah pemberian Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) dan penglibatan dalam penghasilan pelan strategik jangka panjang komoditi getah negara.

Koordinasi KKDW dan FELDA ini secara jelasnya menghasilkan impak yang positif kepada peneroka dan generasi FELDA secara amnya. Oleh itu, koordinasi ini akan diteruskan dengan lebih lanjut untuk memastikan lebih banyak inisiatif yang menguntungkan warga FELDA dapat direalisasikan secara bersama di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH8
[LEDANG]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) pelan Kerajaan dalam memastikan jaringan keselamatan sosial rakyat terus seimbang pasca reformasi institusi ekonomi; dan
- (b) impak dasar dan tindakan Kerajaan terkait aspek jaringan keselamatan sosial terhadap rakyat terutamanya golongan rentan.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jaringan keselamatan sosial yang komprehensif merangkumi penggubalan dasar dan pelaksanaan program yang memberi perlindungan kepada individu dan keluarga ketika berhadapan dengan risiko sepanjang hayat mereka. Ia memastikan bahawa rakyat mempunyai akses kepada sumber dan sokongan penting pada saat memerlukan seperti kehilangan pekerjaan, mengalami penyakit, hilang upaya dan sewaktu usia tua. Dalam hal ini, Kerajaan Perpaduan komited memastikan jaringan keselamatan sosial rakyat terus kekal seimbang dalam pelaksanaan reformasi institusi ekonomi.
2. Bagi menyediakan perlindungan kepada kumpulan rentan, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program Bantuan Sosial di peringkat persekutuan dan negeri. Sehingga 25 Jun 2024, sebanyak 154 program Bantuan Sosial telah dan sedang dilaksanakan di peringkat persekutuan, 423 program di peringkat negeri dan 59 program dilaksanakan oleh Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) / Organisasi lain.
3. Antara contoh program Bantuan Sosial yang sedang dilaksanakan di peringkat persekutuan ialah Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Bantuan Am Persekutuan. Manakala contoh program Bantuan Sosial di peringkat negeri adalah Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dan Bantuan Prihatin Pahang. Bagi Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) / Organisasi lain pula, contoh program yang dilaksanakan ialah Program Bantuan Perubatan / Fistula (Dialisis) oleh Perbadanan Islam Johor dan Program Baiti Jannati di bawah Tenaga Nasional Berhad (TNB).

4. Untuk memastikan keberkesanan program-program ini, kerajaan melalui Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) sedang melaksanakan rasionalisasi program-program bantuan sosial. Rasionalisasi ini bertujuan memastikan agihan bantuan sosial yang lebih cekap kepada kumpulan sasar terutamanya golongan rentan agar dapat meneruskan kelangsungan hidup, mengubah status sosial dan menambah nilai dalam kehidupan mereka. Penyampaian bantuan sosial yang berkesan dapat memastikan golongan ini meneruskan kelangsungan hidup, mengubah status sosial dan menambah nilai dalam kehidupan mereka.

5. Tumpuan Kerajaan pada masa ini juga adalah untuk memberi penekanan kepada program intervensi pasaran buruh dengan menyediakan pasaran kerja dan pembangunan modal insan. Seterusnya, Kerajaan turut memberi tumpuan kepada usaha memperluaskan liputan insurans sosial bagi mempersiapkan rakyat bersedia menghadapi risiko kehidupan seperti kemalangan dan kehilangan pekerjaan serta mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi.

6. Langkah-langkah ini menunjukkan komitmen padu kerajaan dalam memperkukuh jaringan keselamatan sosial serta memastikan semua rakyat mempunyai akses kepada sumber serta peluang untuk berkembang maju dalam ekonomi yang berubah-ubah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]
TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedia untuk mengkaji semula, dan jika ya, apakah status kajian mengenai dasar Malaysia berhubung akses formal pelarian dan warga tanpa kerakyatan kepada pendidikan dan pekerjaan, sejajar dengan matlamat Pembangunan Mampan (SDG) keempat.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi dasar Malaysia berhubung pelarian, pada masa kini, Kerajaan mengguna pakai Arahan MKN No.23 : Dasar dan Mekanisme Pengurusan Pelarian dan Pemohon Suaka (semakan 2023) yang telah memperolehi kelulusan YAB Perdana Menteri pada 14 Jun 2023 yang lalu.

2. Arahan ini merangkumi akses formal pelarian kepada pendidikan dan pekerjaan. Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam fasa permulaan dan pelaksanaannya dari semasa ke semasa adalah berdasarkan perincian dan perbincangan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA
BELAS, TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN YOUNG SYEFURA BINTI
OTHMAN (BENTONG)**

TARIKH : 27 JUN 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan berapa peratus golongan wanita yang telah
berdaftar di dalam sistem i-suri KWSP dan PERKESO di Pantai Timur
Malaysia.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melaksanakan inisiatif keselamatan sosial melalui program di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), sebuah agensi di bawah seliaan Kementerian Kewangan dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) iaitu sebuah agensi di bawah seliaan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

2. Program i-Suri yang dilaksanakan oleh KWSP telah diperkenalkan pada tahun 2018 bertujuan memelihara kebajikan golongan suri rumah yang berdaftar dalam Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (eKasih), untuk memiliki simpanan persaraan bagi kesejahteraan hidup. Bermula daripada 15 Ogos 2018 sehingga bulan Mei 2024, seramai 247,182 suri rumah (jumlah kumulatif) telah berdaftar di bawah Program i-Suri. Daripada jumlah tersebut, seramai 57,343 orang atau 23.18% merupakan suri rumah dari negeri-negeri di Pantai Timur, iaitu negeri Kelantan 34,550 ahli, negeri Terengganu 15,900 ahli dan negeri Pahang 6,893 ahli.

3. Sementara itu, Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) pula telah bermula pada 1 Disember 2022 dan dilaksanakan oleh PERKESO. Program ini bertujuan untuk menyediakan perlindungan bencana domestik kepada suri rumah yang mengalami kemalangan atau apa-apa insiden semasa melakukan urusan yang berkaitan dengan rumah tangga dan melindungi suri rumah yang ditimpa penyakit atau keuzuran. Berdasarkan statistic oleh PERKESO, dari 1 Disember 2022 hingga 31 Mei 2024, seramai 464,015 wanita (jumlah kumulatif) telah berdaftar dan mencarum secara aktif di bawah SKSSR. Daripada jumlah tersebut, seramai 107,911 pencarum atau 23.26% pencarum terdiri daripada golongan wanita negeri di Pantai Timur, iaitu 15,281 orang wanita dari negeri Pahang, 31,392 orang dari negeri Terengganu dan 61,238 wanita dari negeri Kelantan.

Sekian, terima kasih.